

Bil. 48

**Rabu
15 Oktober 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997)
(No.2) 1997

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B.43

(Ruangan 17)

Maksud B.44

(Ruangan 18)

Maksud B.47

(Ruangan 31)

Maksud B.48

(Ruangan 51)

Maksud B.52

(Ruangan 60)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1997

Jawatankuasa:

Maksud P.45

(Ruangan 22)

Maksud P.47

(Ruangan 31)

Maksud P.52

(Ruangan 60)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Ruangan 43)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,
S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak
Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri
Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M.,
D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji
Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P.,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J.,
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.I., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S.,
K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato'
Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S.
(Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P.,
D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar
bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S.,
D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng
Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- ” Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey,
P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

Yang Berhormat Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

Yang Berhormat Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,
P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat
	:	Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 15 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN
PERTANYAAN****MSC - ANGGARAN DEFISIT AKAUN SEMASA
SELEPAS PERLAKSANAAN**

1. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah anggaran defisit akaun semasa selepas pelaksanaan Multimedia Super Corridor (MSC).

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990, akaun semasa imbalan pembayaran mencatatkan defisit sebanyak RM2.5 bilion. Jumlah defisit ini meningkat kepada RM21.8 bilion pada tahun 1995, tetapi telah mengecil dengan ketara pada RM12.3 bilion pada tahun 1996. Faktor utama yang menyebabkan akaun semasa imbalan pembayaran mencatatkan defisit ialah kerana defisit akaun perkhidmatan yang berterusan. Defisit dalam akaun perkhidmatan ini adalah lebih besar daripada lebihan yang tercatat dalam akaun dagangan.

Untuk membolehkan negara mencapai lebihan dalam akaun semasa imbalan pembayaran, kita perlu memastikan, pertama, import negara tidak melebihi eksport negara. Dalam hal ini, Malaysia sememangnya mencatatkan lebihan dalam akaun dagangan, misalnya dalam tahun 1996 negara mencatatkan lebihan sebanyak RM10.2 bilion. Kedua, memperkukuhkan kapasiti sektor perkhidmatan agar negara dapat meningkatkan eksport perkhidmatan dan mengganti perkhidmatan yang diimport seperti perkhidmatan fret dan insurans, pengangkutan udara, pelancongan dan pendidikan serta kontrak dan profesional. Ketiga, meningkatkan tabungan negara agar ianya dapat membiayai segala pelaburan tetap dalam negara. Keadaan ini akan mengurangkan pergantungan negara kepada modal asing seperti pinjaman untuk membiayai pembentukan modal tetap dalam negara. Justeru itu, kita akan dapat mengehadkan aliran keluar pertukaran asing mengenai keuntungan dan dividen yang dibayar oleh syarikat asing dan bayaran faedah ke atas pinjaman untuk menyumbang kepada peningkatan tabungan negara, kerajaan akan terus memastikan kedudukan kewangan keseluruhannya mencatat lebihan pada tahun ini dan pada tahun 1998.

Usaha kerajaan dalam mengurangkan defisit akaun perkhidmatan telah menunjukkan kesan positif, di mana defisit akaun perkhidmatan telah berkurangan dari RM5.9 bilion pada suku keempat tahun 1996 kepada RM4.9 bilion pada suku pertama tahun 1997. Di samping itu, usaha untuk menangguhkan pelaksanaan beberapa projek besar, mengurangkan import besar oleh agensi-agensi kerajaan dan memotong perbelanjaan kerajaan serta melaksanakan pelan induk perindustrian kedua bagi meningkat rantai nilai proses perindustrian dijangka dapat mengurangkan pergantungan aktiviti ekonomi negara kepada import. Ini bersama-sama dengan pelaksanaan langkah-langkah bagi mencergaskan eksport dan mengukuhkan lagi kedudukan akaun dagangan imbalan pembayaran. Kesemua langkah ini adalah

menyumbangkan kepada usaha mengukuhkan kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan Multimedia Super Corridor, sehingga kini pelaksanaannya tidak memberi kesan yang nyata ke atas kedudukan akaun semasa kerana ia masih di peringkat awal pelaksanaannya. Namun begitu, pelaksanaan MSC dijangka lebih memanfaatkan terutamanya dari segi meningkatkan kecekapan sektor perkhidmatan dan seterusnya membantu mengurangkan defisit akaun perkhidmatan. Tambahan pula sebarang import oleh pelabur asing mengenai MSC akan dibiayai oleh pelabur asing. Oleh yang demikian, ianya dijangka tidak menggugat kemampanan kedudukan imbalan pembayaran.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apakah kemungkinan atau bilakah akaun semasa untuk negara boleh menjadi positif dan bukan defisit seperti yang ada sekarang?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan kita harap dapat kita kukuhkan dan dapat mencatatkan lebih akaun perdagangan itu pada tahun ini atau tahun akan datang, iaitu 1998 dan dengan itu mungkin dapat kita mengurangkan akaun defisit dalam akaun semasa. Kalau dapat kita tingkatkan usaha seperti ini, mungkinlah dapat kita kurangkan keadaan seperti di masa yang akan datang.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ada menyatakan bahawa antara langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan defisit akaun semasa ini ialah untuk melangkah masuk rancangan kedua dalam perindustrian. Kita mengetahui sektor ini tidak boleh bertumbuh sehingga 40% misalnya dan selepas itu ia akan mendatar. Maka dengan itu, ianya pada satu ketika tidak akan dapat terus menyumbang terhadap pengurangan defisit ini. Saya ingin bertanya apakah sektor-sektor lain dalam industri perkhidmatan yang diberikan perhatian untuk dibangunkan demi untuk memperkukuhkan defisit akaun semasa yang ada?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Labuan, iaitu sampai satu ketika peranan akaun sumbangan daripada pembuatan itu mungkin adalah mendatar, dan sektor-sektor lain daripada perkhidmatan lain, iaitu akaun perkhidmatan mungkin membuka peluang untuk kita tingkatkan. Kalau kita tinjau daripada akaun yang ditunjukkan untuk tahun 1996 terdapat fret dan perkhidmatan itu masih kita mengalami defisit sebanyak RM8.5 juta dan untuk pendapatan pelaburan, iaitu RM11.6 bilion dan lain-lain perkhidmatan kita masih mengalami defisit sebanyak RM5 bilion.

Jadi, ini adalah skop-skop di mana bolehlah kita tingkatkan iaitu dari segi perkhidmatan pelaburan, perkhidmatan haulage, perkhidmatan reinsurans, pendidikan, pelancongan dan ini adalah bidang-bidang di mana dapat kita pertingkatkan. Kita harap bahawa bidang ini dapat menyumbang 60% pada tahun 2020.

PENGUSAHA KERETA TERPAKAI - CADANGAN DIWUJUDKAN UNDANG-UNDANG KHAS

2. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani masalah di mana pengusaha-pengusaha kereta terpakai menggunakan rumah kediaman untuk mempamer dan menjual kereta-kereta mereka sehingga menjejaskan tetenteraman penduduk setempat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang mengkaji kemungkinan untuk mencadangkan supaya diwujudkan satu undang-undang khusus bagi mengawal selia termasuk pelesenan sektor penjualan kereta terpakai bagi menentukan sektor tersebut akan lebih teratur dan dapat berkembang dengan sihat, di samping menangani

masalah-masalah yang berbangkit daripadanya. Pada masa ini bidang kuasa kementerian berhubung dengan penjualan kereta terpakai adalah terhad kepada perantaraan harga dan kereta-kereta yang dipamerkan untuk jualan dan penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti yang menyalahi Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Sewa-Beli 1967 sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini dari segi undang-undang rumah kediaman adalah dimaksudkan untuk tempat kediaman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai tempat perniagaan, termasuklah perniagaan kereta terpakai.

Namun demikian, terdapat mereka yang degil yang menggunakan rumah kediaman untuk perniagaan kereta terpakai. Pihak kerajaan sentiasa menjalankan penguatkuasaan undang-undang terhadap kesalahan berkenaan di mana terdapat pelbagai peruntukan akta dan undang-undang kecil di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan. Perbuatan sedemikian adalah meliputi kesalahan menyalahgunakan bangunan selain dari kegunaan asal ianya diluluskan berdasarkan peruntukan seksyen 70(12) Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 33) yang membawa hukuman tidak melebihi RM1,000 atau denda pampasan sebanyak RM100 setiap hari kesalahan itu diteruskan.

Aktiviti sedemikian yang dijalankan tanpa mendapat lesen perniagaan boleh juga disabitkan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian yang apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun. Selain daripada itu, pihak Pejabat Tanah boleh menguatkuasakan peruntukan Kanun Tanah Negara berhubung dengan pelanggaran syarat kegunaan tanah. Sekian.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana menjawab soalan ini yang sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah syarat-syarat untuk mendapatkan lesen menjual kereta terpakai ini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat untuk menjalankan perniagaan kereta terpakai adalah sama dengan syarat yang dikenakan untuk perniagaan barang-barang terpakai, iaitu mendaftarkan syarikat atau perniagaan di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Perniagaan 1956. Yang kedua, pengusaha kereta terpakai dikehendaki memegang lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan. Ketiga, mereka dikehendaki memegang lesen menjual barang-barang terpakai yang dikeluarkan oleh pihak polis di bawah Akta Berniaga Barang-barang Terpakai 1946.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada soalan ini di bawah bidang kuasa kementerian. Tetapi saya ingin tahu, dalam meluluskan lesen untuk membuat perniagaan kereta terpakai ini sama ada pihak berkuasa mengambil kira tentang keperluan ataupun demand dengan sesuatu tempat ataupun sama ada kementerian mengambil kira tentang wujudnya bilik pameran untuk kereta-kereta ini. Sebab dari pandangan saya, sebagai misalan kalau dari Kuala Lumpur sepanjang-panjang Jalan Cheras sampai ke Kajang saya kira tidak kurang daripada 20 syarikat-syarikat yang mengadakan jualan kereta terpakai ini, sehingga kalau orang luar datang ke sini, mereka menganggap Malaysia ini penuh dengan kereta terpakai. Jadi, ini sebenarnya memberi gambaran ataupun imej yang kurang baik pada negara. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah sebutkan bahawa untuk pengusaha kereta terpakai menjalankan perniagaan, mereka hendaklah memenuhi tiga syarat. Apabila mereka mematuhi tiga syarat ini, mereka boleh berniaga. Pada masa sekarang tidak ada mana-mana kementerian yang boleh mengawal selia sektor industri ini. Oleh itu, kementerian ini sedang mengkaji untuk mewujudkan undang-undang khusus bagi mengawal selia industri kereta terpakai di negara ini supaya sektor ini akan berkembang dengan lebih teratur. Jadi, masalah atau

soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat, apabila undang-undang baru ini diwujudkan kita boleh mengatasi masalah ini.

PROGRAM KOMPUTER DI SEKOLAH - PELAN INDUK

3. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak kementerian mempunyai pelan induk bagi memperluaskan pembekalan dan penggunaan komputer di sekolah-sekolah di seluruh negara, khasnya di peringkat sekolah rendah. Bagi sekolah-sekolah di luar bandar, apakah program dan usaha yang sedang dilaksanakan supaya mereka tidak tercicir daripada pendidikan komputer.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang mempunyai pelan induk bagi memperluaskan pembekalan dan penggunaan komputer di sekolah-sekolah seluruh negara, khasnya di peringkat sekolah rendah untuk pengajaran dan pembelajaran melalui program komputer dalam pendidikan. Semua sekolah di seluruh negara menjalani program dan pendidikan komputer yang sama. Program-program berikut telah dijalankan di sekolah-sekolah rendah:

- (i) Pengajaran Pembelajaran Berbantu Komputer (PPBK);
- (ii) Asas Pengendalian Komputer dan Pemprosesan Perkataan;
dan
- (iii) Komunikasi Elektronik Melalui Rangkaian Meluas (WAN).

Dengan ini matlamat untuk memberikan pendidikan komputer kepada semua murid dapat dicapai.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah-sekolah di luar bandar ada beberapa halangan yang dihadapi termasuklah kekurangan bekalan elektrik, kekurangan talian telefon dan juga guru-guru yang tidak terlatih. Apakah tindakan kementerian bagi mengatasi masalah-masalah seperti ini yang dihadapi oleh kebanyakan sekolah di luar bandar?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sedar tentang masalah yang sekolah-sekolah di kawasan dalaman hadapi khususnya dari segi bekalan elektrik dan sebagainya, Kementerian Pendidikan telah bincang masalah ini dengan kementerian-kementerian lain yang juga bersama-sama bertanggungjawab dan kita sudah ada satu pelan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut khususnya dari segi pembekalan elektrik kepada sekolah-sekolah di kawasan dalaman supaya mereka juga boleh nikmati kemudahan-kemudahan yang sama khususnya dari segi penggunaan komputer.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata ada satu pelan induk untuk memperluaskan pembekalan dan penggunaan komputer di sekolah-sekolah rendah. Apakah pelan induk ini, bolehkah pelan induk ini diumumkan untuk pengetahuan bukan sahaja guru-guru, tetapi ibu bapa, orang ramai dan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bandau, tanpa electricity tidak guna ada komputer, oleh kerana perkara ini sudah kerap kali dibangkit dalam Dewan yang mulia ini, adakah Kementerian Pendidikan sudah sampai satu tahap di mana ia boleh kata satu sasaran, satu time frame di mana semua sekolah, sekarang ada lebih daripada 1,000 sekolah tidak ada kuasa electricity, satu time frame tahun 2000 semua sekolah boleh dibekalkan electricity supaya semua sekolah boleh menyertai revolusi maklumat. Bolehkah tahun 2000?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang berhasrat untuk mengatasi masalah tersebut secepat mungkin. Memang ada dalam jadual Kementerian Pendidikan supaya kita boleh mengatasi masalah khususnya dari segi bekalan kuasa elektrik kepada semua sekolah dalam satu masa yang singkat. Kita sudah ada pelan itu dan kita akan terus dengan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain supaya pelan itu boleh dilaksanakan

secepat mungkin. Saya harapkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong boleh faham bahawa kuasa pelaksanaan itu bukan sahaja di bawah tangan Kementerian Pendidikan. Jadi, kita perlu juga segala machinery supaya ianya boleh dilaksanakan secepat mungkin.

Keduanya, dari segi pelan induk untuk memperluaskan penggunaan dan pembelajaran pengajaran komputer di sekolah-sekolah rendah, Kementerian Pendidikan sudah mula rancangan itu dua-tiga tahun dahulu, di mana Kementerian Pendidikan sudah bekalkan kepada semua sekolah sekurang-kurangnya sebuah komputer, itu sebagai langkah permulaan. Kementerian Pendidikan juga telah tentukan beberapa program seperti pendidikan melalui komputer, seperti mewajibkan kursus berkomputer di sekolah-sekolah vokasional dan untuk mewajibkan bahawa semua calon di maktab perguruan juga patut mempelajari komputer supaya apabila mereka kembali ke sekolah-sekolah rendah, mereka mempunyai keyakinan dan kebolehan untuk mengajar komputer itu. Jadi, pelan induk sudah sedia dan kita sudah mula pelaksanaannya dan dalam satu masa yang singkat kita boleh lihatlah kesannya.

ELAUN KAKITANGAN KERAJAAN DI BANDAR-BANDAR BESAR - CADANGAN TAMBAHAN

4. **Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Perdana Menteri menyatakan:-
- (a) adakah kerajaan berhasrat untuk memberi elaun tambahan kepada kakitangan kerajaan yang berkhidmat di bandar-bandar besar umpamanya Kuala Lumpur dan Johor Bharu yang mana kos sara hidupnya adalah tinggi dibandingkan di tempat lain dan jika tidak, apakah alternatif bagi mengatasi masalah seperti sewaan rumah yang tinggi; dan
 - (b) oleh kerana harga rumah di bandar-bandar besar telah naik begitu tinggi, adakah kerajaan berhasrat untuk menambah jumlah pinjaman perumahan sedia ada supaya kakitangan kerajaan dapat memiliki rumah yang bersesuaian dengan pendapatan mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

- (a) kerajaan pada ketika ini sedang membuat kajian berhubung kos sara hidup di bandar-bandar besar dan kesannya kepada mutu perkhidmatan pegawai-pegawai kerajaan.
- (b) kerajaan belum bercadang untuk menambah jumlah pinjaman perumahan bagi kakitangan kerajaan. Sebagai panduan, kelayakan bagi satu-satu permohonan pinjaman adalah tertakluk kepada amaun ansuran bulanan yang tidak melebihi 40% daripada gaji hakiki bulanan pemohon. Ini juga mengambil kira keupayaan peminjam untuk meneruskan ansuran bayaran balik melalui potongan pencen kerana tempoh pinjaman adalah antara 25 hingga 30 tahun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tidak silap saya baru-baru ini kerajaan ada mengumumkan untuk mendirikan kuarters bagi kakitangan khasnya kepada kakitangan yang bujang, yang terlewat kahwin untuk diberikan keutamaan, terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Apa terjadi dengan program sedemikian? Kalau ianya akan dilaksanakan, adakah rancangan ini juga akan diperluaskan hingga ke kawasan-kawasan luar bandar yang sukar untuk mendapatkan rumah-rumah kediaman?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini kerajaan memang ada membuat bukan sahaja kajian, malahan pembangunan

beberapa rancangan-rancangan kuarters ataupun perumahan bagi beberapa institusi seperti kastam, tentera, polis dan sebagainya. Pada ketika ini kerajaan belum lagi berhasrat hendak meluaskan program ini, namun akan diambil kira oleh kerajaan.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak berapa lama dahulu ditimbulkan idea untuk menghidupkan semula cost of living allowance (COLA), untuk menggantikan Elaun Khidmat Awam (EKA) atau yang pernah dicadangkan oleh CUEPACS untuk mengatasi masalah kos sara hidup yang tinggi di bandar-bandar besar. Jadi, apakah kedudukan cadangan ini setakat ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, permohonan ini telah ditolak pada tahun 1993. Sebenarnya CUEPACS telah mencadangkan supaya elaun bandar besar untuk pegawai berkhidmat yang tinggal di bandar-bandar kerana kos sara hidup telah diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh kerajaan. Jawatankuasa yang mengkajinya ialah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Sektor Awam yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengkajikan perkara ini dan tidak dapat bersetuju dengan pandangan tersebut.

LEBUHRAYA KAJANG SEREMBAN - KEDUDUKAN PROJEK

5. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) kedudukan pembinaan Lebuhraya Kajang-Seremban; dan
- (b) jumlah lot dan luasan tanah di Negeri Sembilan yang akan diambil alih dan bilangan rumah kediaman yang terlibat.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian konsesi Projek Lebuhraya Kajang-Seremban telah ditandatangani pada 10 Julai 1997 di antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat Kaseh Lebuhraya Sdn. Bhd. Tempoh konsesi lebuhraya ini ialah selama 33 tahun. Lebuhraya enam lorong dua hala sepanjang 48.5 kilometer ini terbahagi kepada tiga seksyen. Seksyen I iaitu Kajang-Pajam - 18 kilometer, seksyen II Pajam-Seremban - 17.5 kilometer, seksyen III Seremban Bypass - 13 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pihak syarikat konsesi sedang membuat rekabentuk terperinci dan pembinaan lebuhraya ini dijangka akan bermula pada bulan Januari 1998 dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun setengah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak syarikat konsesi sedang menyediakan pelan pengambilan balik tanah di bawah seksyen 8, Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 dan butiran terperinci mengenai jumlah lot, keluasan tanah dan bilangan rumah kediaman yang terlibat di Negeri Sembilan belum dimuktamadkan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Adakah benar ada pihak mencadangkan supaya Kaseh Highway ini dari Seremban Bypass supaya mengalihkan alignment yang telah dipersetujui supaya ia disambungkan ke Jalan Kuala Pilah melalui Kampung Baru Paroi, dan kalau ini benar, berapa buah rumah akan terlibat?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa saya jelaskan tadi, baru sahaja laporan pelan sedang disediakan oleh syarikat itu oleh kerana tidak boleh mendapat apa-apa butir berkenaan dengan adakah kawasan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi kena atau tidak.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setiap kali dibuat penswastan lebuhraya seperti yang ada sekarang dari Cheras ke Kajang, ia akan melibatkan pengambilan tanah. Soalan saya ialah adakah tanah yang akan diambil dari Kajang melalui Semenyih hingga ke Seremban akan

diganti dengan tanah juga atau pampasan wang ringgit, kerana penduduk di situ lebih mahukan pampasan dari gantian tanah?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu diletak dalam tangan Pengarah Tanah dan Galian. Kadangkala ada juga mereka diberi tanah atau pampasan diberi kepada mereka. Tetapi saya tidak tahu di kawasan ini mana satu yang akan dipilih oleh Pengarah Tanah dan Galian.

SEKTOR KEWANGAN - LANGKAH-LANGKAH PEMULIHAN

6. **Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan dan nilai projek mega yang akan ditangguhkan serta langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan keyakinan sektor kewangan dan sama ada langkah-langkah tersebut berkesan kalau ia dilakukan dengan cara tidak konsisten seperti:-

- (a) mendesak kereta Proton Perdana dijadikan sebagai kereta rasmi tetapi tidak pula memerlukan kereta mewah Mercedes Benz dijual dan ditukarkan kepada kereta Proton; dan
- (b) melarang 'margin selling' oleh bank-bank perdagangan tetapi tidak pula syarikat broker saham, terutama sekali mengapa arahan telah dikeluarkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 4 September 1997 untuk margin selling dikuatkuasakan yang menyebabkan Indeks Komposit BSKL jatuh seketika ke tahap 675 mata.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan telah mengumumkan penangguhan empat projek mega bernilai RM33 bilion sebagai usaha untuk memperbaiki defisit akaun semasa negara kita seperti berikut:

- | | | | |
|-------|--|---|---------------------|
| (i) | Projek Hidro Elektrik Bakun | - | RM15 bilion. |
| (ii) | Kuala Lumpur linear city | - | RM10 bilion. |
| (iii) | Lapangan Terbang Antarabangsa
Wilayah Utara | - | RM 4 bilion. |
| (iv) | Lebuhraya Tanah Tinggi | - | <u>RM 4 bilion.</u> |
| | Jumlah | - | <u>RM33 bilion.</u> |

(a) Keputusan kerajaan memberhentikan pengimportan kereta-kereta mewah iaitu jenis Mercedes Benz dan Volvo sebagai kenderaan rasmi dan menggantikannya dengan kereta nasional keluaran Proton adalah satu daripada langkah yang diambil untuk mengatasi defisit imbalan pembayaran negara. Dari segi pelaksanaan, kerajaan tidak menjual kereta Mercedes Benz dan Volvo secara tergesa-gesa dan menggantikannya dengan Proton Perdana, kerana ia perlu mematuhi beberapa keperluan tertentu seperti berikut:-

- (i) bagi kementerian dan jabatan Persekutuan, kereta-kereta tersebut adalah merupakan kereta konsesi yang dipajak untuk satu tempoh pajakan dan hanya diganti apabila tamat tempoh itu;
- (ii) bagi permohonan kereta baru, mereka yang berkecukupan akan terus dibekalkan dengan kereta jenis Proton Perdana;
- (iii) bagi kereta-kereta jenis Mercedes Benz dan Volvo yang digunakan oleh badan-badan berkanun dan lain-lain agensi kerajaan, penggantian kepada

kereta jenis Proton Perdana akan dibuat setelah Sijil Tidak Ekonomi dibaiki dikeluarkan. Ini bermakna bagi kereta-kereta tersebut ia akan terus digunakan sehingga Sijil Tidak Ekonomi dibaiki dikeluarkan.

- (b) Sebagai makluman untuk Ahli Yang Berhormat, pihak BSKL tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan berkenaan margin selling pada 4 September 1997. Jika Ahli Yang Berhormat merujuk kepada force selling, maka perkara ini merupakan sebahagian daripada peraturan BSKL yang sedia ada yang bermaksud sistem Penghantaran dan Penyelesaian Tetap atau Fixed Delivery dan Settlement System, iaitu apabila seorang pembeli tidak menyelesaikan pembayaran saham yang telah dibelinya pada T+5, syarikat broker saham akan menjalankan jualan paksa ke atas saham yang dibelinya pada T+6.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pasaran saham semasa, kebanyakan syarikat broker saham bertindak mengikut polisi dalaman, iaitu mengambil kira risiko yang perlu ditanggung serta pertimbangan perniagaan. Analisa pasaran membuktikan bahawa aktiviti-aktiviti jualan paksa bukan merupakan sebab penting kejatuhan indeks.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa kereta-kereta Mercedes yang sekarang merupakan kereta rasmi akan dijual balik kepada pihak para menteri dan timbalan menteri sebelum mereka bertukar kepada Proton Perdana dengan harga yang amat kurang sekali, iaitu disubsidikan oleh pihak kerajaan, mungkin hanya 10% harga pasaran. Yang kedua, memandangkan bahawa force selling telah diharam oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam beberapa ucapan beliau. Adakah kenyataan seperti ini telah menyebabkan pasaran BSKL jatuh lebih teruk, dan bolehkah Yang Berhormat memberikan jumlah atau angka force selling yang terlibat, iaitu apakah jumlah perdagangan yang disebabkan oleh force selling?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan pertama ialah tidak benar. Untuk menjawab soalan yang kedua, mengenai force selling dengan kenyataan yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu setiap kali, ini adalah satu sebab yang menyebabkan penurunan Indeks Komposit BSKL adalah tidak benar juga, kerana memang seperti yang dikatakan Perdana Menteri, negeri lain Filipina atau Thailand tidak mempunyai apa-apa pernyataan pun, tetapi sahamnya jatuh juga. Manakala apa usaha-usaha yang kita buat pada masa itu seperti melarang bank membuat panggilan margin ataupun mengamalkan short selling tidak dibenarkan di BSKL ataupun meminta dana tempatan membeli saham-saham di BSKL merupakan usaha-usaha untuk kita memulihkan keyakinan pelabur-pelabur di tempat ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, memang susah hendak kita mengesan short selling yang berlaku di pasaran ini, dan tidaklah dapat kita mengesan khasnya short selling yang berlaku di luar negara kita ini.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu dalam Dewan yang mulia ini bahawa ada satu maklumat yang mana kereta-kereta kerajaan yang digunakan oleh para menteri atau para timbalan menteri dan setiausaha parlimen dan jabatan-jabatan sedang diswastakan di bawah Syarikat Spanco Snd. Bhd. yang mana sewa mereka sangat tinggi, iaitu untuk menteri adalah RM9,900 sebulan dan untuk setiausaha politik RM2,900 sebulan dan semua kereta itu servis dijalankan oleh Syarikat Spanco Sdn. Bhd. ini. Jika kita bandingkan dengan apa yang dilaksanakan dengan penswastaan ini adalah lebih mahal daripada apa yang diamalkan dahulu, saya harap Yang Berhormat

Timbalan Menteri Kewangan dapat memberikan maklumat kepada kita dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, memang kereta-kereta untuk digunakan oleh menteri, timbalan menteri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan adalah diswastakan kepada Spanco dengan sewaan-sewaan tertentu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, iaitu bagi Mercedes sewaan sebulan itu ialah RM11,000, Volvo RM5,000 dan untuk Proton jenis eksekutif ialah RM3,700, untuk Proton jenis korporat RM2,400. Ini adalah pada satu ketika difikirkan cara seperti ini untuk kita menguruskan kemudahan seperti ini dengan cara kontrak dengan swasta, dengan Spanco itu adalah mahal dan tidak seperti dahulu, mungkin tidak boleh berbanding dengan dahulu adalah lebih murah. Satu kajian telah dijalankan oleh pihak yang berkecuali dan kita tidak mendapati satu situasi itu win-win situation. Itulah satu kesimpulan yang telah didapati.

MEROTAN MURID - KEDUDUKAN DARI SEGI UNDANG-UNDANG

7 **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) mengapakah mendisiplinkan murid dengan merotan oleh guru dianggap sebagai kes di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan (sengaja menyebabkan cedera dengan menggunakan senjata atau benda-benda lain yang berbahaya), sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Polis Negara; dan
- (b) 'benarkan' rotan yang digunakan oleh guru untuk mendisiplinkan murid dianggap sebagai senjata atau benda yang berbahaya menurut undang-undang negara kita.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, sedikit pembetulan. Perenggan (b) 'benarkan' sepatutnya dibaca 'benarkah'.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seksyen 324 Kanun Keseksaan menyatakan antara lain, "seseorang yang dengan sengaja mendatangkan cedera melalui apa-apa alat untuk menembak, menikam atau memotong atau apa-apa alat yang boleh digunakan sebagai senjata."
- (b) Mengikut tafsiran ini, apa-apa alat termasuk rotan sekiranya diguna bagi mendatangkan kecederaan pada seseorang boleh dianggap sebagai satu senjata. Ianya juga bergantung kepada sejauh mana tahap, dengan izin, extend kecederaan yang dialami oleh mangsa. Sekiranya mangsa tersebut digunakan dan mengakibatkan kecederaan yang extensive, dengan izin, maka ianya termasuklah di bawah definisi Seksyen 324 Kanun Keseksaan.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan insiden guru yang ditangkap dan digari polis di kawasan sekolah di hadapan murid-murid baru-baru ini hasil dari laporan ibu bapa seorang murid yang dihukum oleh beliau kepada pihak polis yang sedikit-sebanyak menimbulkan kekecohan antara pihak Kementerian Pendidikan, pihak polis dan pihak Persatuan Guru-guru. Apakah langkah pihak kementerian bagi memastikan insiden yang sama tidak berulang lagi dan tidak mencemarkan imej profesion perguruan hanya kerana laporan ibu bapa yang tidak berpuas hati kepada pihak polis yang belum tentu lagi kesahihannya?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pihak Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia memang telah mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya memastikan semua pegawai polis dalam menjalankan tugas siasatan adalah berhati-hati terutamanya yang melibatkan guru-guru dan murid-murid. Insiden ini merupakan satu insiden yang isolated, dengan izin, di mana perkara ini telah pun dikira selesai, kerana kedua-dua ibu bapa dan guru telah pun dapat berbincang dan dapat satu persetujuan supaya tidak jadikan ini satu isu selanjutnya.

Walau bagaimanapun, pihak polis sentiasa perlu menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang selagi ada laporan polis dibuat oleh mana-mana pihak. Kalau sekiranya polis tidak mengambil tindakan untuk menyiasat, maka itu jadi satu pengabaian tugas dari pihak polis. Walau bagaimanapun, pihak polis telah mengambil langkah yang berjaga-jaga untuk mengelakkan apa-apa insiden yang tidak diingini ataupun salah faham yang berlaku.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pelajar-pelajar sentiasa berdisiplin, sedangkan penggunaan rotan ada implikasi undang-undangnya, apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan pasukan mata-mata atau polis sekolah khususnya untuk memastikan pelajar-pelajar kita sentiasa berdisiplin?

Dato' Ong Ka Ting: Buat masa kini pihak polis memang ada kerjasama yang rapat dengan pihak sekolah. Ada di antaranya macam pegawai polis menganakngkatkan sekolah yang dikatakan banyak masalah disiplin, dan pihak polis memang menggalakkan pihak sekolah mengadakan perkhidmatan uniform yang ada latihan dari segi mendisiplinkan murid-murid. Tetapi walau bagaimanapun, tugas disiplin dalam sekolah itu masih letak di bawah bidang kuasa guru dan pihak polis tidak boleh campur tangan.

MOTOSIKAL MALAYSIA (KRIS) - JUMLAH AGEN DI SARAWAK

8. **Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat ini berapa buah agensi yang menjual motosikal Malaysia (Kris) di Sarawak dan adakah kerajaan bercadang untuk membuat model baru dengan harga yang lebih murah supaya rakyat Malaysia yang mempunyai pendapatan rendah dapat membelinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya,

- (a) Sehingga kini terdapat sebanyak 178 buah agensi yang menjual motosikal Malaysia (Kris) di seluruh negara. Daripada jumlah ini, hanya sebuah agensi sahaja sedang beroperasi di Sarawak, iaitu Syarikat Ghee Hwa Motorpal Sdn. Bhd. Dari 178 buah agensi, sebanyak 166 buah agensi sedang beroperasi. Manakala yang selebihnya sedang dalam proses penyediaan bilik pameran.
- (b) Modenes kini memasarkan tiga jenis model. Model yang terbaru ialah jenis EM 110 (Gold), electric starter, dengan izin. Jenis model dan harga setiap model adalah seperti berikut mengikut insurans yang digunakan. AN110E - keep starter di antara RM3,777.50 hingga RM3,898, AN110F - electric starter RM4,072.25 hingga RM4,198, EM110 (Gold) electric starter sebanyak RM4,270.50 hingga RM4,393. Harga yang ditawarkan adalah di antara yang termurah berbanding dengan harga motosikal bukan nasional seperti Honda, Kawasaki, Yamaha dan Suzuki yang mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan tambahan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang kemungkinan Kriss ini masuk pasaran ASEAN. Jadi, setakat hari ini di negara manakah kita nampak bahawa Kriss ini mempunyai potensi yang tinggi untuk mendapat pasaran dan harga yang kompetitif berbanding dengan harga motosikal yang sedia ada di negara yang berkenaan?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hendak memasarkan sesuatu barangan sama ada motosikal ataupun perkara-perkara yang lain, prinsip pemasaran ialah the four 'Ps' of marketing. P yang pertama ialah produk, nombor dua place, nombor tiga price dan nombor empat promotion. Selagi pasaran yang kita hendak tembusi boleh 'disatisfy' dengan apa sahaja produk yang kita boleh pasarkan dari segi product, price, place and promotion, saya rasa kita boleh pasarkan sebarang keluaran negara kita jika sekiranya kita boleh memberikan kepuasan kepada pembeli di mana-mana jua pun.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Syarikat Ghee Hwa ini adalah sebuah syarikat milik bumiputera? Kalau tidak, adakah kerajaan bercadang untuk mengesyorkan kepada Modenas supaya melantik sebuah syarikat milik bumiputera....

Seorang Ahli: Banyak lagi syarikat.

Tuan Richard Riot Anak Jaem:sekurang-kurangnya sebuah lagi syarikat bumiputera sebagai pengedar, dan apakah syarat-syarat dan kelayakan untuk menjadi agen pengedar?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut namanya saya rasa bukan bumiputeralah. Kalau bumiputera tidak boleh jadi nama Ghee Hwa. Tetapi saya rasa dari segi sama ada boleh melantik ataupun tidak agensi-agensi lain, saya berpendapat sekiranya ada pasaran sepertimana saya katakan tadi, sekiranya ada pasaran saya rasa tidak ada masalah bagi Modenas untuk melantik mana-mana jua pun termasuk bumiputera sekali untuk menjadi agensi kepada motosikal Kriss ini.

TABIAT MEROKOK DAN MINUMAN BERALKOHOL - DASAR KEMENTERIAN BAGI KESIHATAN RAKYAT

9. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kesihatan menyatakan dasar Kementerian Kesihatan berkaitan:-

- (a) tabiat merokok dan tabiat meminum minuman beralkohol; dan
- (b) pemakanan rakyat yang sesuai untuk menjaga kesihatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan,

- (a) Kementerian Kesihatan memandangkan berat tentang masalah tabiat merokok dan tabiat meminum minuman beralkohol dan telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya. Untuk menangani masalah tabiat merokok, Kementerian Kesihatan telah menggubal satu peraturan ketat mengenai kawalan merokok di bawah Akta Makanan 1983 yang telah pun diwartakan pada tahun 1993. Manakala untuk menangani masalah tabiat meminum minuman, beralkohol Kementerian Kesihatan juga telah merangka beberapa strategi kempen kesedaran mengenai bahaya meminum minuman beralkohol. Bahagian kawalan mutu makanan juga sedang menggubal satu peraturan khas berkaitan kawalan penggunaan minuman beralkohol.

- (b) Memang menjadi dasar Kementerian Kesihatan untuk memberikan penekanan kepada aspek pemakanan di dalam penjagaan kesihatan rakyat. Komponen pemakanan dimasukkan ke dalam setiap Kempen Cara Hidup Sihat yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan semenjak tahun 1991. Penekanan kepada aspek pemakanan ini dikhususkan lagi di dalam kempen cara hidup sihat pada tahun ini yang bertemakan 'Makanan Untuk Kesihatan'. Melalui kempen ini rakyat dididik tentang amalan pengambilan makanan yang sepatutnya diamalkan termasuklah cara untuk merancang pengambilan makan melalui piramid makanan dan jenis-jenis makanan yang perlu dlebihkan atau dikurangkan.

Kakitangan kesihatan, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang akan bertindak sebagai penyampai maklumat kepada orang ramai telah dilatih untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada orang ramai. Kementerian Kesihatan juga telah menyediakan bahan-bahan pendidikan permakanan termasuk poster, risalah, buku kecil dan sebagainya yang boleh dijadikan bahan rujukan pemakanan oleh orang ramai. Mesej mengenai pengambilan makan yang baik juga disampaikan melalui media massa seperti akhbar, radio dan TV.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, semenjak larangan merokok diadakan di tempat-tempat awam, saya ingin tahu sejauh manakah penguatkuasaan? Kalau ada detail, berapa ramai yang telah ditangkap dan apakah jenis hukuman yang telah diberikan? Saya juga ingin bertanya pandangan daripada Yang Berhormat, bagaimanakah pandangan dari pihak kementerian, kerana pihak kementerian untuk menjayakan cara hidup sihat kita melarang tabiat merokok dan dalam masa yang sama pula kita telah memberi bantuan kepada penanam-penanam tembakau. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang masalah ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kompaun yang telah dikeluarkan sehingga tahun 1997 ialah 8,578. Jumlah kutipan wang kompaun sehingga Jun 1997 ialah RM119,230.00 dan bilangan pegawai penguatkuasaan yang telah diberi kuasa ialah 1,691 dan bilangan pegawai dalam proses untuk diberi kuasa ialah 9,222. Jawapan bagi soalan kedua, saya fikir saya minta notis mengenai perkara ini. *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat dalam perkara (b) iaitu pemakanan rakyat yang sesuai untuk menjaga kesihatan, saya ingin tahu komitmen kementerian khususnya dari segi kita lihat membiaknya fast food restaurant yang antara lain menyumbang kepada kadar obesity ataupun kegemukan di kalangan anak-anak kita. Yang saya tahu bahawa kadar obesity di kalangan anak-anak kita semakin meningkat. Jadi, apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian supaya ini dapat diambil tindakan supaya tidak merebak?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, memang ini semua kita boleh jalankan melalui kempen sahaja, bukan melalui undang-undang.

DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN) - PENDEKATAN

10. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang mengkaji semula pelaksanaan DPN bagi membolehkan penumpuan pembangunan secara holistik berdasarkan acuan endogenous dan tidak terlalu bercorak eksogenous, dan juga bagi mengelakkan kemajuan yang tidak seimbang antara matlamat kemajuan materialistik dan kemajuan budaya dan kerohanian.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pendekatan pembangunan kerajaan di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) sejak dahulu lagi memang berteraskan pendekatan yang holistik. Walaupun penekanan sentiasa diberi kepada pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup rakyat dan memenuhi objektif-objektif ekuiti, dimensi pembangunan yang lain seperti meningkatkan kesejahteraan, sosial, kebudayaan dan kerohanian tidak ketinggalan.

Adalah tidak jelas dari soalan Yang Berhormat, apakah yang dimaksudkan eksogenus dan endogenus. Sekiranya eksogenus bermaksud pengaruh-pengaruh luaran dan endogenus pula bermaksud pengaruh domestik dan kebudayaan kita, maka adalah benar apabila kita menjadi sebahagian daripada ekonomi global kita akan terdedah kepada perkembangan dan pengaruh asing yang akan memberi kesan kepada pelbagai aspek kehidupan kita. Setengah dari pengaruh ini adalah berguna, sedangkan yang lainnya akan mengikis kebudayaan dan mengubah kehidupan kita.

Adalah tidak mungkin kita boleh memisahkan diri kita sepenuhnya dari pengaruh-pengaruh luaran ini dan adalah dihargai sama ada terdapat kebaikan jelas sekiranya kita bertindak demikian. Sepatutnya kita harus terbuka kepada perkembangan luaran ini supaya kita lebih bersedia untuk mengambil peluang-peluang yang sedia ada bagi membolehkan kita untuk lebih bersaing di dalam ekonomi global. Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa sebahagian dari pengaruh-pengaruh ini boleh memudaratkan dan tidak bersesuaian untuk persekitaran tempatan.

Oleh kerana itu, di bawah DPN, kerajaan telah memberi keutamaan terhadap aspek sosial, kebudayaan dan keagamaan supaya kita dapat membentuk kekuatan dan daya tahan dalaman. Memelihara nilai-nilai kerohanian, moral dan etika adalah penting bagi Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang benar-benar maju seperti yang dinyatakan di dalam Wawasan 2020. Tambahan pula kerajaan akan meneruskan usaha untuk memupuk nilai-nilai positif dan etika melalui sistem pendidikan, organisasi perniagaan dan program kekeluargaan bagi memperkukuhkan lagi ciri sosial kehidupan masyarakat Malaysia supaya menjelang tahun 2020 kelak kita akan dapat mencapai taraf negara maju dalam acuan kita sendiri.

PELAN INDUK PEMBANGUNAN PRASARANA DESA - STATUS TERKINI

11. **Tuan Paul Noutin [Penampang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) status terkini usaha kementerian untuk merangka Pelan Induk Pembangunan Prasarana Desa bagi setiap kawasan Parlimen; dan
- (b) sebab-sebab kementerian mengambil masa yang begitu lama sekali untuk merangka pelan induk tersebut.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah berusaha untuk menggubal senarai induk prasarana desa dan perkara ini sedang dalam pelaksanaan. Ini adalah bagi tujuan untuk memungkinkan kita melaksanakan kemudahan-kemudahan prasaranan desa secara lebih komprehensif dan teratur. Senarai induk untuk pelan induk prasarana desa ini antara lain merangkumi semua kemudahan-kemudahan bagi menaikkan taraf jalan-jalan kampung, program bekalan air luar bandar, program bekalan elektrik luar bandar dan sistem telekomunikasi luar bandar. Maklumat-maklumat ini sebahagiannya diperolehi secara berperingkat-peringkat daripada pejabat daerah dan juga daripada ahli-ahli Parlimen.

Sukalah saya memaklumkan setakat ini kita telah menerima sebanyak RM11,270 permohonan projek mengikut tajuk di bawah pelbagai kategori, dan kita

sedang menyusun ke dalam satu sistem komputer bagi membolehkan analisa terperinci dilaksanakan dan disusun pengagihan pelaksanaannya.

Tentang kelambatan menyiapkan pelan induk prasarana desa ini, satu daripada sebabnya ialah kelambatan kita menerima maklumat daripada pejabat daerah dan juga kelambatan kita menerima maklumat daripada ahli-ahli Parlimen sendiri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada prasarana desa yang diperlukan adalah menaikkan taraf jalan-jalan kampung. Dalam hal ini, sekarang ini ada beberapa negeri tertentu yang mengambil satu inisiatif mendepani zaman iaitu dengan mengambil alih pembekalan prasarana desa jalan-jalan kampung, atas inisiatif kerajaan negeri.

Saya ingin persoalkan di sini adakah pihak kementerian akan memberi spesifikasi jalan-jalan kampung yang khusus supaya menepati kehendak dan juga perkembangan supaya jalan-jalan ini tidak akan mengalami kerosakan dalam tempoh yang pendek.

Saya difahamkan pihak kementerian telah membuat satu kajian mengenai struktur jalan-jalan kampung yang dinaikkan taraf iaitu daripada kelas C kepada kelas B dan sebagainya, bermakna supaya jalan-jalan kampung ini tidak mudah rosak dan sebaliknya akan memakan belanja yang lebih tetapi mempunyai duration ataupun hayat yang lebih panjang.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, kementerian dengan kerjasama JKR telah menyiapkan beberapa piawaian yang boleh digunapakai. Jadi, kalau sekiranya kerajaan negeri melaksanakan juga projek jalan kampung, kerajaan-kerajaan negeri adalah digalakkan menggunakan piawaian yang disediakan.

Tuan Jacob Dungau Anak Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu masalah yang lewat-lewatkan implementasi projek yang diluluskan oleh kerajaan ialah dari segi pelaksanaan projek tersebut di peringkat bawah. Memandangkan masalah yang dihadapi seperti ini, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menjamin bahawa projek seperti ini boleh dilaksanakan dengan berkesan dan dalam masa yang ditentukan.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah kita lakukan ialah kita cuba memperbaiki dan meningkatkan prestasi pelaksanaan dengan memberikan tawaran secara pakej dan kita telah lakukannya untuk bekalan elektrik luar bandar di beberapa negeri dan mulai daripada tahun ini kita mencuba pula untuk projek jalan-jalan kampung, tetapi ini adalah dalam peringkat percubaan dan sekiranya kaedah memberikan secara pakej dan menggunakan konsep payung ini terbukti boleh mempercepatkan pelaksanaannya, ianya akan dikekalkan, tetapi kalau sistem ini kita dapati tidak dapat memperbaiki prestasinya, kita akan memilih cara-cara lain.

PENDIDIKAN NEGARA - KESERAGAMAN ORIENTASI DAN SISTEM

12. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian sedar yang wujudnya dua sistem dan orientasi yang bertentangan di dalam sistem pendidikan negara. Pertama, kurikulum pendidikan untuk melahirkan pelajar yang berilmu, bermoral, cekap, cerdas, berdayatahan, percaya diri dan cergas. Tetapi, orientasi pendidikan dan matlamat di peringkat sekolah ialah untuk mencapai kecemerlangan akademik menerusi grading A, B dan C di semua peringkat SRP dan SPM hingga matlamat kurikulum diketepikan. Apakah alasan kementerian.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar wujudnya dua sistem dan orientasi yang bertentangan dalam sistem pendidikan. Kurikulum yang digubal adalah bermatlamat mengembangkan potensi belajar secara seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah menekankan semua aspek tersebut secara sedar. Di akhir sesuatu pembelajaran, penilaian perlulah dijalankan untuk mendapatkan satu piawaian hasil pembelajaran yang berbentuk gred atau markah sebagai penyataan pencapaian kecemerlangan pelajar tersebut.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, penekanan keperluan mendapat prestasi yang baik dalam pendidikan adalah yang terpenting sekali untuk menjamin murid-murid berkenaan untuk memasuki universiti. Dan kalau prestasinya kurang baik, bermakna peluang untuk pergi ke universiti adalah tidak wujud.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, murid-murid semuanya menumpu hampir 100% masa dalam sekolah kepada pembelajaran akademik. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, kurikulum yang telah ditetapkan telah tidak dibuat dengan sempurna kerana semua aktiviti lain sama ada soal moral, fizikal, rekreasi dan sebagainya yang membukakan pandangan murid-murid telah diketepikan. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan sistem pendidikan yang bukan sahaja Malaysia ada tetapi bahkan di seluruh negara, perlukan pelajar-pelajar mendapat gred yang baik atau cemerlang sebelum mereka diterima masuk universiti itu adalah oleh kerana tempat di universiti-universiti adalah terhad dan kita haruslah perlu mengambil pelajar-pelajar yang mempunyai asas.

Namun demikian, dalam sistem pendidikan kita di sekolah, kita memberi kepada setiap pelajar cukup masa, bukan sahaja mempelajari mata-mata pelajaran akademik tetapi ada juga masa-masa menekankan aspek yang lain seperti aktiviti kokurikulum dan sebagainya yang boleh menyempurnakan pendidikan mereka.

Daripada pengalaman kita dapati bahawa kalau pelajar-pelajar tersebut boleh menggunakan masa yang diperuntukkan sewajarnya, mereka bukan sahaja boleh mencapai gred yang baik, yang membolehkan mereka masuk ke universiti, tetapi juga mempunyai masa untuk menekankan aspek yang lain yang akan membantu mereka muncul sebagai orang dewasa yang sempurna selepas mereka keluar dari universiti.

Masalah yang timbul ialah ada pelajar-pelajar yang tidak diajar atau tidak mempunyai cara untuk menggunakan masa yang mereka ada dengan pengagihan masa itu mengikut apa yang diperuntukkan kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat masanya.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 35 akan dijilid dalam buku berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1997) (No.2) 1997**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 1997

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997)(No.2) 1997 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".
[Hari Ketiga]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat diminta jawab.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu yang begitu prihatin terhadap masalah dan kebajikan masyarakat Orang Asli.

Jadi, beliau telah memberi soalan kurang lebih tujuh, mengenai soalan yang pertama, berapakah jumlah Orang Asli yang menganut agama Islam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Orang Asli yang menganut agama Islam setakat ini ialah seramai 16,400 orang. Ini adalah lebih kurang 17.7% dari keseluruhan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Bagi membimbing Orang Asli yang telah menganut agama Islam, pihak jabatan mengadakan program-program susulan bagi meningkatkan pengetahuan agama Islam di kalangan mereka. Pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) juga mendapatkan kerjasama dari Unit Dakwah Orang Asli, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri di samping badan-badan bukan kerajaan seperti ABIM, Perkim, Badan Kebajikan Orang Asli Islam Semenanjung (BKOAS) dan institusi pengajian tinggi.

Di antara program-program yang biasa diatur ialah kelas-kelas Fardu Ain, ceramah-ceramah agama, pengedaran bahan-bahan bacaan dan lawatan-lawatan ziarah. Melalui program lawatan-lawatan ziarah ini, pihak jabatan dapat mengukur dan meningkatkan pengetahuan Orang Asli mengenai Islam.

Selain itu, pihak jabatan juga turut mengadakan seminar, bengkel penghayatan Islam. Bagi tahun 1996 sebanyak 10 seminar, bengkel penghayatan Islam telah diadakan dan bagi tahun 1997 pula sebanyak 24 seminar, bengkel akan dilaksanakan.

Bagi soalan nombor tiga, bagaimana hubungan antara Orang Asli yang memeluk agama Islam dengan yang bukan Islam. Hubungan di antara golongan Orang Asli Islam dan bukan Islam adalah baik seperti biasa, tidak ada apa-apa pergeseran yang telah dilaporkan kepada jabatan. Mungkin ada terdapat kes-kes di mana Orang Asli Islam tidak dapat turut serta di dalam majlis-majlis yang bertentangan dengan ajaran Islam yang dianjurkan oleh masyarakat Orang Asli yang bukan Islam, tetapi ini bukanlah pergeseran, tetapi disebabkan mereka mengamalkan cara hidup Islam.

Soalan yang keempat, jumlah Orang Asli yang telah lulus di pusat pengajian tinggi ialah seramai 138 orang. Ini adalah terdiri dari pekerjaan-pekerjaan berikut.

Bekerja di sektor kerajaan	-	38 orang
Bekerja dengan pihak swasta	-	25 orang
Bekerja dengan badan berkanun	-	4 orang
Bekerja sendiri	-	1 orang
Menyambungkan pelajaran	-	11 orang
Dan tidak dapat dikesan	-	59 orang

Tuan Pengerusi, bagi soalan yang kelima, bilangan Orang Asli yang telah dilantik ke perkhidmatan kerajaan adalah seramai 1,576 orang. Ini adalah terdiri dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli seramai 397 orang dalam pelbagai peringkat dalam kumpulan sokongan. Dalam pasukan Polis Senoi Perak seramai 1,055 orang, di

Jabatan Pendidikan Guru seramai 86 orang dan bekerja dengan kerajaan di jabatan-jabatan lain adalah seramai 38 orang. Jumlah 1,576 orang.

Walaupun bagaimanapun, jumlah ini adalah merupakan mereka yang telah melaporkan ke Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ataupun telah dapat dikesan oleh pihak jabatan.

Jadi, soalan yang keenam, jumlah usahawan Orang Asli yang didaftar setakat ini ialah seramai 410 orang terdiri daripada berikut:-

(a)	Kedai runcit	-	137
(b)	Peraih ikan	-	51
(c)	Kraftangan	-	38
(d)	Ubatan tradisional	-	32
(e)	Penjualan hasil hutan	-	27
(f)	Perusahaan rotan	-	20
(g)	Kedai minum	-	18
(h)	Kontraktor	-	14
(i)	Lain-lain perniagaan	-	73
	Jumlah	-	410 orang

Program-program yang diadakan oleh JHEOA untuk mewujudkan golongan usahawan di kalangan Orang Asli ialah melalui mengadakan kursus bimbingan dan keusahawanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1990 hingga 1996 sejumlah 66 kursus bimbingan keusahawanan telah dapat diadakan dan dihadiri seramai 1,428 orang.

Seterusnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Jelebu langkah-langkah untuk mengadakan Orang Asli bekerja dan menyumbang ke arah ekonomi moden adalah melalui kursus-kursus perubahan sikap dan motivasi yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Selain itu, penggerak-penggerak masyarakat JHEOA juga turut membabitkan nasihat dan bimbingan kepada mereka. Inilah satu-satunya sebab pertambahan peruntukan yang telah diminta oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM18,395,800 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM18,395,800 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.43 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas sekarang.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,000,000 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,000,000 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.44 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas sekarang. Batang Lupar.

3.46 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, saya tertarik kepada peruntukan yang telah dibelanja sebanyak RM13,667,116 adalah dikehendaki untuk menjelas bayaran premium dan cukai tanah kepada beberapa kerajaan negeri yang telah meluluskan permohonan tanah bagi tapak pemancar, tapak transpocer, tapak kediaman kakitangan.

Saya ingin bertanya di negeri-negeri manakah kelulusan tapak tanah yang telah diberi kepada kementerian untuk membangun kemudahan yang disebut dalam kertas kerja ini.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini ialah kerana, benar perkara yang relevan, umpamanya berlaku di negeri Sarawak. Kadang-kadang kementerian memohon tanah untuk membina satu kemudahan dan apabila permohonan telah diluluskan dan pembayaran premium telah dibayarkan kepada kerajaan negeri, tetapi kementerian dan jabatan berkenaan yang mana telah diberi tanah dan premium telah dibayarkan tidak mengambil tindakan dengan seberapa cepat yang mungkin untuk membina tapak tanah tersebut. Kadang-kadang ada kalanya berlaku sampai 20 tahun tanah yang telah dibayar, hinggalah satu ketika dalam satu jabatan lain tak payahlah saya sebut, bukan jabatan dalam kementerian ini, tetapi sebagai misalan, jabatan telah diberi pada tahun 70-an sebanyak 20 ekar tanah oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat telah membayar premium sebanyak RM600,000 selama 20 tahun tanah itu tidak dibangunkan hinggalah 400 setinggan masuk ke tanah tersebut.

Sampai pada tahun 1995 apabila ada rancangan kementerian untuk membangunkan perumahan di tempat yang tersebut, kerajaan negeri kata: "Kalau you boleh alihkan semua setinggan tersebut, barulah kita boleh lulus pelan you".

Tuan Pengerusi, jadi, untuk mengalihkan 400 setinggan memang saya fikir satu masalah yang amat besar kerana implikasi politik dan sebagainya. Jadi, berlaku kebakaran pada satu ketika pada tahun 1996 di tapak tanah itu seramai 200 setinggan itu habis terbakar rumah mereka, kerajaan negeri membuat satu settlement ataupun penempatan semula untuk setinggan ini satu tempat dengan membelanja wang hampir RM3 juta.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, jabatan itu memohon semula kepada kerajaan negeri, sekarang kita hendak ambil tanah kerana tanah ini telah terbakar, kerajaan negeri kata, kita belanja RM2 juta lebih untuk pemindahan, jadi kenapa pula you hendak minta tanah ini balik.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, kerajaan negeri telah diberi, Kerajaan Pusat telah diberi peruntukan untuk premium tetapi kemudahan yang diperlu itu tidak dibina. Jadi, saya berharaplah pihak kementerian menekankan apabila tanah sudah dipohon daripada kerajaan negeri, premium telah dibayar, kalau pun tidak dibina kemudahan yang telah diluluskan ataupun dirancang untuk dibina itu, sekurang-kurangnya kita jagalah tanah itu, jangan setinggan masuk. Sekurang-kurangnya kalau 50 tahun selepas itu baru kita hendak bina tanah itu jadi 'gold mine' kepada kita. Jangan pula jadi gold mine setinggan. Jadi, kalau kita telah pohon dan pinta kepada kerajaan negeri hendak rancangkan atau alih setinggan ini, penempatan semula kepada mereka ini, kerajaan negeri mungkin tidak akan memberi lagi oleh kerana dahulu telah diberi tanah itu kosong, tetapi sekarang tempat setinggan itu, bukan salah kami lagi, you sendiri yang punya, jagalah sendiri.

Jadi, saya berharap kecuaiannya sebegini jangan berlaku kepada Kementerian Penerangan dan saya tahu Kementerian Penerangan telah diberi tanah lagi oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk membina, mungkin wang ini pun sebahagiannya termasuk tanah untuk pembayaran premium di Sarawak.

Jadi, saya berharap tapak tanah ini diguna dengan seberapa cepat yang boleh, kerana banyak orang yang tidak ada tempat duduk, tidak ada tempat kediaman dan tiada rumah, semua tidak ada, ambillah keputusan ada tanah lapang orang tak jaga, tidak buat rumah di sana, mungkin sepuluh tahun yang akan datang jadi tapak setinggan.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya ingin membangkitkan satu perkara, bahkan saya pernah bangkitkan perkara ini beberapa kali di Dewan ini tetapi masih berlaku. Soalan pemancaran dan kemudahan kepada kementerian, bermakna persoalan TV, radio dan sebagainya. Jadi, TV itu untuk tontonan orang ramai, apa sahaja yang dikeluarkan di TV itu adalah jadi satu ikutan ataupun satu model kepada masyarakat sama ada buruk ataupun baiknya.

Jadi, bukanlah saya hendak katakan semua kesalahan yang dibuat ataupun kesimpulan yang telah diikuti daripada televisyen itu menjadi kesalahan kementerian, saya tidak kata begitu. Tetapi sekurang-kurangnya pihak kementerian mengambil tindakan agar pengaruh negatif yang keluar daripada televisyen itu tidak begitu menular.

Saya pernah membuat satu persoalan pada 13 Oktober yang berbunyi, sejauh manakah kementerian boleh merealisasikan aspirasi negara agar budaya yang ditayang, dipromosi di kaca televisyen terutamanya menerusi drama dan wayang gambar, menggambarkan atau boleh mencetuskan budaya yang manis, baik dan berkeperibadian.

Kedua, tidakkah kementerian memandang berat atas pengenalan dan merebaknya budaya gangster dan penyamun di kalangan rakyat Malaysia seperti mengenai perkataan 'boss', dialog kasar, menengking dan penulis skrip diguna pengarah dan pengeluar filem dan televisyen, tidakkah kementerian sedar pengaruh ini sudah menjadi budaya Malaysia.

Kalau kita berjalan merata-rata di market atau di mana-mana di Malaysia ini, semua orang panggil kita 'boss', kata dia ini satu penghormatan. Kata dia 'boss', macam satu panggilan Tatao kepada Mr. Roque dahulu. Mr. R-o-q-u-e spellingnya itu, orang jahat. Ini budaya yang kita panggil menteri kita panggil begitu, timbalan menteri, dan Ahli-ahli Yang Berhormat pun macam itu, tauke yang besar-besar pun kita panggil 'boss'. Kalau kita pergi ke Amerika atau Eropah, ke Australia, tidak pernah pun orang panggil kita 'boss', jarang-jarang sekali. Kerana mereka tahu implikasi 'boss' ini diguna pihak mafia sahaja, gangster sahaja yang guna 'boss' ini. Tetapi dalam TV kita semua pakai 'boss', yang si 'Mr. Os' pun pakai 'boss' di sana sini.

Jadi, budak-budak yang minat kepada Mr. Os ini dia semualah pakai boss kiri, boss kanan. Saya kalau pergi ke market orang panggil saya boss, berhenti tak jadi beli saya kerana satu perjuangan peribadi bagi saya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa isu bersabit dengan gelaran 'boss' ini tidak ada kena mengena dengan bayaran premium ini Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh kerana bayaran premium ini beli tanah, tanah itu bina kemudahan, kemudahan ini untuk memancar televisyen. Jadi, televisyen ada hubungan sedikitlah, Tuan Pengerusi. [Ketawa] Jadi, saya minta maaf cakup berhubung jauh itu mungkin proximity mungkin jauh sedikitlah tetapi ada juga sedikit-sedikit kaitannya.

Jadi, saya berharap

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, terima kasih. Baru-baru ini kalau kita pandang, sebuah filem yang dibawa ke Korea untuk ditandingkan dalam satu festival filem di Korea, dia kata, satu komentar yang diberi, satu filem itu yang dilakon di dalam hutan, patutnya orang yang lemah-lembut, bercakap baik-baik, tetapi dalam komentar itu mengatakan kenapa pula orang yang berlakon dalam filem itu mesti menengking, bercakap kasar dan sebagainya. Sampai filem itu tidak layak dipertandingkan di Korea kerana adakah kebudayaan Malaysia, ini kasar, garang dan sebagainya.

Jadi, ini hendak menunjukkan kepada kita. Jadi, saya berharaplah perkara yang sedemikian, walaupun begitu shuttle dia dikeluarkan di dalam televisyen, haraplah benda ini jangan dikeluarkan, tolong tunjukkan budaya yang baik asalkan benda itu betul-betul realistik. Tetapi, janganlah mengatakan 'boss' pula realistik kerana kita ini 'cart before the horse, horse before the cart' ini, situationnya, kita pengaruh dahulu, lepas itu budaya itu telah macam itu, baru kita kata, memang rakyat Malaysia berkata macam itu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu bercakap dasar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, oleh kerana Tuan Pengerusi suruh saya duduk, jadi, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Mersing.

3.56 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Maksud B.44 Kementerian Penerangan.

Ada dua perkara yang saya hendak bangkitkan. Pertamanya, berkenaan dengan Pusat Pemancar di Mersing. Saya telah dengar perkara tentang ura-ura hendak menutup pusat ini lama juga, tetapi sampai sekarang pusat ini masih lagi beroperasi. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah benar rancangan untuk menutup pusat pemancar di Mersing ini dan kalau benar, bila dan mengapa kerajaan membuat keputusan untuk menutup pusat pemancar ini.

Saya sebagai Ahli Parlimen saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya tidak menutup pusat ini kerana dengan adanya pusat ini penerimaan pancaran di Mersing masih tidak begitu baik. Jadi, kalau pihak kementerian mengambil keputusan untuk menutup, saya rasa ini akan menjejaskan kualiti penerimaan pancaran televisyen.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ini adalah permintaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Dia minta saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan Pusat Latihan Kementerian Penerangan di Jelebu. Beliau memberitahu tanah telah pun disediakan dan bilakah projek ini hendak dilaksanakan. Tuan Pengerusi, itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong.

3.58 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan B.44 mengenai cukai tanah, bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa perlu kita bayar cukai tanah dengan begitu banyak serta premium untuk tanah-tanah yang hanya digunakan untuk tapak pemancar, tapak transposer dan tapak kediaman kakitangan dan adakah ini untuk pihak swasta. Kalau untuk kerajaan mengapa premiumnya begitu tinggi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Ini memang baik, kita mesti mengkaji apabila tanah itu diambil untuk maksud awam, maka kita harap premium dan cukai memang dalam kadar yang rendah. Walau bagaimanapun, dengan adanya tanah untuk tapak-tapak untuk pemancar, transposer dan tapak kediaman kakitangan, bolehkah Yang Berhormat menerangkan ini pemancar untuk radio atau televisyen, sebab tidak disebutkan di sini sebab saya hendak tanya sedikit mengenai kualiti alat kelengkapan yang digunakan untuk pemancar dan transposer sama ada ini adalah alat-alat kelengkapan yang bermutu tinggi. Kadangkala kita dengar radio dan juga menyaksi televisyen tetapi transmission itu kurang sedikit dan kalau radio mungkin Yang Berhormat boleh melihat kalau kita gunakan pemancaran (transmission) radio di lebuh raya, frekuensi Time Highway Radio 903kah, nampaknya pemancaran itu baik, transmission itu sangat terang, saya hendak tanya mengapa kalau Time Highway Radio boleh memancar dengan terang, mengapa Radio Televisyen Malaysia tidak boleh buat demikian.

Adakah ini kerana kelengkapan yang digunakan oleh pihak swasta itu lebih baik ataupun kakitangan pihak swasta itu lebih profesional dan kadangkala saya juga ada melihat setengah program dengan RTM ini kalau program itu program English misalnya, saya nampak kalau kita pergi ke studio itu dia tepat memang masa yang tepat dan kalau pergi ke program yang lain rangkaian yang lain mungkin dilonggar sedikit. Itu yang saya nampaklah, mungkin tafsiran individu sahaja.

Walaupun bagaimanapun, mungkin sikap, pendirian kakitangan itu tidak serupa, perbezaan di antara rangkaian di RTM dan juga lima saluran di RTM dan kita nampak ada perbezaan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa kualiti itu ada berbeza di antara rangkaian di dalam RTM berbanding dengan syarikat swasta. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamad]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Mersing dan Kepong yang telah membangkitkan beberapa persoalan yang berkaitan dengan Maksud B.44.

Pertama, suka saya jelaskan bahawa dakwaan ada perbezaan antara frekuensi yang digunakan oleh swasta atau kerajaan nampak swasta lebih baik, itu adalah tidak benar. Soal Time Highway Radio, pemancaran yang digunakan oleh Time Highway Radio adalah pemancar kepunyaan kementerian iaitu kerajaan sendiri. Kalau ada sedikit gangguan barangkali pada satu-satu tempat apabila kita melalui 'terrain' atau bukit bukau - itu sahaja. Selainnya tak nampak adanya keadaan teruk seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Namun demikian, sukalah saya nyatakan bahawa dengan maksud pembayaran premium dan cukai tanah bagi pemancar-pemancar yang hendak dipasang termasuk tapak transposer adalah untuk meningkatkan lagi kualiti sama ada pemancar (transposer) radio dan televisyen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Mersing, kementerian sedang dalam tindakan untuk mendirikan pusat penerangan seperti yang disebut di Jelevu, pada ketika ini agensi pusat seperti Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi sedang melaksanakan projek tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, mudah-mudahan tidak berapa lama lagi, Institut Latihan Penerangan akan sedia wujud di kawasan Parlimen Jelevu.

Menjawab Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar berkaitan dengan bayaran premium dan cukai tanah, pertama, saya mengucapkan terima kasihlah kerana Ahli Yang Berhormat telah memuji Kementerian Penerangan bertindak positif daripada kononnya lain-lain jabatan yang telah diberi tanah tetapi tidak mengambil tindakan sehingga dipenuhi oleh setingan.

Sukalah saya menjawab soalan yang ditanyakan berkaitan dengan mana-mana tanah atau negeri premium B.44 ini dibayar. Pertama, tanah RTM di Pulau Pinang sebanyak RM8 juta kemudian tanah di Sabah sebanyak RM3 juta, kemudian yang ketiga, tanah-tanah lain kementerian yang kecil.

Tindakan juga sedang diambil yang mana boleh telah pun dibuat untuk memagarkan tanah-tanah yang telah diambil alih atau yang telah dibayar premium dan setakat hari ini tidak ada tanah Kementerian Penerangan yang terbiar atau dipenuhi oleh setingan-setingan.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM13,667,116 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM13,667,116 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1997] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

4.05 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Di bawah kementerian ini lebih kurang RM55 juta lebih untuk sepuluh perkara yang dipohon terutamanya untuk pengambilan tanah dan juga membeli peralatan di tempat-tempat pusat latihan kemahiran teknologi tinggi, Institut Latihan Perindustrian Muar dan Institut Perindustrian Mahang dan lain-lain lagi yang tersebut dalam sepuluh perkara tersebut.

Saya mengalu-alukan peruntukan ini sebab sudah tiba masanya latihan perlu dipergiatkan dan diberi kepada buruh-buruh negara kita supaya pekerja-pekerja di negara kita didedahkan dengan teknologi baru yang datang sekarang ini supaya kerajaan atau negara kita tidak perlu mengimport tenaga buruh luar untuk bekerja di tempat-tempat industri dan juga perindustrian berteknologi tinggi. Cuma saya ingin bertanya kepada pihak kementerian daripada lapan buah institut itu berapa orang yang berupaya dikeluarkan setahun, bila siap semuanya nanti dan adakah ia berpuas hati untuk menampung perkembangan industri yang ada sekarang ini.

Saya juga mengalu-alukan misalnya pusat latihan ini dibuka seperti di kawasan Mahang. Mahang ini dekat dengan kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kampung kitalah. Jadi, Mahang kawasan pedalaman, tidak jauh daripada situ lebih kurang 20 kilometer ada kawasan teknologi tinggi iaitu Kulim, adakah di Mahang ini latihan industrinya mereka keluar daripada situ sesuai untuk bekerja di kilang-kilang ataupun dipanggil perindustrian berteknologi tinggi di Kulim. Perkara ini penting sebab kita lihat di negara yang maju, mereka cuba misalnya kalau hendak mengimport, paling tinggi dua perkara iaitu expertise dan teknologi.

Perkembangan teknologi kita agak songsang iaitu kita import tiga expertise iaitu pakar, teknologi dan buruh. Sepatutnya kita perlu import dua, tetapi sekarang kita import tiga. Bila kita import tiga perkara iaitu teknologi pakar dan buruh. Ini yang menyebabkan pincangnya dalam industri kita. Dalam jangka panjang kerajaan mesti berusaha supaya kita mengimport, kalau hendak import pun satu, iaitu teknologi. Expertise boleh dikeluarkan daripada universiti-universiti ataupun daripada institut-institut latihan. Buruh dengan kita gembelangkan tenaga buruh tempatan. Jadi, kalau kita hendak import pun teknologi. Sekarang kita lihat negara yang berjaya

mengimbang pembangunan mereka di sudut tiga perkara ini tidak dapat kita nafi ialah Korea, Taiwan dan juga Jepun iaitu kalau mereka import satu, iaitu teknologi, tetapi kita import tiga. Bila kita import tiga perkara termasuk buruh, inilah yang menyebabkan wang negara kita keluar negara begitu dahsyat yang berlakunya di antara punca 'collapse' ekonomi kita sekarang.

Jadi, saya mengalu-alukan pusat-pusat latihan seperti ini, bukan setakat RM55 juta, kalau boleh diperbanyakkan, sebab ini cukup penting dalam jangka masa yang panjang, sebab kalau industri baru yang naik, maka kita dapat menyediakan pekerja dalam industri itu termasuklah industri berteknologi tinggi. Misalnya sekarang, kerajaan hendak tumpu soal penerokaan angkasa lepas, yang kita bimbang sekarang ini adakah pihak Kementerian Buruh di hubungi diberitahu untuk menyediakan pekerja-pekerja dalam bidang itu pada masa yang akan datang. Kalau tidak, teknologi angkasa lepas ini tak lama lagi akan dipemuh oleh pekerja-pekerja daripada luar, sama ada kita akan import pula daripada Russia, tenaga buruh yang murah, daripada Kazakstan dan lain-lain lagi yang kita akan lihat perkara yang sama mereka akan mengeluarkan wang daripada khazanah negara kita untuk membawa balik ke negara mereka.

Sebab itu perkara menyediakan latihan-latihan peringkat awal ini amatlah penting walaupun kita nampak dari segi sepintas lalu seperti rugi, sebenarnya ia adalah tidak rugi kerana inilah perkara yang amat penting dalam mengimbangi ekonomi pada masa yang akan datang.

Dan misalnya di negeri Sabah dan Perlis di kawasan luar bandar ini, perlu dibuka supaya mereka ini kalau berhijrah tidak jauh daripada tempat mereka maka kegiatan ekonomi akan berlaku di tempat mereka. Kita lihat misalnya dalam pembangunan teknologi di Kulim, kalau boleh dapat dipenuhi sumber pekerjaanya daripada di sekeliling Kulim, tidak dibawa daripada lain-lain tempat maka pembangunan di sebelah itu bukan hanya berlaku pembangunan di kilang tetapi pembangunan di sekeliling.

Kita tidak mahu misalnya kalau kita lihat sekarang pembangunan di Kulim tetapi di sekeliling Kulim itu kehidupan masih daif kerana pekerja-pekerja yang bergaji mahal bukan datang dari tempat yang ada di sekeliling Kulim atau di sekeliling Perlis tetapi datang daripada luar sama ada Bangladesah, Philippines dan sebagainya yang mereka ada sedikit sebanyak expert ataupun pakar dalam bidang teknologi tinggi.

Ada sepuluh tempat latihan itu, lapan tempat latihan itu saya lihat satu pun tidak ada di Kelantan. Jadi, dengan pengumuman kerajaan untuk menjadikan Pantai Timur juga sebagai pusat kegiatan pembangunan pada masa yang akan datang, sepatutnya dibuka juga satu di Kelantan untuk melahirkan pekerja-pekerja yang mahir untuk menyahut pembangunan yang berlaku di Kelantan sekarang terutama sekali dalam bidang perhotelan, gas dan industri yang muncul di Kelantan sekarang begitu hebat sekali.

Jadi, pusat-pusat latihan seperti ini masih tidak ada di Kelantan untuk menyahut kebangkitkan ekonomi dan juga perindustrian yang sedang berlaku di sana sekarang.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong.

4.15 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, P.45 mengenai Institut Latihan Perindustrian dan juga keupayaan penyelidikan.

Tuan Pengerusi, memang kedua-dua ini adalah terpenting sekali, semasa kita hendak memenuhi keperluan negara kerana di negara ini kita bergantung terlalu banyak, terlalu besar kepada pekerja-pekerja asing, pekerja-pekerja yang bilangannya sampai dua, tiga juta orang di negara ini dan institut-institut seumpama ini adalah perlu untuk memenuhi keperluan kerana kita yang pertama, menggalakkan teknologi lebih

canggih, teknologi tinggi dan kilang-kilang dengan teknologi tinggi ini memang memerlukan pekerja-pekerja yang mahir atau separuh mahir

Tuan Pengerusi, pertamanya, adakah Yang Berhormat mempunyai angka yang menunjukkan bilangan di kalangan pelatih (trainer) untuk institut-institut bukan sahaja untuk institut di bawah kerajaan bahkan institut-institut di bawah swasta juga, kita hendak tahu sama ada di sektor awam dan sektor swasta bilangan trainers, bilangan pelatih-pelatih, kerana ini memang penting dan walaupun ada disebutkan tiga institut di sini, tetapi saya maksudkan bagi semua institut yang di bawah kerajaan dan juga swasta. Kerana kita bukan sahaja hendak menekankan peri mustahaknya untuk institut-institut latihan perindustrian di bawah kerajaan bahkan kita juga hendak menggalakkan penyertaan institut-institut seumpama ini di sektor swasta untuk memenuhi keperluannya.

Saya sebutkan di sini kerana saya nampak sesetengah pelatih itu mungkin tidak mempunyai kaliber yang tinggi ataupun tidak dilatih dengan teknologi moden. Kalau itulah keadaannya memang pelajar-pelajar yang dilatih itu mungkin tidak mempunyai kemahiran yang diharapkan. Ini memang satu perkara yang penting dan saya tidak pernah mendengar pihak Kementerian Sumber Manusia menyatakan dengan jelas bilangan trainer ini untuk latihan perindustrian dan juga saya mencadangkan supaya kita adakan satu kajian menyeluruh di seluruh negara untuk mengetahui keadaan 'mutu' bilangan pelatih (trainer) di institut-institut ini sama ada wujudnya kekurangan pelatih-pelatih seumpama ini dan di dalam Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur misalnya, adakah wujudnya kekurangan pelatih-pelatih dan jika ada wujud kekurangan adakah angka untuk menunjukkan peratusan kekurangan ini dan apakah langkah-langkah yang digunakan untuk memperbetulkan keadaan ini.

Tuan Pengerusi, saya sebutkan begitu perlunya kita mengadakan survey ataupun kajian menyeluruh sebab inilah satu tapak permulaan untuk kita melonjak kepada satu status negara yang maju dalam bidang perindustrian.

Tuan Pengerusi, mengenai reformasi skim-skim di dalam kurikulum bagi latihan, adakah institut-institut ini memenuhi dan menyahut seruan kerajaan untuk reformasi pendidikan, salah satu reformasi di dalam institut ini. Kalau ada, apakah langkah yang telah pun diambil oleh pihak kementerian untuk reformasi pendidikan bagi latihan perindustrian ini, sebab saya percaya reformasi pendidikan bukan hanya di dalam sekolah, di dalam universiti bahkan juga di institut-institut seumpama ini.

Dan memandangkan nisbah saintis dan ahli teknologi penyelidikan dan pembangunan setiap sejuta penduduk pada masa sekarang adalah sangat rendah dan kerana itu kita perlu mempergiatkan usaha untuk memenuhi keperluan dan untuk menambahkan nisbah saintis dan ahli teknologi yang diperlukan untuk masa hadapan kerana di MSC sahaja, Koridor Raya Multimedia kita memerlukan berpuluh ribu tenaga mahir dari institut-institut di dalam negara ini, setakat ini tidak dapat memenuhi keperluan.

Tuan Pengerusi, adakah had masa sekarang kerana saya nampak hanya ada tiga lagi sahaja kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masih ada had masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Masih ada had masa, ya. Tetapi walau bagaimanapun, saya diberitahu bahawa pihak Kementerian Sumber Manusia telah pun menubuhkan satu Tabung Sains dan Teknologi Sumber Manusia sebanyak RM300 juta untuk maksud biasiswa dan sebagainya. Adakah tabung ini digunakan untuk institut-institut seumpama ini ataupun lebih tinggi kepada pelajar-pelajar daripada universiti sahaja ataupun kolej-kolej swasta, bukan daripada institut.

Adakah hasrat kerajaan untuk meningkatkan institut ini kepada taraf kolej dan sebagainya. Setahu saya, pandangan orang awam mengenai institut ini mungkin serupa dengan sekolah vokasional sahaja, tetapi kalau itulah keadaannya adakah

rancangan untuk mempertingkatkan tarafnya dan adakah Tabung Sains Teknologi Sumber Manusia yang disebutkan tadi boleh digunakan untuk pelajar-pelajar di institut-institut tersebut. Itulah sahaja, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar. Selepas itu, kementerian menjawab.

4.22 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Pertama, saya menyambut baik dan menyokong penuh tindakan dan inisiatif kementerian untuk mengadakan sepuluh institut ataupun peruntukan untuk sepuluh institut di sini. Tetapi, apa yang ditanya oleh rakan saya dari Kelantan, saya ingin bertanya juga, yang obvious absent, dengan izin, Sarawak tidak ada institut-institut untuk latihan.

Jadi, oleh kerana kita nampak industri utama di Sarawak, umpamanya kayu-kayuan dan gas, minyak dan sebagainya tidak ada mempunyai tempat yang khusus untuk melatih orang yang terlibat dalam perindustrian sedemikian.

Tuan Pengerusi, saya memang menyokong kita menubuhkan institut ini, tetapi walau bagaimanapun, dalam keadaan ekonomi negara sekarang, kita belanja RM55 juta lebih untuk kebanyakannya ialah pengambilan tanah untuk membina institut. Jadi, kebanyakan ada dua institut ASTAC, satu di Johor dan satu lagi di Melaka.

Soalan saya kenapakah mesti dibina satu di Johor dan satu di Melaka, tidak bolehkah disatukan di satu tempat sahaja dan kita centralisekan latihan itu, mungkin ini boleh mengurangkan perbelanjaan kita. Kerana perhubungan di antara negeri walaupun di Sabah dan di Sarawak pun tidak menjadi masalah lagi pada masa sekarang.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berhubung dengan latihan sumber manusia, saya ingin membuat satu pertanyaan benarkah national average latihan pekerja-pekerja Malaysia sekarang hanya empat jam setahun, mengikut laporan yang saya terima. Empat jam setahun kalau dibandingkan dengan Motorola Philippines yang boleh membuat 200 jam setahun. Jadi, ini adalah sangat menyedihkan oleh kerana latihan adalah sumber ataupun permulaan yang penting untuk mengeluarkan sumber manusia yang berkualiti dan kalau kita hendak mengurangkan tenaga buruh asing daripada negara kita ini, sebagaimana kita hendak melonjak sebagaimana yang dibuat oleh Jepun, menggunakan tenaga manusia daripada negara Jepun itu sendiri dalam mana-mana industri termasuk industri pembinaan mereka, ialah latihan yang mencukupi, mekanikal, hi-tech, aeronautical dan sebagainya. Jadi, latihan ini memang saya alu-alukan dan saya anggap amat penting.

Soalan yang ingin saya bangkitkan di sini apakah national average yang kementerian cadang hendak capaikan dan berapa tahunkah kita boleh dapat mencapainya daripada peringkat empat jam setahun setiap latihan diberi kepada mana-mana industri kita sekarang di Malaysia untuk mencapai kepada national average yang mencukupi untuk latihan.

Tuan Pengerusi, ini penting oleh kerana kita memandang kalau tidak salah 1.5 juta rakyat asing di negara kita ini daripada Indonesia, bahkan sampai ke India, Bangladesh pun ada di Malaysia hampir 10% daripada rakyat Malaysia sendiri. Jadi, ini memang daripada segi security dan sebagainya memang tidak baik. Jadi, kalau kita boleh melatih orang kita sendiri dengan menggunakan institut-institut ini daripada mana-mana peringkat, daripada yang mengaturkan wire ataupun angkat simen dan sebagainya sampaikan kepada membina benda-benda yang hi-tech. Kita boleh insya-Allah, sebagaimana yang saya sebutkan dahulu dan saya sebutkan lagi sekarang, iaitu KOMAG di Kuching menghantar hampir 300 pelatih daripada Sarawak.

Sebahagian besar daripada mereka hanya mempunyai SPM, lulus Pangkat 3 sahaja SPM pun balik mendapat kecemerlangan latihan daripada Amerika dan orang

Amerika di California mengatakan pihak Malaysia, orang Malaysia dihantar boleh menerima latihan bahkan lebih pandai lagi daripada mereka di sana, menerima latihan (skill) yang diberi oleh pihak KOMAG di California. Jadi, saya percaya institut yang sedemikian boleh mendatangkan sumber manusia yang berkualiti tinggi.

Tuan Pengerusi, satu lagi pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu dalam Maksud yang ketiga ini, mempertingkatkan keupayaan penyelidikan tambahan RM323,000 adalah untuk menjelaskan bayaran perkhidmatan juruperunding. Saya ingat hendak sentuh satu perkara, kadang-kadang kita ini bila tengok badan itu putih, rambut putih, mata biru itu kita ingat dia canggih dan cerdik. Kita suka gunakan orang asing, kita anggap orang asing itu lebih pandai daripada kita, sentiasa kita melihat perkara ini berlaku.

Jadi, saya haraplah foreign exchange kita ini dijaga-jagakan sedikit, jangan gunakan juruperunding ataupun consultant yang datang dari luar negara, oleh kerana baru-baru ini saya terbaca juga Bar Council Malaysia hendak berjumpa dengan AG, dia kata syarikat-syarikat peguam asing hendak buat syarikat mereka di Labuan dengan harapan supaya mereka boleh memasuki pasaran. Ini juga pengaliran wang asing kita, jadi saya berharaplah kalau menggunakan juruperunding daripada apa segi sekali pun, sama ada soalan penyelidikan berhubung dengan teknologi dan sebagainya melainkan betul-betul kita sendiri tidak boleh keluar, barulah kita cari daripada luar negara, supaya duit yang kita belanjakan ini di dalam negara kita sendiri tidak dikeluarkan sebagai dividen, gaji dan royalti kepada juruperunding ataupun pengaliran tukaran asing ke luar negara, termasuklah sistem ke negara lain. Jadi, ini adalah dua perkara yang saya ingin bangkitkan berhubung dengan juruperunding dan juga institut.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya ingin bertanya kepada kementerian di dalam kita melatih rakyat Malaysia untuk menjadi pekerja-pekerja yang mahir dan berkualiti, apa yang telah terjadi kepada sekolah vokasional kita dahulu kerana dahulunya kalau ada budak-budak sekolah yang mungkin tidak berkemampuan, tidak dimasukkan ke dalam sekolah biasa dan dimasukkan ke dalam sekolah vokasional yang mana mereka boleh menerima latihan bukan sahaja daripada segi akademik, tetapi juga sekolah latihan yang ada satu kemahiran yang lain.

Tetapi, saya dengar sekolah vokasional ini tidak lagi menjalankan pekerjaan yang mereka telah buat dahulu. Jadi, telah mendatangkan satu masalah untuk memberi latihan daripada peringkat bawah iaitu memberi latihan anak-anak sekolah yang mungkin tidak berprestasi untuk menjalankan persekolahan mereka di peringkat akademik untuk memasuki universiti.

Jadi, kalau sekolah vokasional ini tidak menjalankan tugas-tugas ataupun pembelajaran yang sedemikian lagi pada masa sekarang, saya ingin mengesyorkan pihak kementerian ini berbincang terus dengan Kementerian Pendidikan agar sekolah-sekolah vokasional ini diadakan semula dan menjalankan tugas-tugas mereka macam dahulu lagi. Tetapi, sebaliknya lebih daripada itu, saya juga menyarankan supaya kita mengadakan satu institut yang lain iaitu umpamanya universiti yang melatih daripada peringkat diploma dan peringkat ijazah yang mana keciciran daripada sekolah-sekolah akademik ini yang mungkin tidak boleh membuat pembelajaran mereka di peringkat akademik tetapi berkemampuan diberi latihan lain, umpamanya menjadi jurutera, menjadi apa-apa sahaja daripada segi teknikal dan teknologinya. Tetapi, mestilah kita mengadakan institut-institut ini di seluruh negara di Sarawak satu, di Sabah dan di Semenanjung kita bahagikan kepada beberapa tempat dan adakan pusat latihan yang demikian yang mana anak-anak yang dianggap tidak berkemampuan di peringkat Tingkatan 3 untuk menaiki ke Tingkatan 4 dimasukkan ke vocational school dan yang mempunyai prestasi yang baik dalam vocational school dimasukkan ke institut-institut yang saya sebutkan tadi dan di institut-institut ini mereka boleh dilatih sampai peringkat degree atau diploma untuk mendapatkan bidang kerja yang mahir dan berkualiti daripada segi kepandaian, daripada segi teknikal.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, kita dalam universiti biasa mengeluarkan para akademik yang berkualiti dan daripada peringkat institut teknikal

ini kita mengeluarkan pekerja-pekerja yang cemerlang untuk 'melonjak' dalam negara ini bukan sahaja daripada segi akademik dan keilmuannya juga daripada segi teknologi dari peringkat pertengahan dan peringkat tingginya.

Jadi dalam keadaan sedemikian saya berharap negara kita boleh tidak perlu bersandar lagi dengan buruh-buruh asing yang kita import di negara ini sebanyak hampir sejuta atau dua juta dan mengalir sumber kewangan ke sistem kewangan lain hampir RM2 bilion tiap-tiap tahun dan ini mungkin akan mengurangkan defisit negara. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kementerian menjawab.

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan pelbagai pandangan. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa segala perancangan yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia mengenai latihan adalah banyak berpandu kepada Industrial Master Plan Kedua yang telah pun digubal oleh pihak kerajaan dan juga oleh kajian yang telah pun dibuat mengenai keperluan negara terhadap tenaga mahir iaitu dari tahun 1990 ketahun 2000. Adalah dianggarkan dari tahun 1990 ke 2000, negara memerlukan lebih kurang 677,000 orang tenaga mahir dan untuk memberi latihan kepada rakyat kita dalam pelbagai kemahiran, maka ianya bukan hanya bergantung kepada institut-institut yang telah ditubuh ataupun akan ditubuhkan oleh Kementerian Sumber Manusia tetapi banyak juga latihan-latihan ini diberi oleh Kementerian Pendidikan sendiri iaitu menerusi sekolah-sekolah Teknik yang telah menggantikan sekolah vokasional seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupa itu.

Begitu juga institut-institut swasta yang sekarang kerajaan begitu bermurah untuk memberi lesen dan banyak juga institut-institut swasta telah pun mengalih tumpuan latihan mereka dari kursus-kursus akademik kepada kursus-kursus kemahiran dan juga vokasional. Jadi, semua ini digalakkan oleh pihak kerajaan dan bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, sukacita saya menyatakan kita sekarang ini sudah pun ada 10 Institut Latihan Perindustrian termasuk satu di Kelantan dan peringkat pertama kita sedang melipatgandakan keupayaan pengeluaran di institut-institut ini. Jadi, semua institut yang ada sekarang iaitu sebanyak 10 buah itu, kita telah pun memberi peruntukan khas dan pembesaran di institut sedang berlaku dan kita harap apabila semua pembesaran ini selesai dalam masa beberapa bulan atau setahun, maka output latihan dari institut ini akan mungkin sekali ganda.

Begitu juga di institut yang sedang dibina atau yang akan dibina ini iaitu 10 buah, 5 buah institut latihan biasa iaitu di Perlis, Negeri Sembilan, Johor, Sabah dan juga Sarawak. Kita ucap tahniah kepada Sarawak, dia tidak minta duit, inilah sebuah negeri sahaja yang telah pun memberi tapak tanah dengan percuma. Yang lain itu kena bayar berjuta-juta sungguhpun tanah begitu banyak, termasuk Kelantan pun, dia suruh kita caj macam-macam tetapi Sarawak sahajalah sebuah negara yang telah pun bertindak begitu pantas dan telah pun memberi tanah di tempat yang cukup strategik dengan cara percuma.

Jadi, dalam institut yang baru ini - 5 buah institut biasa - tetapi kita akan membina 4 buah pusat latihan teknologi tinggi ataupun advance technology centre (ATTEC) yang akan dibina di Kedah, Selangor, Melaka dan Johor. Kita telah memilih semua tempat yang berdekatan dengan kawasan-kawasan industri kerana tumpuan latihan kita bukan sahaja kepada teori tetapi juga kepada praktikal. Jadi, mungkin satu pertiga dari masa mereka itu akan diberi kursus-kursus teori dan dua pertiga itu kita akan hantar untuk attachment kepada industri-industri yang berkaitan supaya mereka akan dapat practical experience yang dikehendaki.

Di samping itu, kita akan ada juga pelbagai institut teknikal iaitu dengan kerjasama dengan negara-negara lain, misalnya, Japan-Malaysia Technical Institute, Malaysia-German, Malaysia-British dan sebagainya. Ini sedang dilaksanakan juga untuk fokus kepada pelbagai latihan yang dikehendaki. Yang 10 buah ILP yang baru ini, untuk menjawab ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian iaitu untuk ILP biasa 3270 dan kepada yang advance training pula 4,320 tetapi sukacita saya menyatakan iaitu selepas institut latihan perindustrian yang sedia ada telah pun diperbesarkan dan yang baru disudahkan, maka kita berharap dapat mengeluarkan sekurang-kurangnya 22,000 penuntut setiap tahun tetapi kita juga sedang memikir cara-cara lain supaya kita dapat mempergunakan peralatan kita yang begitu mahal yang berjuta-juta ringgit di ILP-ILP ini supaya dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai penuntut-penuntut. Bermakna kita mungkin akan adakan short-term kursus-kursus waktu hujung minggu ataupun kursus waktu cuti penggal diberi short-term course kepada industri-industri yang berkaitan, mungkin dengan perbelanjaan sendiri ataupun dengan perbelanjaan menggunakan tabung pembangunan sumber manusia dan dengan itu maka kita dapat mempergunakan peralatan canggih yang begitu mahal itu untuk memanfaatkan lebih ramai lagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya memang tertarik dengan penjelasan Timbalan Menteri. Memang saya ucap tahniahlah kementerian telah membuat inisiatif yang begitu baik tetapi satu yang saya ingin hendak tanya adakah kursus-kursus atau latihan-latihan yang kita buat ini, adakah kita buat secara rambang iaitu demi untuk melatih rakyat Malaysia dalam satu-satu ilmu atau latihan ataupun latihan ini betul-betul diselaras menerusi industri-industri yang perlu dengan sumber manusia yang diperlukan dalam industri mereka.

Yang kedua, saya ingin bertanya dengan Timbalan Menteri oleh kerana Timbalan Menteri sudah sebut tadi. Oleh kerana ongkos untuk membiayai atau maintenance kepada institut ini mungkin tinggi, adakah berkemungkinan institut ini nanti kita privatisasikan agar mengurangkan perbelanjaan negara daripada segi perbelanjaan negara kepada institut yang tersebut. Kalau tidak pun mengecajkan tiap-tiap industri yang telah kita latih pekerjaannya sebagaimana mengikut perbelanjaan yang telah kita keluarkan daripada institut berkenaan. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, biar saya jawab itu dahulu sebelum saya terlupa. Memang kerajaan tidak bercadang buat peringkat ini untuk privatise ILP yang berkaitan ini. Kalau hendak privatise pun tidak laku sebab investmentnya terlalu tinggi, peralatan yang diberi itu terlalu mahal tetapi ini adalah investment negara untuk melatih rakyat kita. Ingin saya menyatakan pihak Kementerian Sumber Manusia telah pun membuat satu keputusan iaitu sekurang-kurangnya dalam institut latihan perindustrian di bawah kementerian kami ini, maka latihan-latihan ini akan diubah dari latihan yang tradisional yang diberi dahulu seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Kepong - ini macam latihan sekolah vokasional - kita akan alihkan latihan kita itu kepada keperluan-keperluan masa kini dan masa depan iaitu latihan-latihan yang merupakan hi-tech dan sebagainya. Jadi, memang kita membuat kajian sepanjang masa tentang keperluan yang dikehendaki untuk masa sekarang dan masa depan, misalnya kursus seperti computer aided design and drafting, computer numerical control mechining, computer aided design dan computer aided mechining, tool and dye making technology plastic, automasi industri, teknologi maklumat dan sebagainya ataupun penyenggaraan elektro mekanikal, semuanya adalah latihan yang cukup canggih dan hi-tech dan sesuai dengan keperluan kita sekarang dan juga masa akan datang.

Memang ada institut latihan perindustrian yang sedia ada sekarang ini memberi juga kursus-kursus seperti furniture making dan sebagainya. Kursus-kursus ini kita akan face-out dan mungkin kita akan serah kepada badan-badan seperti pusat

giat MARA ataupun sekolah-sekolah teknik di bawah Kementerian Pendidikan dan sebagainya tetapi institut latihan perindustrian akan tumpukan kepada kursus-kursus yang hi-tech yang perlukan kemahiran tinggi dan malah, untuk advance technology centre ini kita akan melatih penuntut-penuntut di peringkat tahap tiga dan empat mengikut kaedah majlis latihan vokasional kebangsaan yang mana kelulusan mereka adalah setaraf dengan diploma.

Mengenai sama ada pelatih cukup atau tidak, memanglah tidak pernah cukup. Kita memang sepanjang masa menghadapi masalah mendapat pelatih yang cukup dan kadangkala kita terpaksa juga recruit pelatih-pelatih ini dari luar negeri. Sukacita saya menyatakan bahawa sekurang-kurangnya dalam soal mendapat pelatih yang cukup ini pihak JPA dan Kementerian Kewangan tidak pernah kedekut, baru ini pun dia ada lulus lebih seribu post untuk pelatih-pelatih untuk mengisi ILP yang baru akan dibina dan juga ILP yang sedang diperbesarkan sekarang ini.

Saya rasa saya sudah jawab semua kerana kebanyakan....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan latihan ini satu Dato' tetapi soalan yang kedua implacement iaitu orang yang kita latih, mungkin kita telah belanja RM4,000 setahun untuk melatih seseorang itu tetapi kalau dilatih untuk jaga komputer, lepas itu dia balik kampung dia tangkap ikan jadi nelayan. Jadi, ini adalah satu pembaziran yang mungkin irrecoverable losses, jadi saya berharap perkara ini tidak berlaku oleh kerana, minta maaflah Dato' saya panjang lebar sedikit cerita ini.

Saya terbaca masa Amerika melalui zaman masalah ekonomi mereka pada tahun 1992, dirancang satu badan untuk mengadakan latihan kepada rakyat Amerika yang tidak bekerja dan kerajaan Amerika tiap-tiap tahun membelanja dua bilion untuk beri latihan tetapi dalam masa tiga tahun implacement hanya 550,000 orang. Jadi, sebagai politik, dia shout and yield di sana sini the success of the programme tetapi di sebaliknya pula dia orang sudah belanja dua bilion. Kalau dia bagi dua bilion itu dengan 550,000 orang itu, mungkin mendatangkan hasil, latihan guru tidak payah belanja. Jadi, soalan yang saya hendak sebutkan di sini soalan rambang ataupun tidak rambang kalau implacement ini berlandaskan permohonan daripada pihak industri yang perlukan pekerja yang telah dilatih, mungkin implacement tidak menjadi satu masalah. Jadi, itu soalan implacement.

Saya berharap kalau kementerian tidak ada sistem yang sedemikian untuk melihat sama ada apa saya sebutkan ini mungkin mendatangkan satu kebaikan ataupun tidak, saya berharaplah kementerian untuk menyelidik sama ada berlandas kita jumpa tiap-tiap industri kita jumpa umpama dia - KOMAG menghantar 300, 500 orang pergi ke Amerika untuk dilatih, mengapa pula tidak dilatih di institut kita sendiri? Tukaran asing kita tidak kurang, hilang, duit daripada KOMAG pun sampai juga kerana KOMAG bayar gaji dengan orang ini. Bila dia hantar ke Amerika sahaja, the first day dia pergi itu dia sudah bayar gaji. Kalau supervisor dia bayar gaji RM1,500 on cost latihan untuk Amerika dan passage untuk pergi ke Amerika semua bayar. Jadi, kalau kita berhubung dengan tiap-tiap industri perlukan latihan ini, kita sudah beri latihan khusus kepada mereka dan keluar daripada itu mungkin yang dihantar pergi ke Amerika kerana mungkin pihak yang terlibat mungkin tidak berkepercayaan penuh dengan latihan yang kita beri, mungkin dia hantar supervisor yang sedikit-sedikit sahaja, sebahagian besar dilatih di negeri kita sendiri, itu yang pertama.

Yang kedua, soalan tidak mencukupi orang masuk.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, pendekkan sedikit penjelasan ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:ke institut.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Penjelasan itu biar pendeklah dalam jawatankuasa ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Ini dekat pendek sahaja Dato'. Soalan kedua, soalan orang tidak cukup masuk industri ini. Dato' saya minta maaf ya, kadang-kadang kita tidak faham, kalau di Sarawak beribu-ribu manusia yang lepas SPM itu, dia balik kampung tidak tahu, dia tidak pernah tengok, tengok TV pun tidak ada, dengar radio pun bukan tiap-tiap hari, surat khabar jarang sekali dia tengok. Jadi, budak-budak ini bila dia balik sahaja lepas SPM dia tidak tahu, jadi macam mana untuk mengendalikan supaya budak-budak daripada SPM direct daripada peringkat sekolah kita beri offer kepada mereka, you boleh masuk industri ini, masuk industri ini, latihan akan diberi oleh pihak kerajaan. Macam mana pandangan Dato' dengan cadangan ini. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, dari segi implacement tidak ada masalah kerana boleh kata hampir kesemua majikan-majikan di negara kita ini tahu bahawa institut latihan perindustrian adalah satu sumber penting untuk mereka mendapat tenaga yang dilatih, makna semua penuntut-penuntut kita ini sebelum dia tamat kursus sudah pun dibooking oleh industri-industri yang berkenaan. Sudah booking seratus peratus, tidak ada masalah pengangguran dan sebagainya. Begitu juga tentang latihan di luar negeri, jarang-jarang kita hantar, sekurang-kurangnya kementerian kita sudah tidak hantar untuk ke luar negeri tetapi memang menerusi Tabung Pembangunan Sumber Manusia, tabung ini saya cuma hendak beritahu, hendak ulang balik, tabung ini adalah contribution majikan-majikan sendiri, dia contribute kepada tabung ini tetapi kita membenarkan dia menggunakan balik tabung ini untuk melatih pekerja-pekerja dia. Biasanya pekerja-pekerja dia itu dilatih di dalam negeri tetapi kadangkalanya ada kursus-kursus yang specialise, maka syarikat-syarikat yang berkaitan boleh juga menggunakan tabung ini untuk menghantar rakyat kita pergi ke luar negeri untuk kursus-kursus tertentu yang specialist tetapi ini tidaklah begitu banyak.

Dan satu lagi, last. Di Sarawak, di Sabah, mungkin di Semenanjung juga banyak penuntut-penuntut kita tidak tahu di mana hendak cari kerja dan sebagainya. Saya rasa kerajaan sudah pun sediakan Jabatan Tenaga Rakyat dan di Jabatan Tenaga Rakyat itu ada manpower department. Semua penuntut kita boleh mendaftar dengan manpower department dengan cara percuma dan masalah untuk cari kerja untuk rakyat kita lebih-lebih lagi yang berkelulusan SPM tidak menjadi masalah langsung kerana kita tahu ada lebih kurang 1.52 juta pekerja asing di negara kita - there's no problem. Jadi, dia kenalah ambil berat sedikit untuk pergi daftar diri dengan Jabatan Tenaga Rakyat - di Sarawak ini ada lima kalau saya tidak salah, di semua bandar besar dan insya-Allah kita boleh mencari kerja kepada mereka. Begitu juga mereka boleh pergi ke Jabatan Tenaga Rakyat untuk minta nasihat tentang kursus-kursus yang boleh didapati sama ada menerusi saluran kerajaan, MARA dan sebagainya. Bukan sahaja dari segi mendapat kerja tetapi dari segi mendapat latihan pun boleh juga kita pergi ke Jabatan Tenaga Rakyat untuk memberi pandangan dan di Jabatan Tenaga Rakyat kita tidak tanya, hang parti mana? [Ketawa] Ini bagusnye Kerajaan Barisan Nasional, dia tidak tanya, hang ini anak siapa ya. Orang PAS pun no problem, malah penuh di institut latihan kita, kita beri dia biasiswa, macam-macam kita beri, latihan berbagai-bagai tetapi dia dok hentam kita juga, no problem! Tentang tanggungjawab kita, kita akan terus laksanakan.

Jadi, sedikit sebanyak saya telah menjawablah pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM55,761,023 untuk Maksud P.45 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1997 di bawah Kementerian Sumber Manusia hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM55,761,023 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Jadual.]

Maksud B.47 [Jadual]-

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1997]-

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Senai.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin menyokong peruntukan yang dipohon bagi Maksud B.47 dan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan yang telah bersetuju untuk menjalankan kerja membaikpulih Lapangan Terbang Pulau Pangkor kerana kapal terbang akan dapat mendarat dengan lebih selamat. Akan tetapi, saya ingin bertanya pihak kementerian sama ada Lapangan Terbang Pulau Pangkor ini akan dimajukan sebagai lapangan terbang untuk menarik lebih pelancong datang ke Malaysia bagi memajukan lagi perindustrian pelancongan negara kita?

Tuan Pengerusi, sistem perkhidmatan trafik udara yang dipasang di negara kita boleh dikatakan banyak dikendalikan oleh pesawat-pesawat MAS. Saya berkata demikian kerana MAS adalah satu syarikat penerbangan yang terbesar dalam negara kita dan syarikat ini adalah sebuah syarikat antarabangsa. Memastikan sistem perkhidmatan trafik udara berfungsi dengan baik dan tepat pada bila-bila masa dan juga mutu perkhidmatan penerbangan MAS perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa adalah tanggungjawab kerajaan.

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Jelebu.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan hujah Ahli Yang Berhormat dari Senai yang telah menyatakan dalam usaha untuk menyokong permohonan yang telah dikemukakan oleh kementerian bagi diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, saya ingin penjelasan sedikit sebanyak daripada Yang Berhormat Datuk, apa pandangan Yang Berhormat Datuk mengenai dengan komen yang telah dilontarkan oleh Tan Sri Tajuddin Ramli kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang agak terlalu kasar dan terlalu tidak sporting dengan teguran yang telah dikemukakan. Apakah mereka ini tidak faham tentang pengorbanan yang telah dibuat oleh kerajaan bagi mempertingkatkan lagi perkhidmatan trafik udara dan kita telah membelanjakan berpuluh-puluh juta ringgit untuk memperlengkapkan sistem ini. Jadi, saya ingin pandangan Yang Berhormat Datuk yang ikhlas mengenai teguran dan juga piket yang telah dilakukan oleh kakitangan MAS. Terima kasih.

Datuk Lim Si Cheng: Terima kasih, saya memang berasa dukacita dan kesal terhadap tindakan yang diambil oleh pihak MAS baru-baru ini. Saya rasa sepatutnya pihak MAS mengumpulkan seramai seribu orang untuk mengambil satu tindakan mengkaji dan berbincang macam mana kita boleh menaikkan mutu perkhidmatan kita untuk rakyat atau untuk pandangan MAS. Jadi, tindakan yang diambil oleh pihak MAS membantah kenyataan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang beliau meminta MAS lebih prihatin kepada penumpang yang terkandas akibat jerebu baru-baru ini. Saya rasa perkara ini sepatutnya tidak berlaku.

Saya ingin menegaskan kenyataan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan berasas. Beliau cuma hendak ingatkan pihak MAS meningkatkan mutu perkhidmatan. Adakah permintaan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan salah? Saya rasa tidak salah. Sebenarnya beberapa tahun kebelakangan ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat dari Labis selaku Menteri Pengangkutan telah berulang-ulang kali ke luar negeri untuk membantu negara kita dan MAS supaya

perkhidmatan MAS dapat diwujudkan di negara-negara lain, akan tetapi segala usaha yang diambil oleh beliau nampaknya tidak dihargai. Jadi, saya minta pihak MAS "Jangan macam kacang lupakan kulit".

Tuan Pengerusi, masalah penumpang tidak dimaklumkan mengenai pembatalan dan penundaan penerbangan masa negara kita diancam masalah jerebu, memang satu perkara yang benar dan tidak boleh dinafikan. Penumpang diminta menunggu lama beberapa jam di lapangan terbang tanpa memberikan apa-apa makanan dan minuman adalah satu perkara yang benar dan tidak boleh dinafikan. Jadi, menteri yang berkenaan meminta pihak MAS lebih prihatin, adakah perkara ini salah? Jadi, saya ingin bertanya pihak kementerian, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, sepatutnya pihak MAS perlu peka dan rela menerima permintaan ataupun teguran daripada Menteri Pengangkutan lebih-lebih lagi MAS adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan bangun, Yang Berhormat.

Datuk Lim Si Cheng: Saya akan habis, tidak apa. Nanti. Lagi satu, segala jabatan sekali diswastakan kementerian akan menghilangkan kuasanya sehingga menteri yang berkenaan tidak boleh menyuarakan teguran, jadi demi kepentingan rakyat jelata, saya ingin bertanya pihak Kementerian Pengangkutan lebih baik jabatan-jabatan ataupun badan-badan yang berkenaan jangan diswastakan. Saya ingin tahu sama ada kementerian bersetuju dengan pandangan saya ini. Jadi, saya ingin.....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bagan bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Semasa jerebu saya pun telah terlibat dalam satu pembatalan atau penangguhan penerbangan ke Pulau Pinang tetapi saya ada diberi kupon untuk pergi ke restoran untuk mendapat minuman dan sarapan. Saya tidak tahu mengapa Menteri Pengangkutan membuat saranan bahawa penumpang-penumpang tidak mendapat minuman dan sarapan.

Datuk Lim Si Cheng: Saya rasa dukacita Ahli Yang Berhormat dari Bagan, adakah Yang Berhormat tidur? Sebab kita antara Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini kita dapat juga aduan daripada orang ramai dan saya sendiri apabila di Lapangan Terbang Senai, saya sendiri menerima aduan dan teguran daripada orang ramai. Jadi, saya fikir Yang Berhormat dari Bagan jangan memainkan api ataupun cuma hendak beri sokongan kepada tindakan.....

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Lim Si Cheng:yang diambil oleh pihak MAS.

Seorang Ahli: Dia padam api.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Serdang.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Setelah mendengar hujah daripada Yang Berhormat Senai dengan mengatakan bahawa sikap setengah-setengah pegawai dari MAS telah memberi satu teguran kepada Yang Berhormat Menteri itu, saya minta penjelasan sama ada sebagai anggota Kabinet di mana telah membincangkan di dalam Kabinet untuk memberi satu teguran kepada pentadbiran MAS, adakah ini benar atau tidak ada kuasa untuk memberi teguran supaya membetulkan kelemahan yang telah berlaku terhadap perkhidmatan MAS pada masa ini.

Datuk Lim Si Cheng: Jadi, saya fikir Yang Berhormat boleh tanya menteri yang berkenaan. Saya bukan menteri tetapi saya rasa segala teguran yang akan membawa faedah kepada rakyat jelata patut dapat disokong oleh semua pihak.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Seremban.

5.03 ptg.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya berucap. Saya juga mengalu-alukan peruntukan yang telah diberikan untuk melengkapkan atau meningkatkan lagi mutu lapangan terbang yang berada di Pangkor dan sebagainya kerana ini mustahak. Ini merupakan satu kawasan yang amat penting untuk sesebuah negara kerana ini akan memberikan anggapan utama apabila penumpang sampai ke airport, first impression, dengan izin, ialah bagaimana lapangan terbang itu. Kalau airport itu baik, bersih dan dengan kelengkapan yang baik, maka orang biasa anggap negara itu adalah sebuah negara yang bersih, baik dan sebagainya. Sebaliknya orang akan anggap negara itu adalah tidak maju dan mempunyai standard of living yang sangat rendah.

Jadi, saya sangat mengalu-alukan seperti juga MAS, MAS adalah penerbangan nasional ataupun national carrier. Sebenarnya setiap rakyat rasa bangga terhadap MAS dan mempunyai cukup harapan tentang MAS. Apabila kita berada di negara-negara lain, apabila kita nampak MAS, kita merasa gembira kerana itu melambangkan negara Malaysia. Kita rasa bangga kerana pesawat Malaysia dimiliki oleh Malaysia adalah berada di negara luar. Jadi, kita berharap MAS akan terus meningkat dengan prestasinya, dengan perkhidmatannya supaya semua orang akan anggap MAS telah memberikan satu perkhidmatan yang baik.

Saya juga cukup rasa kesal tentang apa yang berlaku satu, dua hari yang sudah dan telah dilaporkan dalam surat khabar "Wings of Fury" dalam *Sun* muka depan (first page). Saya rasa ini memang unproper, dengan izin, tidak perlulah piket seramai 1,000 orang cuma tentang satu statement yang dikeluarkan oleh seorang menteri dan seorang menteri ini komen kementerianya sendiri. Janganlah MAS lupa, kerajaan mempunyai golden share, jangan MAS lupa. Seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Senai tadi "Kacang Lupakan Kulit". Jangan lupakan MAS. Mula-mulanya dimiliki oleh kerajaan dan diswastakan kepada orang swasta dengan harapan MAS akan lebih baik dibanding dengan MAS dalam jagaan kerajaan dan kerajaan mempunyai golden share, jadi saya rasa mereka telah lupa kerajaan mempunyai golden share dan Tuan Pengerusi, apa yang dikomen oleh Yang Berhormat Menteri sederhana sahaja, bukan kasar, bukan tidak berasas. I quote, dalam surat khabar *Star*, dengan izin,

"He said, 'he' means minister. The Cabinet has expressed the view that Malaysia Airlines should be more 'caring' towards passengers effected by flight rescheduling or cancelling because of the haze. Although rescheduling and cancellation are not the fault of MAS at a done in the interest of passengers' safety, we have received numerous complaints from passengers that they were informed very late. He said the Cabinet wanted MAS to inform passengers of flight changes at availability as soon as possible and to give news to them, if necessary".

Apa salahnya, Tuan Pengerusi? Komen ini memang sederhana dan telah dibincangkan dalam Kabinet seperti yang telah dinyatakan di dalam surat khabar atau dinyatakan oleh menteri supaya disampaikan kepada MAS untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, saya rasa MAS mesti rela mendengar teguran. Teguran ini baik dan saya yakin dan percaya, Yang Berhormat Menteri sentiasa tahan, tahan teguran-teguran dari luar. Orang pernah sebut M.A.S - Mana Ada Sistem? Kita tahan, bila kita dengar ada orang tegur MAS, kita tahan. M.A.S. - Mana Ada Sistem? Kita

tahan, kita marah. Saya rasa setiap anggota dalam Parlimen ini mesti tahan tetapi teguran seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri memang sederhana, dengan niat yang baik supaya penumpang tidak dalam satu keadaan yang tidak baik dan penumpang merasakan dukacita terhadap airline kita. Itu tujuannya. Jadi, apa salahnya, Tuan Pengerusi?

Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Senai tadi. Kalau ini berterusan, ini akan memberikan syarikat-syarikat penswastaaan apabila tegur sedikit dia akan bantah. Misal kata tol, highway, kalau Yang Berhormat cakap tol tidak boleh naik, dia piket. Kalau sampai tahap itu saya tidak tahulah bagaimana kita boleh tadbir kerajaan. Saya tidak tahu....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Hon Choon Kim: Okay, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Pada masa sekarang, budaya mengadakan picket nampaknya berleluasa seperti ada picketing....

Seorang Ahli: Budaya DAP.

Tuan Lim Hock Seng: Dan ada orang memakai badge untuk menyokong pemimpin-pemimpin. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk memanggil satu picketing atau memakai badges untuk menyokong Menteri Pengangkutan dalam hal ini? *[Sorak]*

Dato' Hon Choon Kim: Ini senang jawab. Picketing ini dimula oleh DAP. *[Ketawa]* Dimula oleh DAP, saya tengok, sikit hal dia picket, sikit hal dia picket, ini memang DAP punya perang, budaya DAP tetapi picketing ada dua jenis, ada yang positif, ada yang negatif. Negatif seperti yang dilakukan oleh DAP, sedikit masalah picket. Kita picket untuk memberi sokongan, untuk memperjuangkan sesuatu yang patut kita laksanakan, bukan macam DAP. Yang Berhormat tadi tanya Yang Berhormat dari Senai menunjukkan Yang Berhormat tidak tahu, tidak campur rakyat. Tidak campur rakyat langsung. *[Tepuk]* Cuma duduk di sini panaskan kerusi sahaja. Katakan saya telah dapat meal coupon, itu sahaja tetapi tidak tanya orang lain apa macam, airport lain apa macam. Jadi, Yang Berhormat saya nasihatkan jangan contoh sendiri dapat meal coupon dengan kata lain, okay, MAS baik. Kalau kita tegur, tegur dengan niat yang baik bukan dengan niat yang jahat.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya memang rasa kesal dan berharap Kementerian Pengangkutan mesti teguh, firm kalau rasakan perlu kita tegur, kita tegur. Saya rasa ini tanggungjawab sebagai menteri menjaga pengangkutan dan sebagainya. Jadi, saya rasa, Tuan Pengerusi, saya menyokong supaya peruntukan diberikan dan berharap MAS ini tidak akan menjadikan satu contoh kepada syarikat-syarikat yang telah diswastakan - apabila menerima sedikit teguran mereka picket dan buat macam-macam. Jadi, kita tidak mahu lihat keadaan ini berterusan. Dengan kata-kata tadi, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan.

5.12 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, beberapa hari yang lepas Menteri Pengangkutan ada menegur sikap kakitangan-kakitangan MAS. *[Sorak]* Saya sudah lama sedia, sebelum Ahli Yang Berhormat dari Senai berucap saya sudah sedia berkenaan tajuk yang sama ini.

Seorang Ahli: Ya, teruskan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, kerana tidak mengutamakan perasaan pelanggan atau penumpang-penumpang kerana penangguhan atau pembatalan

penerbangan akibat jerebu dan cuaca yang kurang baik. Menteri menegur pihak MAS tidak ambil berat kesulitan dan kesusahan yang dihadapi oleh penumpang-penumpang dengan tidak memberi maklumat-maklumat terkini mengenai penerbangan. Tidak memberi hidangan ringan dan sarapan - serba tidak betul kononnya berlaku di lapangan terbang di Subang.

Berikutan peneguran Menteri Pengangkutan, Persatuan Pekerja-pekerja MAS membalas serang dengan mengadakan satu picketing dengan menunjukkan sepanduk-sepanduk dan pelekat-pelekat mengatakan mereka telah menunaikan tanggungjawab menjalankan tugas dengan sedaya upaya. Antara slogan-slogannya, satu slogan yang amat menarik minat saya dan orang ramai juga "*Haze everywhere, minister nowhere*". Mana dia pergi? Adakah beliau membuat satu lawatan ke lapangan terbang di negara kita untuk meninjau keadaan untuk mendapat apa-apa bantuan yang boleh diberi kepada MAS, tidak! Ada juga kakitangan-kakitangan berkata mereka bekerja berterusan untuk membantu penumpang-penumpang yang terperangkap kerana penangguhan dan pembatalan penerbangan sehingga mereka mengidap sakit gastrik dan juga tidak menukar baju buat beberapa hari, berkhidmat di sana beberapa hari sampai tidak tukar baju, tidak sempat balik rumah cuci baju sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sungguhpun perkara ini mustahak, telah disentuh oleh beberapa orang ahli dan tidak ada dalam Butiran B.47.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, ini adalah sistem perkhidmatan trafik udara, saya tidak nampak mengapa ahli dari sebelah sana boleh menyentuh dan sebelah sini....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, itu saya katakan telah disentuh oleh ahli-ahli yang lain, jadi Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Itu persepsi lain.

Tuan Lim Hock Seng: Saya ada persepsi yang lain. Tuan Pengerusi, memang sikap kakitangan-kakitangan MAS dalam menangani kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh penumpang amat dihargai dan memuaskan. Saya sendiri merasa mereka telah menunaikan tanggungjawab mereka dengan sedaya upaya. Mengapa Menteri Pengangkutan tidak menghargai perkhidmatan mereka, bahkan menyerang mereka serba tidak betul. Pada masa jerebu melanda negara kita dan beberapa buah lapangan terbang terpaksa ditutup kepada semua penerbangan.....

Datuk Lim Si Cheng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Senai bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Nanti saya habis ini dahulu. Adakah Menteri Pengangkutan membuat lawatan ke lapangan terbang untuk meninjau keadaan dan memberi semangat kepada kakitangan-kakitangan MAS kerana mereka menghadapi tekanan kerja yang luar biasa. Adakah menteri menyalahkan Indonesia kerana menyebabkan jerebu dan beliau tidak, beliau menyalahkan kereta-kereta dan lori-lori yang menyebabkan jerebu di negara kita ini.

Datuk Lim Si Cheng: Minta penjelasan. Adakah kerana Yang Berhormat sendiri dapat kupon dan layanan yang baik, jadi menyokong tindakan MAS yang mengikut budaya DAP yang negatif ini?

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, ini adalah satu ucapan yang sangat tidak bertanggungjawab. Saya kata saya sendiri ada pengalaman dan saya juga terperangkap kerana pembatalan kapal terbang dan di tempat itu memang semua penumpang pergi menanya bilakah saya boleh terbang, bilakah saya boleh ini, anak saya tunggu di sebelah sana. Memang semua ada orang tanya tetapi apa boleh buat,

kakitangan-kakitangan MAS apa mereka boleh buat? Batal kerana keselamatan penumpang-penumpang.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Penjelasan Yang Berhormat. Saya tidak mahu masuk dalam polemik antara sama ada MAS sebagai sebuah syarikat dan kakitangannya bertindak dengan baik atau tidak baik tetapi pada prinsipnya apa yang ditegur oleh Senai dan juga Seremban ialah kalau badan eksekutif dan juga badan legislatif ini tidak boleh menegur mana-mana badan yang dahulunya badan awam tetapi telah diswastakan dan apabila mereka ditegur, tidak kiralah MASKah, PLUSkah, sesiapa pun, depa tidak boleh ditegur oleh badan legislatif dan badan eksekutif dan apabila mereka ditegur atas kepentingan awam, mereka bersikap sedemikian, jadi adakah Yang Berhormat sebagai seorang ahli badan legislatif ini bersetuju dengan - kalau Yang Berhormat mengambil argument seperti Yang Berhormat hujahkan maknanya kita dalam Dewan ini tidak boleh tegur mana-mana badan yang telah diswastakan. Kita yang mewakili rakyat tidak boleh tegur dan apabila kita menegur, jika mereka bersikap buat picketkah apa benda, kita dok senyap. Jadi, kita meletakkan diri kita di satu kedudukan yang lebih rendah daripada mereka. Jadi, saya kalau Yang Berhormat hendak ambil sikap hendak membela kakitangan MAS itu satu hal tetapi saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat sehingga hendak meletakkan kita ahli badan ini di bawah daripada pihak-pihak swasta ini? Terima kasih.

[Tuan Pengerusi *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, memang ini satu masyarakat yang adil. Apabila satu pihak yang menegur satu pihak yang lain ada peluang dan berhak untuk menjelaskan sendiri. Inilah yang dibuat oleh kakitangan-kakitangan MAS. Mereka ditegur dan mereka tampil ke hadapan untuk menyatakan fakta-fakta kerana teguran yang melulu oleh menteri.

Tuan Pengerusi, jasa MAS kepada negara adalah jelas. Pengerusi MAS Tan Sri Tajuddin Ramli....

Dato' Fong Chan Onn: [Bangun]

Dato' Yap Pian Hon: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, kalau saya ada masa, saya boleh beri.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Kalau tidak ada masa, saya kena habiskan ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat akan habis dalam beberapa minit lagi.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi saya tidak benarkan, Tuan Pengerusi. [Ketawa] Tolong beri saya sedikit masa untuk menghabiskan ucapan saya ini.

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Jangan beri dia orang. [Ketawa]

Tuan Lim Hock Seng: Ya, Pengerusi MAS Tan Sri Tajuddin Ramli pernah membuat tawaran kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggunakan mata wang asing yang dimiliki MAS. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri datang ke Dewan ini untuk menjawab satu soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kota Melaka dan beliau membuat penjelasan bahawa Tan Sri Tajuddin Ramli membuat tawaran kepada beliau untuk menggunakan mata wang asing MAS untuk menangani masalah kewangan negara kita. Mengapa Menteri Pengangkutan tidak mahu menghargai sumbangan MAS ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Tuan Lim Hock Seng: Saya tidak ada masa seperti apa yang Tuan Pengerusi katakan.

Tuan Pengerusi: Ya, dia tidak beri jalan ya.

Seorang Ahli: Sudah berapa harga..

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, pada pendapat saya penaguan Menteri Pengangkutan pada saat-saat yang kritikal ini ada motifnya. Yang pertama, mencari scapegoat, dengan izin, kerana tidak memberi perhatian terhadap penaguan atau pembatalan kapal terbang pada masa jerebu yang melanda negara kita.

Yang kedua, melemahkan semangat kakitangan-kakitangan MAS. Yang ketiga, menggunakan peluang ini untuk membuka peluang kepada beberapa syarikat penerbangan tempatan seperti Pelangi Air, Air Asia, Transmile dan Seaga untuk mendapat destinasi-destinasi penerbangan.

Tuan Pengerusi, saya telah menghabiskan Butiran B.47 dan suka saya juga sentuh sedikit berkenaan P.47 iaitu berkenaan KTMB kerana hendak memakai RM45 juta membeli 44 set tren komuter. Tuan Pengerusi, pada satu minggu yang lepas ada pemandu-pemandu tren komuter menjalankan tindakan mogok. *[Sorak]* Jadi, saya ingin mendapat tahu apa sebenarnya yang telah menyebabkan pemandu-pemandu tren komuter ini tidak mahu memandu tren komuter. Sekian, sahaja.

[Lima orang Ahli Yang Berhormat bangun]

Tuan Pengerusi: Ramai lagikah Yang Berhormat? Ramai sangat ini yang dok berucap berkenaan dengan perkara B.47 ini. Sila bercakap ya.

5.24 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak sebut Butiran P.47 berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM45 juta sebagai pinjaman kepada KTMB.

Tuan Pengerusi, KTMB adalah satu syarikat yang telah diswastakan dan saya berpendapat pinjaman ini adalah tepat pada masanya untuk memajukan KTMB tetapi di sini saya ingin sebutkan bahawa syarikat KTMB adalah satu syarikat yang telah diswastakan. Jadi, timbul satu masalah iaitu bagaimana kerajaan kita perlu menguruskan syarikat-syarikat yang telah diswastakan seperti KTMB dan MAS. Tadi hujah-hujah yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sini mengenai MAS memang tepat dan betul iaitu sesuatu syarikat penswastakan mesti dan rela mendengar teguran-teguran dan pandangan daripada kementerian yang bertugas kepada mereka dan tadi apa yang kita kena mempersoalkan ialah syarikat-syarikat swasta seperti MAS, KTMB dan lain-lain syarikat selama ini kita dapat nampaknya ada satu precedent yang kian kurang sihat telah berleluasa iaitu nampaknya ada syarikat swasta menganggap bahawa selepas mereka dapat syarikat tersebut mereka tidak perlu mendengar teguran daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dan mereka boleh ketepikan kepentingan rakyat. Ini adalah satu perkembangan yang kurang sihat dan mesti ditangani. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita perlu sentiasa memastikan kepentingan rakyat mesti dibela.

Jadi, saya berpendapat bahawa kerajaan ada tanggungjawab untuk memastikan syarikat swasta terus memberikan perkhidmatan yang bagus dan juga memastikan harga-harga dan caj-caj yang dikenakan kepada rakyat mesti berpatutan. Selain daripada sikap syarikat swasta saya juga ingin sentuh sedikit sikap daripada Ahli Yang Berhormat dari Bagan yang amat tidak bertanggungjawab dan hujah-hujah dan point-point yang dibangkitkan oleh beliau sebenarnya bukan sahaja berniat politik dan juga berniat dengan tujuan cuba memecah-belah di antara pihak MAS dan Kementerian Pengangkutan. Ini adalah sangat tidak bertanggungjawab. Sebenarnya pihak dari pembangkang sentiasa memainkan 'double standard' apabila negara kita menghantar pasukan bomba pergi ke Indonesia memadamkan api, mereka kata apa gunanya menghantar pasukan bomba sedangkan tempat pembakaran pun telah naik

daripada 20 ke-50 sedangkan mereka sedar bahawa jika kita tidak hantar, mungkin tempat kebakaran telah meningkat kepada 150, mungkin dan lagi pun kalau kerajaan tidak hantar, ia akan hentam kerajaan kata kerajaan tidak bertanggungjawab dan tidak mengambil perhatian dalam keadaan jerebu ini. Ini adalah sikap parti pembangkang yang sentiasa memainkan.....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Fu Ah Kiow: Tidak beri. Tadi dia pun tidak beri, duduk dahulu, dengar!

Jadi, ini adalah sikap parti pembangkang. Lagi pun saya ingin menekankan di sini bahawa Menteri Pengangkutan tidak pernah berkata dia tidak menghargai usaha MAS. Kita kena membezakan antara usaha dan prestasi kepada pelanggan. Apa yang penting ialah prestasi, kita semua hargai dan kita mengakui bahawa pihak MAS telah cuba dengan sedaya upaya memberikan perkhidmatan yang semana boleh tetapi kita mesti juga mengakui bahawa memang ada banyak aduan bahawa prestasi MAS masih tidak bagus dan ramai pelanggan tidak diberitahu sebab-sebab penangguhan penerbangan dan sebagainya. Itu kita mesti hendak mengakui, jadi kita perlu membezakan prestasi dan usaha. Jadi, saya rasa pihak pembangkang sebenarnya mereka tahu tetapi mereka cuma hendak mempermainkan isu untuk kepentingan politik mereka sahaja. Ini saya rasa bukan sikap yang bertanggungjawab sebagai seorang Ahli Parlimen Dewan yang mulia ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap semua syarikat yang telah diswasta mesti mengamalkan sikap yang terbuka kepada teguran bukan sahaja daripada menteri-menteri yang di dalam kementerian yang berkaitan tetapi juga teguran daripada rakyat jelata mengenai dengan perkhidmatan mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Mas.

5.30 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian hanya dalam satu kandungan sahaja, Maksud B.47 Kementerian Pengangkutan iaitu tambahan sebanyak RM7,649,800 adalah dikehendaki untuk menjelaskan bayaran penyelenggaraan sistem perkhidmatan trafik udara.

Tuan Pengerusi, secara prinsip, kita menyokong perbelanjaan ini terutama sekali memandangkan keadaan sekarang ini di negara kita dan juga keinginan dan kehendak kita semua supaya semua alat perkhidmatan trafik udara dapat dipermodenkan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin bertanya kepada kementerian, di kawasan saya 100% penerbangan bergantung secara conventional, iaitu mengikut budi bicara pilot dan mengikut keadaan cuaca oleh kerana saya rasa penerbangan di kawasan Bukit Mas dari Miri, Limbang, Lawas, Bario ke Long Lellang, Ba'Kelalan, Long Semado dan kawasan-kawasan yang terpencil ini selalu bergantung kepada cuaca dan juga tidak ada alat moden yang dapat membantu pihak MAB di kawasan-kawasan tertentu kerana Twin Otter ini adalah satu penerbangan khas untuk kawasan luar bandar.

Saya ingin bertanya di sini, adakah kementerian bercadang pada masa yang akan datang mungkin menukarkan kapal terbang yang ada sekarang ini, saya rasa mungkin sudah lama. Cuba kita cari bagaimana dapat mempertingkatkan supaya pemandu kapal terbang (pilot) walaupun cuaca tidak baik dapat mendarat dan naik. Oleh kerana saya rasa di kawasan saya bukan macam saudara dari Bagan tadi, masalah yang kita hadapi di seluruh negara iaitu darurat jerebu di Sarawak, saya sendiri pun menghadapi banyak masalah. Tetapi yang penting di sini, tidak payahlah kita menuduh siapa yang salah.

Saya berharap janganlah mempolitikkan isu-isu menteri menegurkan pihak kakitangan MAS. Saya pun selalu mendengar, kita sampai ke bilik, dengan izin, departure hall. Kadang-kadang kalau cuaca tidak baik, satu jam kita balik dan keluar lagi, jadi saya rasa satu perkara biasa. Kita selalu dengar MAS - Mana Ada Sistem, Mesti Ada Salah - perkara ini adalah perkara biasa. Tetapi yang penting, sekiranya ada satu masalah, menteri yang bertanggungjawab. Saya menyokong penuh perlu memberi teguran secara positif. *[Tepuk]* Ini satu prinsip dasar, tidak dapat kita politikkan.

Yang kedua, orang yang ditegurkan itu harus ambil kira membuat satu tinjauan, membuat satu maklum balas, dengan izin, have a deep thought untuk memperbaiki keadaan. Misal kata, waktu darurat (emergency), saya berada di Lapangan Terbang Kuala Lumpur, susahlah, sendiri keluar RM300, banyak orang dari Kuching, selepas mesyuarat PAC. Kasihanlah, Tuan Pengerusi, dua, tiga hari mereka tinggal di Kuala Lumpur oleh kerana tidak dapat terbang ke Kuching. Saya boleh terbang balik ke Kota Kinabalu. Perkara seperti begini dengan latar belakang seperti begini mungkin itulah sebabnya menteri dan Kabinet sendiri membuat satu teguran seperti begitu. Tidak payahlah kita hebah-hebahkan isu ini.

Tuan Pengerusi, tadi saya pergi ke bank sebelum datang ke Parlimen, saya tengok kakitangan bank memakai lencana *[sambil menunjukkan kepada Dewan]* "NUBE Support Dr. Mahathir". Ini piket yang positif. Saya sokong penuh. Tetapi piket yang berdiri di sini, di sana, seperti DAP, tidak payahlah. Ini yang penting, yang dapat memberi semangat perpaduan, semangat kerjasama. Oleh kerana itu, saya berharap kalau kita sampai ke peringkat Jawatankuasa seperti ini.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan. NUBE itu apa dia, Yang Berhormat Bukit Mas? Nama bankkah? *[Ketawa]* Bank itukah? Sebab saya nampak itu satu perkara baru, mungkin ahli-ahli Dewan ini hendak sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Bukit Mas ini.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih kepada saudara saya Yang Berhormat Dato' dari Rompin. Sebetulnya secara accidental saya pergi bank - NUBE ini saya rasa National Union of Bank Employee, satu persatuan untuk kakitangan bank-bank di negara kita. Mereka menyokong Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpin negara kita.

Tadi rakan saya dari sebelah sana dia tidak mahu berterus-terang menyebutkan.....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya tidak akan beri jalan, Tuan Pengerusi, kerana saya ini berucap perkara dengan evidence. Tadi dia mahu sebut nama pemimpin, takut sebut nama Dr. Mahathir, itu sebab saya ada di sini. Oleh kerana itu saya berharap, tadi saya dengar, bukan bantu kawan saya di sana, ada percanggahan dari segi pandangan beliau dari sebelah sana, kadang-kadang menyokong kakitangan, kadang-kadang mengutuk menteri, jadi tidak payahlah, standard turun sedikit.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Lupa bangun. Masa Yang Berhormat pun hendak habis ya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya, dalam mana-mana badan kerajaan yang diswastakan, ia mempunyai satu dasar yang khas iaitu satu dasar badan kerajaan untuk mengawasi badan yang diswastakan. Kalau ada sedikit kesalahan berlaku ataupun benda yang kurang baik ataupun janggal nampaknya, tugas dan tanggungjawab badan pengawal selia ini ialah untuk menegur ataupun memberitahu. Jadi, tugas bagi pihak yang diswasta apabila menerima teguran dan ajaran itu supaya jangan rusing oleh kerana masing-masing tahu tugas dan tanggungjawab sendiri. Jadi, saya berharaplah perkara

ini dijamin oleh semua pihak yang diswastakan, termasuk juga MAS. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat dalam soal ini?

Tuan Pengerusi: Setujulah ya. *[Ketawa]*

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Pengerusi, saya setujulah. Satu perkara yang penting tadi, sebab saya pergi ke latar belakang oleh kerana saya pun rasa kesal sedikit kerana kita betul-betul ingin mahu membincangkan isu yang berkenaan di sini tetapi banyak yang dipolitikkan. Saya rasa baik sekali saya berucap sedikit kerana tidak ada conflict of interest. Mungkin DAP dengan kawan dan rakan daripada MCA ada konflik sedikit. Tetapi yang penting di sini iaitu prinsip. Saya tidak menyalahkan kakitangan MAS, tetapi sekiranya pandangan menteri itu baik kerana di dalam surat khabar menteri mengatakan Kabinet, bukan menteri sendiri. Itu saya rasa pihak kakitangan MAS harus ambil perhatian bahawa kritik ini bukan negatif tetapi positif.

Saya juga ingin lanjutkan.....

Tuan Pengerusi: Ya, sedikit sahaja, Yang Berhormat, ada satu minit sahaja lagi.

Tuan Michael Lisa Kaya:.....mengenai prestasi ataupun layanan yang diberi khususnya MAS memang baik untuk Ahli Parlimen. Saya harap 25% diskaun yang diberi dapat diteruskan kepada penerbangan antarabangsa. Kita harus puji, di mana mereka ada kredit, kita puji. Saya berharap juga untuk penerbangan ke kawasan-kawasan luar bandar seperti rakan saudara saya Yang Berhormat Datuk Menteri ke Mukah, misal kata, seperti di kawasan saya pakai kapal terbang yang kecil itu, tolong layan penduduk dari kawasan dengan baik, kadang-kadang tidak pandai bercakap bahasa Inggeris pun kerana orang tempatan. Oleh kerana itu, saya berharap dengan teguran seperti begini kedua-dua belah pihak; di sebelah menteri, kita sokong penuh teguran itu, di sebelah pihak MAS, kakitangan tolonglah ambil kira. Kita tukar slogan 'Mesti Ada Salah' kepada 'Mesti Ada Sistem'. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong.

5.40 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mengenai penyelenggaraan udara, saya dengan singkat akan menceritakan sedikit sahaja pengalaman saya dengan MAS. Mungkin Yang Berhormat dari Mentakab dan juga Bukit Mas bernasib baik tidak dilayan dengan buruk. Saya setuju dengan pengurangan 25% untuk tambang, memang kita alu-alukan dan saya berharap ia diteruskan. Itu dari segi yang positif. Tetapi memang ada positif dan ada negatif juga, ada cacat cela di dalam MAS.

Tuan Pengerusi, misalnya saya pada bulan Jun ada mengalami satu layanan yang tidak baik sebab saya tidak menggunakan kad saya sebagai Ahli Parlimen, cuma sebagai penumpang biasa. Sebagai penumpang biasa, saya nampak layanan yang buruk dan saya akan tulis kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya tidak akan beri butiran hari ini, saya akan tulis kerana layanan yang kurang baik. Dan juga semasa jerebu, udara berjerebu dan lapangan terbang pun berjerebu dan otak setengah-setengah orang pun berjerebu. Itu masalah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak ada modal.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau Rompin, kita mesti jaga kebakaran hutannya kerana di Pahang sekarang ada hutan gambut terbakar dan juga kebakaran hutan. Jangan sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memohon maaf kepada orang. Jaga kawasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa merapu ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mengenai komuter kita memang ada dijanjikan pada awal tahun ini iaitu club interval, tempoh untuk komuter itu akan dipendekkan daripada 30 minit kepada 10 minit, tetapi tiba-tibanya sekarang sudah lepas bulan September, pihak KTMB mengatakan ini akan ditunda kepada tahun

depan, mungkin Mac atau Mei tahun depan tempoh perjalanan set EMU itu akan dipendekkan.

Tuan Pengerusi, saya nampak sekarang daripada perbelanjaan tambahan ini diminta RM45 juta walhal jumlah yang dianggarkan untuk pembelian set tren komuter EMU (Electric Multiple Unit) ini ialah RM320 juta. Saya hendak menanya, dengan adanya 44 set yang lewat ini, mengapa kita lewat mendapat set tren komuter ini? Sama ada ada masalah di Korea Selatan ataupun masalah di Afrika Selatan - selatan belaka - Korea Selatan dan Afrika Selatan. Saya pun merasa hairan juga - hairan binti pelik. Kita dapat set tren komuter daripada Korea Selatan. Sambil mengambil daripada Korea Selatan, kita dapat daripada Afrika Selatan, jadi, dua benua. Adakah set-set ini diseragamkan daripada kedua-dua benua ini? Mungkin kerana ada dua benua, dia lewat.

Saya diberitahu bahawa memang peruntukan bagi KTMB sekarang sudah meningkat kepada RM2.5 bilion dan juga EMU akan ditambah lagi. Masalahnya, bolehkah Yang Berhormat menentukan dengan bertambahnya EMU ini, ketepatan masa (punctuality) dapat ditingkatkan lagi sebab saya diberitahu bahawa menurut Pengurus Besar, Encik Azhar Darus, punctuality ini dikatakan 90%. Ini satu punctuality yang boleh dibandingkan dengan standard dunia. Tetapi saya nampak bukan standard dunia pula, punctuality itu boleh diperbaiki lagi. Bukan punctuality sahaja, dengan bertambahnya EMU ini saya berharap semua kemudahan itu boleh ditambahkan lagi.

Tuan Pengerusi, saya tidak akan panjang lebar, saya ada janji akan menghantar butiran kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebab dia tidak cukup kerja, kita mesti beri dia kerja tambah sedikit. Tambah kerja dia di dalam kementeriannya, kerana Kementerian Pengangkutan memang satu kementerian yang penting, yang tarafnya mesti dinaikkan. Kakitangan ditambahkan untuk mengendalikan masalah pengangkutan di negara ini. Walau bagaimanapun, saya nampak punctuality bukan mencapai standard dunia bahkan juga tidak ada kemudahan, dari stesen Putra, stesen Taman Kepong, daripada segi tempat-tempat letak kereta, daripada segi perlindungan dari matahari, dari hujan dan juga kemudahan-kemudahan tandas dan sebagainya memang KTMB mesti menjaga, mesti mengetahui apakah kita hendak buat selain daripada tambahkan set tren komuternya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyaksikan perkara seperti komuter ini, keberkesanan untuk menyelesaikan sebahagian daripada kesesakan lalu lintas di bandar raya kita sebab bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya nampak kadangkala bila dia buat perhitungan itu ada salah sedikit. Misalnya, Intrakota yang sedang menggantikan bas mini. Kita ada lebih 400 bas mini tetapi digantikan dengan hanya 126 bas Intrakota walaupun bas Intrakota ini ada besar sedikit, tetapi masalahnya perkhidmatan Intrakota itu kurang baik, tidak sempurna. Ini memang satu contohhlah bagi Kementerian Pengangkutan. Begitu juga dengan komuter, walaupun kita janji hendak meningkatkan bilangan penumpang kepada 100,000 orang setiap hari, tetapi sekarang hanya 35,000 ataupun 45,000 orang sahaja. Janji itu mesti dikotakan. Apakah masalahnya? Kalau setakat 40,000 orang sahaja, itu memang tidak boleh menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Akhir sekali, mengenai KTMB, dengan adanya lebih banyak EMU dan lebih banyak peruntukan diberi sehingga RM2.5 bilion ini, memang hasratnya untuk menswastakan KTMB. Saya suka bertanya Yang Berhormat, mengapa penswastakan ini diberi kepada Marak Unggul Sdn. Bhd. yang terdiri daripada Renong Bhd., DRB-Hicom Group dan Bolton Properties Bhd. dan kongsi yang terbesarnya Renong Bhd. yang mana diberi. Adakah kerana Renong ini sangat berpengalaman dari segi kereta api ataupun ada punca sebab-sebab yang lain Marak Unggul Sdn. Bhd. ini diberi penswastakan ini. Bilakah penswastakan ini akan dilaksanakan dengan sepenuhnya? Saya diberitahu bahawa KTMB diswastakan dan tanah-tanah KTM ini yang luasnya lebih 8,000 hektar akan diambil alih oleh KTMB dan seterusnya KTMB akan disenaraikan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Itu akan dibuat. Saya berharap

Yang Berhormat dapat menjawab soalan saya dan saya akan hantar butiran-butiran mengenai ketidaksempurnaan KTMB. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka, selepas itu menteri menjawab.

5.52 ptg.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.47. Secara ringkas, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, mengapakah kadar express rail link yang disediakan untuk mengangkut penumpang-penumpang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah ditetapkan pada kadar RM31 sedangkan kalau dibandingkan dengan kadar-kadar yang ditetapkan dalam negara lain adalah jauh lebih rendah, malah ada rungutan yang dibuat kalau dibuat secara perbandingan, di Britain contohnya.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap di atas apa itu?

Tuan Lim Guan Eng: Maksud Bekalan B.47.

Tuan Pengerusi: B.47?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, perkhidmatan trafik udara. Sedangkan.....

Tuan Pengerusi: Nanti, berkenaan dengan pinjaman, jelaskan bayaran penyelenggaraan sistem trafik udara, bukan di atas jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, itu express rail link mengangkut penumpang ke KLIA. Ini termasuk dalam aspek penyelenggaraan. Jadi, kalau ia ditetapkan pada RM30, saya rasa ia adalah terlalu tinggi kerana sebagai contoh di England, kadar yang perlu dibayar adalah £10½. Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sering pergi ke England, dia pun tahu tentang perkara ini. Ini untuk penumpang. Tetapi untuk kelas kedua, hanya sekadar £7 sahaja. Kalau begitu, kalau kita tukarkan dari segi tukaran wang asing, ia adalah lebih rendah kalau berbanding dengan apa yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Di sini saya ingin meminta bahawa kadar ini bolehlah dikaji semula, kerana kalau kita ikut kadar yang munasabah, ia harus ditetapkan pada kadar RM17. Saya tidak mahu berikan butiran secara terperinci kerana ini adalah bergantung kepada perkiraan GNP dan juga kepada jarak di antara lapangan terbang dan stesen mengangkut penumpang. Pada masa yang sama, saya difahamkan, bahawa hanya satu kadar akan ditetapkan oleh pihak yang berkenaan iaitu kadar RM31.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya rasa kita harus ada dua kadar; satu untuk penumpang kerana mereka perlu membawa beg-beg atau bagasi mereka. Tetapi adakah kita bersedia untuk mengenakan satu lagi kadar untuk mereka yang tidak ada bagasi, terutama sekali kakitangan yang bekerja di KLIA. Kerana saya rasa dengan kadar RM31 one way, adalah terlalu tinggi dan ia haruslah dikurangkan kerana kadar ini amat tidak munasabah langsung untuk penswastaan. Seratus peratus penswastaan saya rasa tidak kena pada tempatnya kerana ia tidak akan menjaga kepentingan golongan miskin. Untuk memastikan atau mewajibkan mereka membayar RM31, saya rasa adalah di luar kemampuan mereka.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Maksud P.47 - pembelian stok kereta untuk KTMB. Saya ingin bertanya, mengapakah pembelian ini masih ditanggung oleh pihak kerajaan sedangkan pihak kerajaan telah menyatakan bahawa KTMB telah diswastakan kepada satu konsortium yang dipimpin oleh Marak Unggul Sdn. Bhd. Adakah ini bermakna sungguhpun penswastaan telah diadakan tetapi pihak kerajaan masih perlu membelanjakan wang untuk menyokong pihak yang mengambil alih. Saya rasa ini akan menggagalkan usaha penswastaan kerana kalau sesuatu perkhidmatan diswastakan, kerajaan tidak sepatutnya mengeluarkan wang. Saya tidak nampak di sini mengapa apabila penswastaan dijalankan, RM45 juta masih perlu dituntut untuk membeli stok kereta sedangkan perbelanjaan ini harus ditanggung oleh Marak Unggul Sdn. Bhd. Saya rasa amatlah aneh dan luar biasa sekali dalam keadaan penswastaan,

kerajaan masih menggunakan wang pembayar cukai untuk menyokong konsortium swasta ini. Saya harap ini tidak dibenarkan, sebaliknya perbelanjaan ini harus ditanggung oleh Marak Unggul. Kalau ini berlaku, bolehkah saya tahu sejauh manakah pihak kerajaan akan membelanjakan wang untuk meneruskan perkhidmatan KTMB selepas penswastaan. Adakah benar bahawa kerajaan akan terus membelanjakan RM4.15 bilion sungguhpun ia telah diswastakan kepada Marak Unggul? Kalau begitu, ini adalah sebilangan kecil daripada RM4.15 bilion dan ia bukanlah penswastaan, not privatisation, dengan izin, tetapi piratisation.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada perkhidmatan yang diberikan oleh KTMB di mana kalau kita lihat iklan yang dipaparkan dalam peti televisyen di mana ada seorang main gitar, lepas ini duduk dalam kereta api dan ada seorang yang masak mi goreng yang panas - hidangan jamuan yang panas. Tetapi saya difahamkan dalam koc kelas pertama, apabila mereka menempah atau hendak membeli makanan, semuanya telah disediakan, apabila mereka sudah jadi sejuk, tidak ada apa-apa hidangan yang boleh dimasak pada masa itu. Kalau begitu, saya rasa, apa yang diiklankan merupakan satu penipuan kerana tidak mencerminkan perkhidmatan yang boleh diberikan oleh KTMB. Dijanjikan bahawa ada masakan yang boleh dimasak serentak, iaitu satu hidangan yang panas, tetapi sebaliknya apa yang berlaku ialah semua sudah jadi sejuk. Apabila minta untuk mi goreng yang dimasak, tidak ada. Saya harap perkara ini boleh dibetulkan supaya perkhidmatan KTMB untuk penumpang kelas pertama benar-benarlah first class, bukanlah sebaliknya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang atau sehingga selesai perbahasan dan diputuskan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 1997, yang mana terkemudian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang atau sehingga selesai perbahasan dan diputuskan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 1997, yang mana terkemudian.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

6.01 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Senai, Seremban, Mentakab, Bukit Mas, Kepong dan juga Kota Melaka oleh kerana mereka telah bangkitkan beberapa perkara di bawah Kementerian Pengangkutan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bagan oleh kerana melalui ucapan dia tersendiri menunjukkan betapa 'ignoramus' dia sendiri mengenai isu-isu MAS yang berbangkit baru-baru ini.....

Tuan Pengerusi: Apa dia, Yang Berhormat? Berkenaan dengan apa, dia apa - ignoramus?

Tuan Chor Chee Heung: Ignoramus, Tuan Pengerusi. Saya percaya perkataan itu Tuan Pengerusi tahulah, mungkin Yang Berhormat Bagan tidak tahu, tidak payah diterangkan, dia balik, dia check dictionary malam ini. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, mungkin saya akan menjawab mengenai isu yang pertama yang mana begitu ramai Ahli Yang Berhormat telah sentuh, iaitu tindakan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja MAS baru-baru ini. Penerbangan Malaysia MAS ialah sebuah syarikat penerbangan negara kita. Ianya juga merupakan national carrier kita walaupun ianya telah diswastakan, tetapi seperti kita semua maklum, kerajaan masih memegang golden share di dalam syarikat ini.

Dari segi dasar-dasar dan juga peraturan-peraturan mengenai penerbangan-penerbangan am, walaupun MAS telah diswastakan, ianya harus juga mengikut arahan dari kerajaan kita, khususnya Kementerian Pengangkutan. Melalui penswastakan ini, memang hasrat kerajaan ialah untuk melihat MAS memang betul-betul muncul sebagai syarikat penerbangan am yang terkemuka di rantau ini ataupun di dunia ini. Kerajaan memang melalui konsep Japan incorporated akan mencari pelanggan besar-besaran termasuk hak daratan supaya pesawat MAS dapat mendarat di destinasi-destinasi antarabangsa di dunia ini.

Saya percaya MAS selama ini telah menunjukkan bahawa mereka dapat menanggung nama baik dan juga imej negara kita. Selama ini kerajaan juga melalui usaha supaya hak-hak daratan di dunia ini telah pun kita dapat supaya MAS dapat kemudahan ini. Tetapi walau bagaimanapun, ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini, tindakan MAS baru-baru ini iaitu semua pekerjanya bertindak dengan secara mengejut melalui tunjuk perasaan dan picketing ini, dengan izin, adalah amat dikesali. Yang pertama, semasa kita menghadapi masalah jerebu ini, siapa kata Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak ambil tahu ataupun tidak berada di Subang? Saya memang mengaku iaitu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memang tidak berada di Subang sendiri, tetapi beliau telah melalui wakilnya, iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri kita membuat rondaan di Subang. Yang Berhormat Timbalan Menteri kita juga masuk, naik sampai control tower untuk melihat keadaan sama ada pesawat kita dapat mendarat ataupun dapat berlepas. Tambahan kepada itu lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga selalu dan senantiasa berhubung dengan lapangan terbang di tempat lain, khususnya Kuching dan Sandakan untuk mendapati keadaan yang sebenarnya, macam mana sama ada pesawat dapat mendarat ataupun berlepas. Bukankah ini bermaksud Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengambil berat tentang masalah yang dihadapi.

Memang kita semua bersetuju masalah jerebu bukan masalah MAS. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah pun memberitahu, dia kata, semua pembatalan dan juga penangguhan penerbangan-penerbangan dalam negara kita, domestik ataupun antarabangsa, bukan oleh kerana kesalahan MAS. Selama ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan juga betul-betul menghargai usaha-usaha MAS dari segi usaha-usaha mencapai kecemerlangan dalam mengendalikan penerbangan-penerbangan di negara kita dan juga di dunia ini. Tetapi apa yang saya rasa cukup terkejut ialah apabila Yang Berhormat Menteri balik daripada Mesyuarat Jemaah Menteri, beliau telah diberi

arahan supaya menegur ataupun memberi teguran kepada MAS sebab terdapat begitu ramai pelanggan MAS yang terkandas di lapangan-lapangan terbang di negara kita. Mereka telah membuat aduan kepada kerajaan (Jemaah Menteri) supaya MAS dapat mempertingkatkan lagi ataupun dapat lebih peka terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh penumpang-penumpang yang tergendala ataupun terkandas di lapangan terbang. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pun melalui press merayu - bukan merayulah, merayu itu mungkin satu perkataan yang begitu serius, cuma memberi saranan kepada MAS supaya menjadi lebih caring kepada penumpang-penumpang MAS. Jika terdapat apa yang MAS dapat bantu, silalah bantu, oleh kerana jerebu ini bukan satu perkara yang order of the day, dengan izin. Selepas saranan ini, tindak laku oleh pekerja-pekerja MAS melalui tunjuk perasaan, memang satu perkara yang kita tidak sangka langsung. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri pun berasa amat kecewa.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini Jelebu bangun yang tak berjerebu. *[Ketawa]* Saya ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai dengan peraturan pentadbiran kerajaan. Apakah pihak MAS ini tidak tahu bahawa MAS sebenarnya terletak di bawah penyeliaan dan pengawasan sebuah kementerian yang telah diberikan kepercayaan oleh pucuk pimpinan negara. Kalau dia tahu, apakah sebenarnya MAS tidak memberi dan memaklumkan bahawa MAS adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan kepada kakitangan pengurusan dan sebagainya. Kalau mereka tidak tahu, kenapakah perkara ini berlarutan dan timbul seolah-olah menempelak Yang Berhormat Menteri dengan teguran yang ikhlas yang ditujukan kepada jabatan di bawah pengawasan kementerian ini.

Apakah MAS tidak tahu bahawa di Kementerian Pengangkutan mempunyai tiga bahagian utama; bahagian laut, bahagian darat dan bahagian udara yang dikhususkan untuk mengawal selia sistem pengangkutan yang ada di negara kita. Jadi, kalau inilah sikap MAS, saya ingat MAS terpaksa belajar lebih lanjut untuk merapatkan diri dan hubungan antara kakitangan mereka dengan kakitangan di peringkat kementerian kerana kementerian melalui kerajaan telah menyumbangkan banyak perkara, menyediakan tambahan kakitangan, mengeluarkan bayaran gaji, elaun dan sebagainya kepada satu unit khusus untuk mengawal selia bahagian udara. Jadi, saya mohon penjelasan bagaimana kedudukan sebenarnya antara MAS dengan kementerian ini? Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Jelebu, ingin saya memberitahu iaitu memang semua pihak, termasuk pekerja MAS, mereka telah tahu ataupun mempunyai pengetahuan yang secukup-cukupnya iaitu walaupun MAS sebagai sebuah syarikat yang semata-matanya selepas penswastaaan mementingkan keuntungan, mereka juga memberi fahaman iaitu semua dasar kerajaan termasuk peraturan-peraturan yang ditetapkan harus juga diikuti, iaitu semua peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan, oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pengangkutan seperti DCA, mereka faham iaitu mereka kena ikut.

Saya juga kurang faham sebab apa tindakan sebegini telah berlaku, sebab sepanjang pengetahuan saya, sejak saya masuk bertugas di Kementerian Pengangkutan dan sebelum itu, perhubungan di antara MAS dan juga Kementerian Pengangkutan adalah cukup baik di mana kedua-dua pihak, iaitu Kementerian Pengangkutan sebagai wakil kerajaan dan juga MAS dapat bekerjasama demi kebaikan negara dan juga syarikat ini, iaitu yang telah pun diswastakan. Ini adalah satu pendirian di mana pihak MAS telah faham dan Kementerian Pengangkutan juga mempunyai pendirian seumpama ini.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kita sebagai rakyat Malaysia patut merasa bangga dengan penerbangan kita. Kalau kita banding dengan syarikat-syarikat penerbangan lain, saya kira perkhidmatan yang diberi oleh pihak MAS ini memang baik. Dan kalau kita lihat joint service antara kita dengan Virgin Air dan lain-lain syarikat, ini saya dapati bahawa banyak orang asing menaiki MAS, bila kita tanya kenapa, dia kata kerana servis.

Jadi, apabila MAS juga akhir-akhir ini menghadapi masalah dari segi jerebu, dengan kedudukan wang kita dan sebagainya, kita sepatutnya memberi satu semangat kerana saya difahamkan kalau 10 sen mata wang kita turun, pihak syarikat MAS akan menanggung kerugian apabila mahu mengisi minyak kapal terbang, diisi di negeri-negeri, dia kena bayar dalam Dolar Amerika Syarikat. Jadi, bandingkanlah betapa tertekannya pihak MAS dari segi menghadapi masalah ini.

Kita berterima kasih dan rasa bersyukur kerana tauke MAS, Tan Sri Tajudin Ramli sanggup wang dari kutipan jualan tiket dan sebagainya hendak diserahkan kepada kerajaan dan beliau sanggup menyerahkan syarikat itu untuk membantu kerajaan dalam masa kerajaan menghadapi tekanan. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sedikit sebanyak kita perlu telanlah benda-benda ini kerana yang baik itu banyak daripada yang tidak baik kalau kita hendak bandingkan dengan penerbangan-penerbangan lain, sampai kadang-kadang kita tengok ada yang suruh kapal terbang ke kiri, ke kanan, akhirnya dia belah bukit [*Ketawa*] tetapi kita di sini tidak ada lagilah. Sistem kita okay. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Kita semua memang merasa bangga bila kita melihat pesawat MAS di merata-rata dunia ini. Tetapi saya bukan sering kali pergi ke London, jangan dengar Yang Berhormat dari Bagan. Di mana tempat pun bila kita tengok lambang MAS, kita merasa bangga. Tetapi MAS juga harus tahu iaitu usaha kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sepanjang beliau menjadi Menteri dalam kementerian ini telah menjaga kepentingan MAS melalui beberapa langkah yang cukup membela MAS supaya kita semua dapat melihat MAS muncul sebagai sebuah syarikat yang terkemuka di rantau ini, saya memang bersetuju. Tetapi jangan kita sampai satu tahap di mana lidah kita tergigit. Itu sahaja. Kita kena ada give and take. Sedikit sebanyak teguran dari bapa kepada anak, kita semua menerima dengan baik. Jadi, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kali ini cuma memberi teguran ataupun saranannya, bukan marah pun. Saya percaya pekerja-pekerja ataupun khususnya senior management MAS harus menerima teguran ataupun saranan ini dengan baik.

Siapa berani kata Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak menghargai apa yang telah dicapai oleh MAS? Beliau memang menghargai pencapaian MAS, hanya Yang Berhormat dari Bagan sahaja dia tidak tahu, sebab dia ingoramus.....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Chor Chee Heung: Saya tidak ada masa, sorrylah Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu saya bila dia melawat control tower pada masa jerebu begitu tebal, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dia nampak Yang Berhormat Bagan sedang queue ambil kupon, hendak makan sahaja, lain orang dia tak kira. [*Ketawa*] Dia sendiri mengaku, ambil kupon dari MAS, dok queue nak cari makan sahaja, lain rakyat dia tak kira. Ini adalah sikap Ahli Yang Berhormat yang tidak bertanggungjawab. [*Tepuk*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Pecah lubang. [*Ketawa*]

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi.....

Datuk Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chor Chee Heung: Saya ingat cukuplah.

Datuk Lim Si Cheng: Minta penjelasan. Adakah kerana itu mengakibatkan Yang Berhormat dari Bagan tidak bersetuju dengan teguran Yang Berhormat Menteri Pengangkutan?

Tuan Chor Chee Heung: Yang Berhormat dari Bagan macam puak-puak di situlah. Bila ada faedah kepada mereka, dia cakap ini; esok bila faedah tak ada, dia cakap sebelah ini pula. Ambil kesempatanlah pada tiap-tiap kali.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan kepada dia?

Tuan Chor Chee Heung: Tak apalah, nanti, tunggu saya habis dahulu.
[Ketawa]

Tuan Pengerusi, sepanjang pengetahuan saya, saya cukup memahami sikap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Beliau dari segi tindak lakunya tidak pernah mengguna cara kasar, beliau sebagai seorang yang courteous tetapi very firm dengan keputusan yang dibuat oleh beliau. Courteous and firm, maksud kata, bersopan tetapi tegas. Dengan cara inilah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan selepas peristiwa tunjuk perasaan berlaku hingga hari ini saya percaya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak memberi komen, sebab beliau cukup memahami iaitu perkara sudah berlaku. Jika terdapat kesilapan atas mana-mana pihak pun, beliau sanggup menunggu supaya Jemaah Menteri membuat satu keputusan.

Saya difahamkan juga wakil-wakil kesatuan pekerja MAS telah pun berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pada dua hari yang lalu dan mereka telah memberitahu masalah yang dihadapi oleh mereka dan bukan mereka begitu tidak puas hati terhadap saranan ataupun teguran oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi mereka agak tidak puas hati terhadap persepsi yang tidak begitu betul oleh orang ramai terhadap MAS, itu sahaja. Tetapi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan telah pun memberitahu supaya mereka balik dan memainkan peranan masing-masing. Saya harap perkara seumpama ini tidak berlaku.

Tuan Pengerusi, saya percaya begitulah mengenai isu-isu MAS.....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chor Chee Heung: Ai, banyak lagi ini.

Tuan Lim Hock Seng: Tadi you janji mahu beri.

Tuan Chor Chee Heung: Nanti tidak boleh habislah. Tak apa, duduk dahulu. *[Ketawa]*

Yang Berhormat dari Senai bangkitkan mengenai Pulau Pangkor. Memang hasrat kerajaan adalah untuk mempertingkatkan lagi Lapangan Terbang Pulau Pangkor supaya lapangan terbang ini akan menjadi satu lapangan terbang yang bermutu tinggi di mana pelancong-pelancong asing akan datang melawat Pulau Pangkor.

Yang Berhormat dari Bagan sentuh mengenai soal Air Asia, TransMile, Seaga semata-mata macam Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri yang membuat keputusan supaya hak-hak daratan dapat diberikan kepada syarikat-syarikat penerbangan tersebut. Di sini saya suka memberitahu iaitu keputusan untuk memberikan sedikit hak pendaratan supaya mengendalikan sebuah syarikat penerbangan kepada Air Asia, TransMile dan Seaga adalah keputusan kerajaan.

Jemaah Menteri telah membuat keputusan ini dan bukan dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sahaja.

Mengenai kakitangan komuter KTM yang mogok pada hari itu, peristiwa mogok oleh pemandu tren komuter KTM adalah berpunca daripada sokongan simpati mereka kepada pemandu-pemandu kereta api penumpang inter city berikutan arahan untuk mereka memandu tren berterusan dari Kuala Lumpur ke Butterworth dan Kuala Lumpur ke Singapura serta sebaliknya, pada waktu malam. Ini merupakan perubahan daripada amalan sebelum ini di mana crew train bertukar di Ipoh (bagi sektor utara) dan di Gemas (bagi sektor selatan). Tetapi walau bagaimanapun, suka saya memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu langkah-langkah yang telah diambil oleh pengurusan supaya perbincangan diadakan dengan pekerja-pekerja pemandu tren komuter dan mereka telah pun puas hati, selepas melalui perbincangan, dan mereka telah pun balik bekerja tanpa masalah-masalah yang lain. Di sini saya ingin memberi jaminan iaitu perkara ini tidak akan berulang lagi.

Tuan Pengerusi, soalan daripada Yang Berhormat Bukit Mas iaitu mengenai sistem perkhidmatan trafik udara. Saya cuma memberitahu iaitu sistem perkhidmatan trafik udara adalah amat penting kepada pesawat-pesawat untuk mendarat ataupun berlepas di mana-mana lapangan terbang. Di sini saya juga ingin memberitahu iaitu bukan semestinya pesawat seperti Twin Otter ataupun Fokker tidak selamat. Walaupun kedua-dua jenis pesawat ini tidak menggunakan sistem automatik, tetapi mereka sentiasa dipandu oleh sistem perkhidmatan trafik udara. Itulah maksud saya, seperti radar-radar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, radar yang baru akan diadakan di Kota Kinabalu dan.....

Tuan Michael Lisa Kaya: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan dengan lebih jelas. Sebetulnya yang saya katakan tadi iaitu di kawasan saya, saya sudah bertanya beberapa kali kepada pemandu-pemandu kapal terbang (pilot), Twin Otter yang ada sekarang ini tidak ada alat yang moden di mana dapat dibantu dengan radar. Itu maksud saya tadi. Adakah kementerian bercadang untuk memberitahu ataupun menyarankan kepada MAS supaya dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang ada sekarang. Itu tujuan saya.

Tuan Chor Chee Heung: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mas. Memang benar walaupun Twin Otter dan Fokker tidak mempunyai alat-alat automatik, tetapi pesawat-pesawat seumpama ini pada setiap masa sebelum berlepas ataupun mendarat dapat dipandu oleh radar-radar yang telah siap dipasang di beberapa tempat strategi di negeri Sarawak dan Sabah pun ada.....

Tuan Pengerusi: Di Bukit Mas itu, Yang Berhormat. Tempat dia itu Bukit Mas.

Tuan Chor Chee Heung: Ya, Bukit Mas. Sama ada kita mempunyai cadangan, ini saya dapat maklum balas daripada MAS, jika terdapat pelanggan yang begitu ramai, mungkin pesawat akan ditukar kepada pesawat yang lebih besar.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh beberapa perkara tetapi saya memang mengalu-alukan pandangan dari Yang Berhormat yang sentiasa memberi cadangan yang begitu bernas. Dan mengenai aduan yang akan disampaikan kepada saya, saya memberi jaminan bahawa saya akan mengambil tindakan serta-merta bila saya terima aduan daripada Yang Berhormat. [Tepuk]

Dari segi isu komuter ini, memang pada masa ini terdapat sedikit sebanyak kelemahan. Kita semua mengakui iaitu kadang-kadang masa kita menunggu di platform ataupun di stesen, sebelum kita dapat menaiki tren, kita terpaksa tunggu melebihi 10 minit, ini memang berlaku, saya setuju. Tetapi dengan adanya 44 unit EMU yang akan diperolehi, saya percaya masa untuk menunggu akan dipendekkan

supaya hasrat kerajaan atau KTM iaitu masa menunggu 5 hingga 8 minit dicapai. Kalau tanya saya sebab apa begitu lewat 44 set ini sampai, saya mempunyai maklumat iaitu kita mempunyai satu jadual (time table) di mana beberapa set akan sampai dari luar negeri dan kita harus mengikut jadual yang telah pun ditetapkan.

Tuan Pengerusi, sistem pengangkutan LRT dan juga Intrakota, saya bagi pihak kementerian juga mengakui iaitu buat masa ini dari segi ketetapan masa dan dari segi penumpang-penumpang yang menaiki bas Intrakota ataupun Park May, lepas itu tukar dan masuk LRT, pada masa ini memang mempunyai sedikit masalah. Apakah sebabnya? Sebab utama buat masa ini, Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya sedang dalam proses untuk proses perubahan di mana kita harap dapat melihat pada tahun 1999 ataupun selewat-lewatnya tahun 2000 mewujudkan satu sistem pengangkutan awam yang komprehensif. Maka kita dapat melihat di rata-rata tempat di Kuala Lumpur, jalan-jalan pun sesak oleh kerana kita sudah blok dan larang penggunaan jalan-jalan bagi projek-projek seperti LRT, buat masa ini monorel pun ada lagi dan bus lane, semua ini memang not in place, dengan izin. Semua kemudahan public transport kita mengakui are not in place yet, tetapi come 1999 or 2000, saya percaya kita mempunyai satu sistem pengangkutan awam yang komprehensif dan bersepadu di mana kita dapat menggunakan pengangkutan awam dengan senang dan mudah.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi, dari segi penswastaaan KTM, sebab apa diswastakan kepada Marak Unggul Sdn. Bhd., saya ingat sudah dua, tiga kali menjawab dalam Dewan yang mulia ini, bukan semesti melalui tender-tender terbuka baru kita dapat melaksanakan penswastaaan yang cekap dan bersih. Merak Unggul ini merupakan satu konsortium di mana Renong Bhd., DRB dan juga Bolton Properties masuk dalam konsortium ini memegang saham dan ketiga-tiga syarikat ini yang telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur merupakan syarikat-syarikat yang terbesar dalam BSKL kita. Maka mereka telah memberi bukti bahawa mereka mempunyai keupayaan teknikal dan juga kewangan untuk melaksanakan projek penswastaaan ini.

Tuan Pengerusi, mengenai isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, iaitu expressrail link (ERL) dari Sentul Central ke KLIA. Beliau menyatakan iaitu kadar RM31.00 sehalu adalah begitu mahal. Tetapi pada pendapat kementerian dan pendapat kerajaan kadar bayaran sebanyak tidak melebihi RM31.00 ini adalah berpatutan. Buat masa ini kita tidak boleh tetap, iaitu kadar bayarannya RM30.00 atau RM31.00. Tetapi mengikut surat perjanjian ataupun MOU di antara kerajaan dan syarikat swasta itu, kadar bayaran adalah tidak melebihi RM31.00. Kita kena tunggulah tengok bila KLIA siap esok berapa kadar bayaran. Jangan lupa kita bayar RM30.00 atau RM31.00 pun, ini termasuk kemudahan-kemudahan yang lain, di mana sebelum kita menaiki tren ERL ini, kita dapat melakukan check in tiket kapal terbang kita, di mana kita hendak pergi pun dapat check in. Kalau kita hendak pergi ke London, kita dapat check in di situ dan kita dapat menjimatkan masa. Ini adalah salah satu kemudahan yang akan diadakan di stesen ERL.

Faktor yang kedua, jangan lupa ERL ini bukan satu projek di mana siapa-siapa boleh lakukan, sebab projek ini adalah dalam lingkungan RM2 bilion. Maka syarikat yang lain, syarikat yang dapat projek penswastaaan ini kena juga memberi keadilan dari segi kadar tambang penumpang-penumpang.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun.

Tuan Chor Chee Heung: Saya ingat tidak payahlah. Tidak ada masa, next time I give you, every time I give you.

Tuan Pengerusi, isu yang akhir yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah mengenai perkhidmatan makanan ataupun makanan yang disediakan di dalam kereta api memang tidak mempunyai mutu yang membanggakan. Memang saya setuju. Kementerian sentiasa memberi maklum balas kepada KTM supaya mutu makanan yang disediakan dalam train KTM, that is the buffet car harus diperbaiki lagi. Pada setiap minggu Kementerian Pengangkutan mempunyai mesyuarat, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah membangkit dua kali. KTM telah memberi jaminan iaitu mereka akan balik mengkaji semula sama ada makanan yang disediakan di dalam train itu dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Chor Chee Heung: Sudah lewat, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya hanya bertanya tentang ERL, bolehkah ada dua kadar, iaitu satu untuk penumpang dan satu lagi untuk orang biasa yang mungkin kerja di sana. Kalau masih tetap RM31.00 saya rasa terlalu tinggilah. Saya harap ini boleh dipertimbangkan supaya mereka yang kerja kalau boleh RM31.00 dikurangkan. Tetapi mereka yang bekerja di sana boleh dikurangkan lagi. Yang kedua ialah tentang EMU. Mengapa RM45 juta perlu dibelanja oleh pihak kerajaan, sedang KTMB sudah diswastakan kepada Marak Unggul Sdn. Bhd. Apakah logik kita sudah swastakan, tetapi kita kena keluarkan wang lagi?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, mengenai cadangan dua jenis kadar, satu untuk penumpang yang akan ambil pesawat/kapal terbang, dan satu untuk orang berkerja di situ. Ini adalah satu cadangan yang baik. Buat masa ini kita tidak tahu lagi, tetapi cadangan ini akan diambil kira. Satu, misalnya macam LRT, LRT kita mempunyai berjenis-jenis tiket. Tiket yang bercorak baru adalah tiket bersepadu di mana ianya sekarang dalam peringkat kajian. Bila kajian habis dan dapat kita wujud satu jenis tiket bersepadu, maksud kata, seorang dapat membeli satu tiket cukup, dia boleh naik bas, dari bas naik LRT. Ini adalah satu sistem yang baik. Mungkin bagi pihak yang mengendalikan ERL ini mereka akan mengadakan sistem macam season ticket, tiket bersepadu dan season pass. Ini semua ada dalam planning.

Mengenai RM45 juta, sebelum kerajaan menswastakan KTM, kerajaan telah membuat begitu banyak komitmen. Sama ada kerajaan mengeluarkan RM45 juta ini bukan bermakna kerajaan rugi. Dalam surat perjanjian penswastakan ini kerajaan telah mengambil kira komitmen kerajaan setakat tarikh apa, dan RM45 juta ini adalah komitmen kerajaan, dan selepas itu pihak KTM diswastakan dengan secara penuh akan menanggung segala kos. Buat masa ini penswastakan KTM dua peringkat. Peringkat pertama, ialah segala pengurusan pentadbiran akan diserahkan dahulu kepada syarikat penswastakan. Selepas itu satu tarikh iaitu tahun depan semua akan diserahkan pula kepada syarikat yang dapat penswastakan itu. Jadi, RM45 juta ini mengikut pengetahuan saya adalah komitmen kerajaan yang telah dibuat pada peringkat awal.

Tuan Pengerusi, saya ingat saya telah pun menjawab semua soalan dengan begitu panjang lebar. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun bangkit mengenai isu-isu di bawah Kementerian Pengangkutan. Dengan itu saya ucapkan terima kasih lagi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,649,800 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,649,800 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM50,500,010 untuk Maksud P.47 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM50,500,010 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1997.

Maksud B.48 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Jelebu.

6.40 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pertamanya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar di atas satu perancangan kerja yang begitu baik, terutamanya kepada bahagian KEMAS dan juga FELCRA. Saya suka menyentuh Maksud B.48, yang pertama kepada pihak KEMAS dengan perbelanjaan sebanyak RM36,489,600 bagi membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan kontrak di bawah KEMAS.

Tuan Pengerusi, saya cuma hendak minta penjelasan yang lanjut mengenai kedudukan kakitangan KEMAS yang ada pada hari ini di mana pengurusan pengambilan semula kakitangan ini yang dahulunya secara kontrak telah pun dibuat secara pentadbirannya dijadikan sebagai kakitangan tetap dan berpenyen. Bagaimanakah kedudukan kakitangan yang masih kosong di dalam perjawatan di jabatan KEMAS ini. Maksud saya di kalangan penyelia-penyelia kanan, penyelia dan pemaju masyarakat, penolong pembantu dan sebagainya, bagaimanakah keadaan pengisian kekosongan berkenaan. Kerana kita dapati masih lagi banyak berlaku kekosongan-kekosongan jawatan ini yang telah lama tidak diisi, terutamanya di kalangan jawatan-jawatan penyelia kawasan Dewan Undangan Negeri. Umpamanya di Dewan Undangan Negeri Kelawang di Parlimen Jelebu masih kosong, tidak diisi begitu lama.

Begitu juga dengan jawatan-jawatan yang lain untuk guru-guru tadika umpamanya pun masih terdapat kekosongan yang masih berlaku. Cuma saya ingin tahu apakah tindakan pihak kerajaan bagi menjalankan pengisian yang sewajarnya supaya permasalahan yang berlaku yang berkaitan dengan jabatan ini akan dapat diselesaikan dengan baik.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan, apakah sebenarnya tugas kakitangan ataupun penyelia KEMAS ini dalam menjalankan dan memperkembangkan, memperluaskan dasar-dasar kerajaan ke arah perpaduan masyarakat. Kerana terdapat permasalahan yang berlaku di kalangan kakitangan KEMAS yang seolah-olah bertindak sebagai pemecah perpaduan di kalangan masyarakat yang ada? Jangan menggunakan jabatan sebagai satu tempat untuk bertapak dalam bidang politik di kalangan kakitangan kerajaan yang dahulunya secara kontrak tetapi sekarang ini telah diserapkan di bawah pengawasan JPA dan pihak kementerian.

Kita mempunyai bukti-bukti yang tertentu yang menunjukkan sebahagian daripada penyelia ini bertindak rakus terhadap politician yang ada di satu kawasan Parlimen. Beliau bertindak sebagai pemecah perpaduan, memecahbelahkan masyarakat dan menghilangkan kepercayaan masyarakat kepada pemimpin. Apakah ini wajar dan saya ingin tahu setakat hari ini apakah ada laporan pengaduan yang diterima oleh pihak kementerian melalui Jabatan KEMAS ataupun di peringkat Jabatan KEMAS di peringkat negeri mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil kepada pihak-pihak yang berkenaan yang tidak bertanggungjawab di dalam soal menyatupadukan masyarakat antara massa dan juga pemimpin. Kerana kita tidak

mahu perkara ini berlarutan daripada jawatan secara kontrak diserapkan oleh pihak kerajaan dan banyak kewangan kerajaan telah habis untuk dibelanjakan bagi menyelesaikan masalah-masalah sedemikian.

Begitu juga dengan program-program yang diaturkan oleh pihak jabatan. Umpamanya kehadiran Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar ke Parlimen Jelebu pada 22.9.1997 di mana satu lawatan telah diadakan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi malangnya kakitangan berkenaan di jabatan berkenaan tidak bersedia untuk mengaturkan program yang berkaitan, dan Yang Berhormat Menteri pada waktu itu merasmikan Kampung Gerakan Desa Wawasan Air Hitam, Jempol. Oleh kerana masalah pentadbiran yang berlaku, saya kira pihak KEMAS adalah satu jabatan yang harus memainkan peranan bagi menyambut kedatangan Yang Berhormat Menteri dan membuat jemputan-jemputan pada seluruh wakil rakyat. Tetapi oleh kerana masalah-masalah yang berlaku yang tidak diambil kira, yang tidak diambil berat, maka terdapat hanya dua orang Wakil Rakyat yang hadir. Malulah keadaan macam ini. Jadi, saya minta apakah perkara ini disedari oleh pihak kementerian dan juga jabatan.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, program-program yang dibuat oleh jabatan-jabatan lain jangan 'hijack'lah. KEMAS jangan 'hijack'lah program-program yang sedemikian melalui pihak-pihak yang lain di luar jabatan dan menggunakan perbelanjaan jabatan untuk menampung sebahagian daripada program tersebut. Jangan buat kerja macam ini. Saya ingin berpesan kepada pihak yang berkenaan tengok-tengok sedikit perangai dan tingkah laku kakitangan yang ada di peringkat bawah, jangan sampai tindakan-tindakan mereka tidak diawasi dan akan menyusahkan semua pihak yang berkenaan.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai dengan FELCRA sebanyak RM36,360,000 telah diperuntukkan bagi tujuan pengkorporatan FELCRA.

Cuma saya ingin bertanya apakah masalah yang ditimbulkan oleh FELCRA Belia Lakai, Jelebu yang membangkitkan soal pembayaran CAC dan juga lain-lain perbelanjaan telah dapat diselesaikan oleh pihak FELCRA.

Saya mendapat permakluman beberapa kali surat-surat pernyataan telah pun dikemukakan kepada pihak FELCRA negeri dan Pusat melalui kementerian telah tidak dapat diselesaikan dengan baik, sehinggakan setakat hari ini jawatankuasa yang dibentuk yang mengambil tahu masalah mengenai dengan pembayaran hutang ini yang diberikan, yang dikeluarkan oleh pihak peneroka, peserta-peserta belia FELCRA ini masih tertunggak dan hasrat untuk bertemu dengan pihak Ibu Pejabat FELCRA masih belum dapat disempurnakan. Tolong tengok, FELCRA tolong tengok masalah ini kerana perkara ini telah berlanjutan begitu lama.

Saya telah mengajukan sokongan untuk pihak berkenaan dapat bertemu dengan pihak Ibu Pejabat FELCRA dan juga Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk masalah ini dapat diselesaikan. FELCRA kena fikir bahawa mereka telah bertahun-tahun duduk dan mengusahakan kawasan-kawasan berkenaan menebang, menebas dan juga menoreh sekarang ini dan bayaran hutang kepada pihak FELCRA telah dilaksanakan dari masa ke semasa. Namun, masalah penyelesaian kepada perkara ini masih belum dapat dibuat dengan baik.

Saya tidak mahu hasil daripada tindakan jabatan ataupun FELCRA akan menyusahkan mereka yang berkenaan yang rata-ratanya menyokong kerajaan kita sejak dahulu sehingga sekarang. Saya tidak mahu perkara-perkara yang remeh-temeh ini berlaku yang kononnya tidak mendapat perhatian daripada pihak jabatan menyebabkan keadaan yang gawat akan berlaku di dalam kawasan Parlimen saya sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, jadi, itulah dua perkara sahaja dan saya ingin mendapatkan penjelasan dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mentakab.

6.49 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberi untuk saya sentuh Maksud B.48(2) iaitu sebanyak RM36 juta untuk membiayai sebahagian perbelanjaan pengkorporatan FELCRA. Sepertimana pihak Dewan yang mulia ini sedia maklum, negara kita mengimport makanan sebanyak lebih kurang RM3 bilion setahun dan jumlah ini kemungkinan akan bertambah lagi memandangkan penurunan nilai Ringgit, maka saya berpendapat adalah perlu negara kita mengubah langkah dan strategi untuk mempertingkatkan pengeluaran makanan dalam sektor pertanian.

Jadi, saya berharap FELCRA selain dari memajukan penanaman catch crop seperti getah dan kelapa sawit boleh bersama-sama dengan Kementerian Pertanian juga memajukan penanaman makanan secara komersial.

Jadi, saya berharap FELCRA dapat mempertingkatkan usaha mereka dalam pemuliharaan dan penyatuan tanah supaya penanaman bahan makanan dapat dijalankan secara komersial agar dalam penanaman secara komersial tersebut, kita dapat menggunakan mekanisasi dalam cara penanaman.

Saya juga berpendapat masa kini terdapat banyak tanah yang masih terbiar dan tidak diusahakan atas sebab tertentu dan saya berpendapat mungkin FELCRA boleh memperkenalkan satu sistem sewaan di mana tuan punya tanah boleh berusaha dengan penyewa supaya tanah-tanah tersebut dapat diusahakan yang akhirnya boleh membawa manfaat kepada tuan punya tanah atau penyewa di samping menambah keluaran makanan sektor pertanian.

Tuan Pengerusi, saya sokong usaha FELCRA dalam pengkorporatan, tetapi saya rasa hairan sedikit bahawa nampaknya dalam usaha pengkorporatan ia memerlukan perbelanjaan sebanyak RM36,360,000. Ini pada saya merupakan satu perbelanjaan yang agak besar, jadi, saya minta penjelasan yang lebih teliti apakah yang terkandung dalam perbelanjaan tersebut sehingga kita memerlukan lebih kurang RM36 juta dalam pengkorporatan FELCRA, lagi pun ini bukan jumlah perbelanjaan yang akan dikenakan tetapi merupakan sebahagian perbelanjaan.

Jadi, saya ingin tahu apakah jumlah perbelanjaan dalam exercise, dalam usaha pengkorporatan FELCRA. Soalan akhir adalah, adakah ini bermakna FELCRA juga akan diswastakan selepas pengkorporatan. Kalau ia akan diswastakan, apa sebab kita memerlukan perbelanjaan yang begitu besar dalam exercise pengkorporatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sri Aman. Selepas ini kementerian menjawab.

6.52 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hanya minta penjelasan dalam tiga perkara dari kementerian.

Perkara yang pertama tentang pengambilan kakitangan KEMAS. Di Sarawak kita sudah tahu pelbagai kaum duduk dan tinggal di Sarawak dan di kawasan saya penduduk ialah kebanyakannya dari kaum Iban dan juga saya minta jaminan di sini apabila pengambilan kakitangan untuk bekerja seperti ditempat saya, saya mintalah kakitangan itu mencerminkan potret penduduk di sana, sebab apa oleh kerana kakitangan KEMAS ini untuk saya adalah kakitangan yang sungguh berguna untuk masyarakat, kakitangan ini adalah ejen perubahan di sana, mereka mestilah berinteraksi, pandai berinteraksi dengan kakitangan di situ, pandai bercakap, juga tahu nilai murni rakyat di sana dan oleh kerana itu patut sama makan, sama minum.

Maksud saya, pegawai di sana patutlah tidak was-was apabila dibawa orang, dibawa tidur di rumah panjang, makan di rumah panjang, minum di rumah panjang. Oleh kerana itu, saya minta kalau kakitangan KEMAS di tempatkan di tempat yang begitu, dia haruslah dari kaum Iban dan kalaulah di tempat orang Hulu, saya rasa supaya mereka tahu macam mana membawa kebahagiaan, keselesaan kepada masyarakat orang Hulu supaya dia rajin pergi ke tempat-tempat yang jauh di pedalaman. Saya rasa mereka patutlah dari masyarakat orang Hulu.

Oleh kerana itu, apabila ada urusan pengambilan untuk kakitangan KEMAS, saya mintalah apabila Ahli Yang Berhormat dari kawasan itu minta orang Hulu, minta orang Iban, saya minta kementerian tahu apakah sebab kita minta pegawai yang macam itu dan saya minta juga pegawai atasan, pegawai kanan dan kementerian peka kepada permintaan yang seperti ini.

Yang kedua, saya melihat pegawai KEMAS yang bertugas di kawasan saya sangat rajin. Tetapi saya nampak sokongan dari kementerian tidak begitu kuat. Jadi, dia hendak membawa perubahan ini tetapi saya nampak pihak atasan itu pertolongan dari segi material, dari segi fizikal, dari segi financial, saya nampak ada berkurangan dan saya minta kementerian memikirkan cara-cara yang baru supaya Gerakan Desa Wawasan ini menjadi satu gerakan yang berjaya.

Setakat ini saya rasa malu, oleh kerana kita membuat perasmian kepada Gerakan Desa Wawasan, kita dengar kita hendak membuat rancangan ini, rancangan itu, tetapi apabila tahun berakhir tidak banyak yang telah dicapai dan saya sebagai Wakil Rakyat, kadang-kadang saya rasa untuk menentukan gerakan itu berjaya, saya sendiri memberi pertolongan, tetapi saya rasa kementerian dapat memberi pertolongan secara fizikal, secara financial supaya gerakan ini menjadi satu gerakan yang dapat dibanggakan oleh kita semua.

Yang ketiga, tentang hal tadika, saya dengar rungutan dari pegawai KEMAS apabila mereka mencalonkan tempat di pedalaman, selalu pencalonan itu di tolak kononnya kerana terlalu di pedalaman dan mereka pegawai KEMAS dari pedalaman juga mengatakan, mengapa ada KEMAS di tengah pekan, di bandar yang besar dan saya nampak kebanyakan tadika sekarang adalah di pinggir pekan.

Saya rasa ini adalah satu penyelewengan dan oleh kerana itulah saya minta sekali lagi pegawai atasan, pegawai kanan, mungkin Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri datang dari masa ke semasa melawat supaya apa yang direka oleh kita di Kuala Lumpur ini tidak diselewengkan apabila di peringkat implementasi di tempat yang memang memerlukan pertolongan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila jawab Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

6.57 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga Wakil Rakyat yang telah memberi pandangan semasa membahas perkara mengenai kementerian iaitu Ahli Yang Berhormat dari Jelevu, Mentakab dan dari Sri Aman.

Ahli Yang Berhormat dari Jelevu ada menyentuh beberapa perkara, yang pertama mengenai kakitangan KEMAS, selepas itu mengenai FELCRA. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa urusan untuk mengatur perkhidmatan baru Jabatan KEMAS di seluruh negara dan baru-baru ini yang memerlukan kita meluluskan perbelanjaan mengurus RM36 juta untuk menyelaraskan ini, tidak bermakna bahawa pegawai-pegawai KEMAS yang dahulu dalam kontrak sekarang diubah kepada jawatan tetap.

Sebenarnya, mereka yang pegawai kontrak memang terus kepada jawatan kontrak, cuma apa yang berlaku adalah kita atas permintaan, rayuan dan seruan

daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan kerajaan telah meluluskan satu skel gaji baru untuk mereka ini. Inilah mengapa kita perlu untuk meminta kebenaran untuk membelanjakan belanja yang perlu untuk menyelaraskan gaji-gaji mereka ini.

Kita berharap dengan skel gaji yang baru, dengan kemudahan yang baru yang telah diluluskan oleh kerajaan, saya yakin bahawa KEMAS dapat memainkan peranannya dengan lebih aktif, dengan lebih berkesan, dengan lebih baik di kawasan di seluruh negara.

Memang kementerian dan juga kerajaan mengharapkan Jabatan KEMAS adalah satu jabatan yang penting untuk mengatur dan membantu untuk menyatupadukan rakyat di luar bandar dan mereka mempunyai peranan yang berat khususnya dalam Program Pembangunan Insan di kawasan-kawasan luar bandar kerana baru-baru ini Jabatan KEMAS telah diberikan tugas yang baru untuk menekankan program kementerian iaitu Program Pembangunan Insan di kawasan luar bandar dan di antaranya ialah untuk mengeratkan perpaduan masyarakat.

Jadi, saya berharap kalau ada bukti-bukti yang tertentu di mana kawasan-kawasan Yang Berhormat, di mana penyelia nampaknya ada menyeleweng atas beberapa sebab kita minta perkara ini dirujuk kepada pihak atasan supaya kami dapat meneliti dan kita dapat menyiasat sejauh manakah perkara itu berlaku. Kalau ia berlaku saya memberi jaminan di sini kita akan mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai berkenaan kerana kita tidak mahu ada 'duri dalam daging' di dalam KEMAS.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu, bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya di Kemas ini saya tahu sebab di Kementerian Pembangunan Luar Bandar itu pun sudah lebih kurang tujuh tahun saya berkhidmat dan termasuklah bahagian KEMAS ini di bawah penyeliaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada waktu itu tetapi pada waktu itu senarionya berlainan. Kakitangan KEMAS ini begitu patuh dan juga berdisiplin tetapi apabila saya telah menjadi Ahli Yang Berhormat sekarang ini keadaan itu sudah terbalik, apakah KEMAS tidak dapat dikemaskinikan walaupun telah diberikan pengiktirafan?

Saya khuatir dengan tindak tanduk beberapa kakitangan yang dulunya umpamanya sebagai penyelia dinaikkan pangkat sebagai penyelia kanan yang mungkin peraturan-peraturan perkhidmatan pun tidak begitu mahir. Dengan sewenang-wenangnya mengambil tindakan yang di luar daripada batasan dan bidang kuasa. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah mereka ini telah diberikan kursus perkhidmatan yang sepenuhnya untuk mentadbirkan satu jabatan di bawah satu Parlimen yang terdiri daripada berpuluh-puluh kakitangan? Apakah mereka ini telah diberikan kursus perkhidmatan dalam jabatan yang sewajarnya oleh pihak INTAN dan sebagainya, makanya kita ada etika tertentu untuk diikuti. Jadi, saya khuatir dan saya mahu minta penjelasan sedikit sebanyak, apakah Bahagian KEMAS ini sebenarnya telah rekrut kakitangannya mengikut sistem peraturan dan pentadbiran yang sebenarnya sebab KEMAS memainkan peranan untuk menyatupadukan masyarakat, membangunkan pemikiran masyarakat di luar bandar umpamanya dan juga

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Yunus bin Rahmat:.....mendedahkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta pendekkan penjelasan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Ya, terima kasih. Mendedahkan masyarakat ini terutamanya yang kurang berpengalaman, yang kurang pendidikan untuk memberikan

sokongan padu kepada kerajaan, bukan untuk bekerja bagi seseorang tokoh politik yang ada di dalam kawasan berkenaan. Itu saya minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, memang secara umumnya dan kebanyakannya pegawai-pegawai KEMAS ini adalah Jabatan KEMAS dan pegawainya adalah mempunyai disiplin yang tinggi, mempunyai pengetahuan pengurusan yang terkini dan kementerian juga memang selalu menyeru bahawa KEMAS dan pegawai-pegawainya diberi latihan dan pendedahan kepada cara-cara pengurusan yang terkini dan sentiasa diberitahu dan sentiasa membaiki keadaan mereka.

Jadi, sebenarnya kita berpuas hati dengan kebanyakan pegawai-pegawai KEMAS tetapi kita tidak menafikan ada dua, tiga tempat mungkin ada masalahnya sendiri dan saya percaya apabila Yang Berhormat bekerja di kementerian dahulu pun, ada juga beberapa orang pegawai KEMAS yang terpaksa diambil tindakan dan begitu juga kalau ada perkara ini berlaku kita bersedia untuk mengambil tindakan dan bagi kawasan Jelebu, kita telah dimaklumkan mengenai kelemahan pentadbiran KEMAS di sana dan kita akan mencari jalan bagaimana kita memperbaikinya. Mungkin berbincang dengan Yang Berhormat supaya Yang Berhormat dapat menasihatkan penyelia-penyelia KEMAS di Jelebu dan kalau ada menyeleweng beri dia peluang untuk menukar haluan, kalau ada.

Mengenai hijack project, ini....

Tuan Jawah Anak Gerang: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangunnya. Lubok Antu.

Tuan Douglas Uggah Embas: Nanti ya. Mengenai hijack project ini kita percaya tidak harus berlakulah tetapi kalau ada berlaku sila beritahu kepada kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pegawai KEMAS. Saya amat berterima kasih dengan kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai KEMAS di kawasan saya tetapi saya hendak tahu bagaimanakah pengambilan dibuat tentang pegawai-pegawai KEMAS sama ada Ahli Yang Berhormat di kawasan berkenaan boleh juga memberi recommendation kepada pegawai-pegawai yang kita hendak ambil atau jika ada kekosongan di kawasan berkenaan, bolehkah Ahli Dewan Rakyat berkenaan diberitahu berkenaan dengan kekosongan yang ada?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, ini berbalik kepada persoalan dari Jelebu tadi mengenai jawatan-jawatan kosong. Lepas itu saya jawab apa yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Lubok Antu.

Memang kementerian sedar bahawa banyak kekosongan berlaku di seluruh negara dan saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat pun sedar bahawa baru-baru ini ada temuduga dibuat, sebelum temuduga ada iklan dibuat supaya sesiapa yang berminat untuk memohon boleh memohon. Cara pengiklanan dibuat atas keperluan dari JPA kerana inilah peraturan yang baru dan temuduga telah dibuat beberapa bulan lepas dan kita percaya dengan temuduga ini banyak lagi kekosongan dapat diisi dan mengenai soalan dari Yang Berhormat, memang Yang Berhormat boleh mencalonkan sesiapa Yang Berhormat fikir layak untuk memohon. Yang penting calon itu mestilah layak untuk memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh jabatan. Lepas itu dia akan ditemuduga, kalau dia lulus temuduga maka calon Yang Berhormat itu berjajalah.

Jadi, saya harap Yang Berhormat selalu sentiasa....

Tuan Zainuddin bin Mohamed Nor: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Ya.

Tuan Zainuddin bin Mohamed Nor: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Pertamanya di kawasan saya Pasir Mas terdapat 47 buah TBK, ini prasekolah di bawah kelolaan KEMAS. Baru-baru ini saya telah membuat lawatan secara rasmi yang dianjurkan oleh KEMAS dalam majlis penyampaian bantuan makanan kepada golongan yang miskin di kawasan saya. Saya telah mendapat rungutan daripada pengerusi dan ahli jawatankuasa TBK yang berkenaan. Pertamanya mengenai dengan guru di mana terdapat kebanyakannya guru yang mengajar di situ hanya satu orang sahaja walaupun terdapat pelajar sehingga 50, 60 orang bagi satu kelas. Jadi, ini sudah tentulah timbul masalah ketidakpuasan ataupun tidak mendapat perhatian yang serius dari guru yang mengajar murid yang begitu ramai dengan seorang tenaga pengajar sahaja. Jadi, maksud saya kalaulah boleh pihak kementerian membuat kajian dan menambah lagi guru di tadika berkenaan.

Yang keduanya didapati banyak kelas tadika ini keadaannya amat teruk sekali. Dari segi bangunannya buruk, tidak diperbaiki. Saya telah berbincang dengan penyelia KEMAS di kawasan saya, beliau menyatakan perkara ini telah pun diajukan kepada pihak KEMAS Negeri tetapi jawapannya peruntukan tidak mencukupi. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah kementerian telah sedar dan mengetahui keadaan yang dihadapi oleh Tabika KEMAS di seluruh negara ini terutama sekali kawasan saya di Pasir Mas. Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, ada dua perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Yang pertama ialah mengenai guru, memang kita sedar bahawa ada kekosongan dan ada kemungkinan, saya tidak ada angka terperinci di sini tetapi ada kemungkinan masalah di Pasir Mas, sebahagiannya mungkin selesai atas pengambilan yang baru-baru ini. Saya akan bincang dengan KEMAS nanti berkenaan dengan guru-guru tersebut.

Yang kedua mengenai kedaifan rumah-rumah tadika, ini memang telah diambil perhatian. Oleh yang demikian, maka ada peruntukan pemulihan rumah-rumah ini di seluruh negara tetapi oleh kerana masalah kewangan kita terhad dari segi kemampuan dan masa yang kita ambil untuk membaiki rumah-rumah ini. Saya berharap, mana yang dapat, Yang Berhormat bantulah, tolonglah dengan ada peruntukan supaya kita dapat sama-sama memperbaikinya.

Ahli Yang Berhormat dari Jelevu tadi ada bertanya mengenai FELCRA. Masalah di FELCRA Belia Lakai. Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA telah sedar mengenai masalah ini dan sekarang berusaha untuk menyelesaikan masalah dan saya berharap kalau Yang Berhormat sudi boleh buat appointment mungkin kita dapat bincang dengan FELCRA bagaimana hendak menyelesaikan masalah dan Yang Berhormat tidak perlu tanya dalam Parlimen lagi.

Yang Berhormat dari Mentakab tadi menyentuh beberapa perkara. Yang pertama adalah mengenai cadangan bahawa FELCRA mengambil langkah untuk menyumbang ke arah pembangunan industri makanan di negara ini. Ini adalah satu cadangan yang baik kerana adalah perlu untuk kita memainkan peranan khasnya FELCRA khususnya selepas ianya dikorporatkan untuk membantu dalam industri makanan ini supaya dapat menggunakan teknologi terkini untuk kepentingan negara.

Yang kedua mengenai banyak tanah terbiar, memang ini urusan FELCRA. Walaupun FELCRA telah pun dikorporatkan, ia akan terus memainkan peranan untuk menyatukan tanah-tanah terbiar ini. Jadi, kalau Yang Berhormat ada tahu tempat-tempat yang perlu dibangunkan sila majukan kepada FELCRA untuk ditimbangkan oleh pihak FELCRA.

Yang ketiga, beliau menyokong pengkorporatan tetapi bertanya mengapa kita memerlukan RM36 juta untuk menjayakan pengkorporatan ini. Sebenarnya RM36 juta

ini adalah ongkos mengurus yang diperlukan, kerana mula-mulanya kerajaan memikirkan bahawa FELCRA dapat dikorporatkan lebih awal dari masa yang dapat dicapai tetapi oleh kerana pelbagai masalah yang perlu dilalui, maka kita hanya dapat mengkorporatkan FELCRA pada 1 September ini. Jadi, cukup untuk perbelanjaan mengurus di antara waktu yang ditetapkan dan apa yang berlaku, maka kita memerlukan RM36 juta itu untuk membayar gaji dan sebagainya.

Yang keempat, beliau bertanya sama ada FELCRA akan diswastakan. Setakat ini tidak ada cadangan untuk menswastakan. Kita harap itu adalah keputusan setakat ini. Selepas ini, pada waktu-waktu yang akan datang, kita tidak dapat tahu apa yang akan berlaku.

Yang Berhormat dari Sri Aman telah bertanya beberapa perkara. Yang pertama, ialah mengenai pengambilan kakitangan. Memang apabila KEMAS menimbang untuk mengambil seseorang pegawai, baik penyelia kanan, penyelia atau pembantu masyarakat, keutamaan diberi kepada penduduk tempatan. Kita bersetuju dengan Yang Berhormat ada keperluan untuk menentukan pegawai KEMAS yang diambil sama ada dia penyelia kanan, penyelia atau pembantu masyarakat haruslah sebarata dengan penduduk tempatan kerana peranan mereka adalah begitu penting untuk memajukan masyarakat di akar umbi. Jadi, sejauh mana yang kita dapat, sejauh mana yang kita mampu dan sejauh mana calon-calon yang layak, memang kementerian akan mempertimbangkan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Mengenai kurang sokongan kepada KEMAS, khususnya kepada program Gerakan Desa Wawasan, ini saya rasa tidak berapa tepat kerana kementerian memberi bantuan, telah memberitahu dan telah membuat keputusan bahawa untuk kampung-kampung di bawah program Gerakan Desa Wawasan, kita telah menentukan peruntukan 10% untuk semua infrastruktur di kementerian.

Apa yang saya ingin tekankan di sini bahawa ramai masyarakat kampung, penduduk dan JKK apabila kampung-kampung mereka dipilih sebagai kampung di bawah Gerakan Desa Wawasan, ramai mereka ini menganggapkan inilah peluang untuk memohon projek, ini adalah peluang untuk kerajaan menghantar projek membaiki rumah, projek jalan dan sebagainya. Walaupun itu separuh tepat, tetapi penekanan kita adalah kepada pembangunan manusia di kampung tersebut.

Kita berharap dengan Gerakan Desa Wawasan ini kita dapat membimbing masyarakat, khususnya melalui JKK supaya mereka dapat berdikari, dapat inovatif, dapat memainkan peranan penting dalam merancang, melaksana dan menjalankan pembangunan di kawasan masing-masing. Ini yang kita hendak. Maka untuk mencapai tujuan itu, kita telah memberi panduan kepada KEMAS sebagai penggerak Gerakan Desa Wawasan dengan pelbagai program yang harus dijalankan, misalnya gotong-royong, kursus dan latihan untuk kemahiran dan sebagainya. Ini harus dijalankan malah menteri telah mengarahkan bahawa.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Jelebu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya habiskan satu sentence ini. Malah menteri telah mengarahkan bahawa KEMAS mengadakan aktiviti tiap-tiap bulan ataupun tiap-tiap minggu untuk kampung tersebut supaya JKK kampung tersebut dapat menyatukan masyarakat dan segala program dapat dijalankan supaya masyarakat melibatkan diri dalam pembangunan, kerana kita percaya pembangunan masa depan, sama ada kampung dapat maju atau tidak pada masa akan datang, bergantung kepada penduduk di kampung tersebut. Kalau penduduk di kampung tersebut tidak mahu memainkan peranan mereka, kalau mereka hanya tunggu kerajaan menghantar projek-projek ini, maka ada masalah. Tetapi kita lihat ada kampung yang telah berjaya di mana JKKnya berdikari, ada inovasi diri, dapat bersatu, dapat menjalankan tugas dengan baik, dapat menyemai semangat yang betul dan nilai-nilai yang mulia

kepada penduduk-penduduk kampung, maka majulah kampung tersebut. Ini yang kita hendak semaikan.

Tuan Yunus bin Rahmat: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi, mohon penjelasan. Kita memang tahu akan dasar GDW diadakan dan kita faham bahawa penyelia kanan dan juga penyelia KEMAS yang ada di sesuatu kawasan Parlimen itu bertindak sebagai pengurus kepada Gerakan Desa Wawasan. Tetapi apa yang saya hendak mohon sedikit penjelasan daripada pihak kementerian, sejauh manakah penyelia-penyelia kanan dan juga penyelia ini disedarkan dengan tugas-tugas mereka yang sebenarnya kerana setakat hari ini masih ada lagi Jawatankuasa GDW di peringkat Parlimen, peringkat Daerah dan peringkat DUN yang belum ditubuhkan. Di peringkat kampung, okay, bagi kampung-kampung yang telah dikenal pasti.

Pada bulan Julai yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun datang ke kampung saya untuk merasmikan Gerakan Desa Wawasan Kampung Subang Durian, saya merakamkan ucapan terima kasih. Di samping beliau datang, beliau meluluskan peruntukan sedikit sebanyak untuk landscaping programme, tetapi apakah peranan KEMAS pada waktu itu? Jawatankuasa berkenaan telah pun saya tubuhkan pada bulan Julai 1996. Apabila diketahui bahawa kampung saya dijadikan kampung Gerakan Desa Wawasan, tetapi daripada bulan Julai 1996 sampailah ke bulan Julai 1997 yang lalu, tidak ada aktiviti yang dibuat oleh pihak Kemas sama ada untuk mendesak JKK dan Jawatankuasa Gerakan Desa Wawasan kampung itu untuk bermesyuarat, tunggu Ahli Parlimen juga pada hal mengikut strukturnya Ahli Parlimen adalah sebagai Pengerusi bagi Jawatankuasa GDW peringkat DUN ataupun peringkat Daerah.

Jadi saya hendak tahu sejauh manakah kakitangan KEMAS ini disedarkan dan diberitahu tugas mereka apa yang dia hendak buat, sebab apa yang berlaku sebaliknya, kita pula yang menggerakkan dia buat mesyuarat, cari laporan dan sebagainya. Jadi, kalaulah begini keadaannya saya khawatir GDW ini yang merupakan dasar, kerajaan kita akan tergendala. Jadi saya ingin tahu sejauh manakah kakitangan ini telah disedarkan dan adakah mereka ini telah diberikan kursus yang sewajarnya untuk menggerak dan mewujudkan kampung itu sebagai GDW. Di Jelebu masih banyak lagi yang akan dilaksanakan sebagai GDW. Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Nampaknya Yang Berhormat dari Jelebu ini banyak masalah dengan pegawai KEMAS di kawasan Jelebu. Sebenarnya GDW ini adalah satu program yang baru dan sebagai program-program yang baru, mungkin kita menghadapi pelbagai masalah. Kita tidak menyangkal bahawa di beberapa kawasan memang masih ada kelemahan-kelemahan mengenai pergerakan GDW, maka oleh itu menteri telah mengarahkan bahawa pegawai-pegawai kementerian untuk turun ke bawah untuk melihat keadaan sebenarnya. Jadi, kita berharap dari masa ke semasa keadaan dapat diperbaiki.....

Tuan Fu Ah Kiow: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tunggu sekejap, bolehkah saya habiskan jawab Yang Berhormat dahulu.

Mengenai KEMAS ini, memang sekarang telah dinamakan sebagai penggerak Gerakan Desa Wawasan dan mereka ini telah diberi pendedahan. Yang pertama, pada awal dahulu, apakah Gerakan Desa Wawasan, selepas itu dia telah diberitahu mengenai jentera-jentera yang harus ditubuhkan dan begitu juga mengenai program-program yang harus dijalankan di bawah Gerakan Desa Wawasan. Saya percaya majoriti

pegawai-pegawai Kemas ini telah faham, tetapi kalau ada yang masih belum berapa faham, saya percaya kementerian akan terus mengadakan kursus dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan kebolehan mereka kerana tahun 1996 adalah tahun pertama kita memilih lebih 500 buah kampung dan tahun ini kita memilih lebih 500 buah kampung dan program ini akan terus berjalan dan dari masa ke semasa kita belajar dari apa kesilapan yang kita buat pada masa-masa yang lepas. Jadi, kita berterima kasih kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat beri peruntukan. Saya harap.....

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada lagi yang bangun, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan bahawa masa kita tidak banyak lagi. Saya difahamkan ada satu acara lagi Ahli-ahli Parlimen yang terlibat pada jam 8.00 malam ini, tolong pendekkanlah, kalau boleh.

Tuan Douglas Uggah Embas: Besok ada satu soalan mengenai Gerakan Desa Wawasan dari Yang Berhormat Jelebu, saya harap Yang Berhormat boleh bertanya soalan tambahan pada esok hari.

Akhirnya mengenai tadika dari Yang Berhormat Sri Aman memberitahu bahawa ada masalah rungutan tadika KEMAS ada mirip kepada bandar. Sebenarnya tidak benar, khususnya di Sarawak, kita menghadapi pelbagai masalah khususnya untuk menyediakan kelas tadika di rumah-rumah panjang, kerana rumah-rumah panjang ini bertaburan di seluruh negeri Sarawak, ada hampir 4,000 buah dan kebanyakan rumah ini penduduknya tidak begitu ramai. Tetapi kalau Yang Berhormat dapat mencari cara bagaimana kita dapat menubuhkan satu kelas untuk kelas tadika ini, memang kementerian ada program pada tiap-tiap tahun, tahun ini kita menubuhkan 23 kelas baru, tahun depan kita akan menubuhkan lagi kerana kementerian memikirkan kelas tadika ini adalah penting, maka kita akan meneruskan program ini. Jadi, kalau ada tempat-tempat Yang Berhormat fikir perlu diambil perhatian, kita minta Yang Berhormat majukan kepada kementerian untuk diambil perhatian.

Dengan itu, saya sekali lagi berterima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan kalau ada apa yang tidak dijawab di sini, ianya akan diambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM72,849,600 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM72,849,600 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.52 [Jadual] -

Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1997] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Maksud Bekalan B.52 dan Maksud Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Bagan.

7.27 mlm.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kerja Raya kepada satu masalah yang berkenaan dengan nyawa rakyat.

Tuan Pengerusi, saya tidak faham mengapa JKR masih membenarkan Telekom, Tenaga Nasional atau Pihak Berkuasa Air mengorek jalan-jalan dan selepas mengorek, tidak memastikan mereka membaik pulih dengan memuaskan. Pada masa

sekarang di kawasan saya banyak jalan, baik jalan negeri atau jalan persekutuan, semua dikorek untuk main hole Telekom dan juga saluran-saluran paip plastik untuk telephone line dan juga TNB serta Pihak Berkuasa Air, mereka menanam saluran-saluran ini dan selepas itu tidak membaikinya dengan sempurna. Dan selepas satu, dua hari, apabila tempat yang dikorek dan yang ditampal atau diturap dengan premix itu tenggelam. Habis tenggelam, bila hujan, ada satu lubang yang menakung air. Siapa yang mati di sana? Penunggang-penunggang motosikal yang mati di sana. Banyak kes telah terjadi di kawasan saya kerana melanggar perangkap-perangkap maut ini.

Saya berharaplah terutama sekali pegawai-pegawai kanan yang sekarang hadir dalam Dewan ini, besok menelefon Jurutera Kanan Daerah di kawasan saya melalui telefon No. 3231200, mendesak mereka membuat lawatan ke Jalan Permatang Pauh - ini satu jalan persekutuan dan Jalan Sungai Dua. Baru-baru ini saya ada satu kertas status.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, nampaknya kes ini spesifik untuk dibincang dalam Jawatankuasa.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, ini seluruh.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, di dalam Jawatankuasa tidak boleh bincang perkara-perkara...

Tuan Lim Hock Seng: Ya, cuma ini sahaja. Jalan Permatang Pauh, Jalan Sungai Dua dan Jalan Sungai Puyu. Ketiga-tiga jalan ini semua jalan Persekutuan, semua dikorek dan tidak dibaiki dengan sempurna dan menjadi tempat maut kepada penunggang-penunggang motosikal.

Tuan Pengerusi, bukankah apabila satu-satu pengorekan jalan hendak dijalankan, mereka kena memohon kebenaran dari JKR. Saya mendapati JKR memberi kebenaran untuk mengorek jalan itu dengan syarat mengadakan satu deposit, satu wang cagaran. Jikalau selepas mereka mengorek dan tidak membaiki dengan sempurna, mengapa boleh melepaskan deposit mereka kepada kontraktor yang berkenaan. Jadi, mesti ada satu specification, bila korek sampai empat kaki, mereka kena menambun tanah itu berperingkat-peringkat dan kena dirammed, kena ditumbuk betul-betul. Tetapi mereka tidak. Mereka tutup sahaja begitu dan lapisan di atasnya pun tidak begitu tebal. Premix pun tidak cukup tebal, sebab itulah bila hujan, bila kena air ia susut. Bila susut sudah jadi perangkap maut.

Tuan Pengerusi, kalau saya kata dengan specification, saya teringat kepada bangunan Parlimen ini. Cuba pergi ke tandas tengok. Kontraktor yang menjalankan ubahsuai kerja ini dibenarkan menampal ubin baru ke atas ubin yang lama. Apa specification ini, saya tidak tahu. Sebenarnya ada satu tandas dekat Press Room, mungkin 15 tahun dahulu, 20 tahun dahulu ubin yang kita pakai itu 4" persegi. Selepas itu sudah ada satu trend hendak memakai 6" x 6", dan ubin 6" x 6" menampal ke atas ubin 4" x 4" itu. Sekarang kerana ubahsuai kerja, mereka pakai 6" x 9".

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Hock Seng: Dan 6" x 9" menampal ke atas 6" x 6" jumlah jadi tiga lapis.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, yang 6" x 6" itu tidak ada dalam butiran.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, ini Projek Khas Penyelenggaraan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya tahu, Yang Berhormat. Tetapi kes-kes spesifik, Yang Berhormat lebih tahu, dua penggal, tiga penggal dalam Parlimen.

Tuan Lim Hock Seng: Cuma contoh sahaja, Tuan Pengerusi. Lepas itu kalau mahu buat ubin lantai, ubin lantai lama tidak dipukul, tidak dikikis, cuma tampal yang

baru ke atasnya. Saya pun tidak tahulah. Kalau door frame kenalah nampak. Sekarang door frame pun tidak nampak, semua kena tampal dengan ubin baru. Lantai, kalau kita masuk dari tangga belakang sana, kita nampak ada tong plastik diletak di atas karpet merah. Untuk apa? Itu untuk mengutip air yang bocor dari atas lantai. Air itu datang dari mana? Datang dari tandas. Siapa-siapa kalau nasib malang terus kena air dari tandas.

Jadi, walaupun kita hendak meluluskan satu jumlah RM35 juta - pada satu masa dahulu bila kita cakap RM1 juta, RM2 juta, wah! banyak amaun ini, banyak besar amaun ini. Sekarang bila kata satu projek berpuluh-puluh juta, wang itu mesti dibelanja dengan ada valuenya, dengan ada nilainya, dan meluluskan satu jumlah wang sesuka hati kepada siapa-siapa yang menjalankan kerja itu dengan suka hati mereka. Bangunan Parlimen sepatutnya nampak sebagai satu bangunan unggul, bangunan yang berprestij.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup ya.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, sedikit lagi. Tetapi sekarang bila kita nampak bangunan Parlimen, macam rumah saya jugalah, tampal sini sedikit, tampal sana sedikit, ini tidak sempurna, sana bocor, di sini tidak ada. Saya sepatutnya kena membangkitkan perkara ini semalam tetapi tidak ada masa. Walaupun begitu, saya masih ada peluang untuk membangkitkan kerana ada satu butiran Projek Khas Penyelenggaraan.

Tuan Pengerusi, tujuan saya membangkitkan perkara ini ialah kerana wang telah dibelanjakan dengan tidak diawasi dengan baik. Saya haraplah perangkap maut yang saya kata itu Jalan Permatang Pauh, Jalan Sungai Puyu, Jalan Sungai Dua boleh dapat perhatian pihak berkenaan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ramai lagi yang hendak berucap. Saya beri Gelang Patah dahulu.

7.35 mlm.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya memang menyokong Maksud Perbekalan B.52 untuk Kementerian Kerja Raya sebanyak RM35,400,000 untuk Projek Khas Penyelenggaraan. Di sini saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian bahawa adalah penting untuk kawalan dengan lebih rapi semasa pembinaan jalan atau bangunan dijalankan. Kerana jika kawalan rapi dijalankan, kita akan dapat mengurangkan kerja-kerja penyelenggaraan kemudian. Saya ambil misalan seperti jalan-jalan persekutuan dan jalan-jalan yang dibina di taman-taman perumahan walaupun dibina oleh kontraktor swasta, tetapi pemeriksaan dijalankan oleh jurutera atau juruteknik dari Jabatan Kerja Raya. Jika pemeriksaan dan kawalan yang rapi dijalankan, jalan-jalan dibina dengan baik, pihak kerajaan terutama Kementerian Kerja Raya akan dapat mengurangkan kos-kos maintenance, dengan izin.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya ingin membawa dalam Dewan yang mulia ini saya sentiasa dapati bahawa kadang-kadang selepas hujan lebat, jalan-jalan bertakung dengan air dan ini akan melembutkan jalan-jalan dan jalan itu senang rosak. Oleh yang demikian, adalah penting pihak pegawai kerajaan perlu sentiasa periksa keadaan jalan-jalan sama ada jalan persekutuan atau jalan-jalan di taman-taman atau di kampung, kecuali jalan-jalan yang di bawah jagaan pejabat daerah, semua jalan di bawah jagaan JKR supaya dapat meneliti tiada takungan air yang mana akan merosakkan jalan-jalan, terutama bila curve jalan dibina mesti ada lubang untuk pengaliran air.

Selain daripada itu, saya harap jalan-jalan yang berlobang mesti ditampal secepat mungkin supaya dapat mengelakkan kemalangan. Sebarang halangan atas jalan seperti kayu atau sampah-sampah yang besar terdapat di jalan raya perlu

dibersihkan secepat mungkin. Baru-baru ini semasa saya bertolak dari Johor Bahru ke Parlimen, saya lihat terdapat sebatang kayu yang panjang di tengah-tengah jalan Lebuhraya Utara-Selatan dekat tempat rehat di Pagoh, lebih kurang lima kilometer. Oleh kerana sebatang kayu yang besar itu ada di tengah jalan, kerana saya jalan tidak laju maka saya dapat elakkan kayu itu. Tetapi malangnya kereta di belakang saya sudah terperanjat dan tidak dapat berhentikan secepat mungkin, maka kereta dia sudah menghadapi kemalangan. Saya nampak keretanya pusing satu kali dan berhenti di tepi jalan. Tetapi nasib baik pada masa itu jalan tidak licin, dia pun tidak menghadapi masalah yang teruk.

Ini adalah satu misalan yang saya harap pihak Kementerian Kerja Raya perlu ambil perhatian. Selepas saya nampak kes ini, saya terus telefon kepada PLUS line dan beritahu supaya hantar pekerjaanya secepat mungkin untuk mengalihkan kayu itu. Ini adalah satu dari misalan yang saya sebutkan, dan ada banyak misalan seperti ini yang mana nyawa terhilang kerana cuai kerja sama ada orang ramai yang tidak bertanggungjawab sosial kerana membuang kayu-kayu atas jalan atau kerana pekerja kerajaan yang bertanggungjawab lambat mengalihkan halangan-halangan atas jalan raya.

Tuan Pengerusi, seperti yang kita sentiasa sarankan dalam Dewan yang mulia ini oleh ramai wakil rakyat bahawa perlulah pihak jabatan-jabatan yang berkenaan seperti pihak TNB, pihak Telekom bekerjasama rapat dengan Kementerian Kerja Raya dan dengan pihak berkuasa tempatan untuk adakan koordinasi yang sempurna supaya dapat mengelakkan kerja-kerja yang membazir, iaitu seperti kita sentiasa tahu, bila jalan sudah dibaiki atau jalan yang baru sudah dibina, tetapi jabatan yang lain datang mengorek dan ini sudah menyebabkan perbelanjaan wang yang membazir. Walaupun perbelanjaan itu bukan dibelanjakan oleh pihak Kerja Raya, kerana pihak yang bertanggungjawab seperti TNB atau Telekom yang bertanggungjawab untuk menampal balik jalan itu, tetapi ini pun wang rakyat. Kita perlu kerjasama rapat antara semua jabatan yang berkenaan supaya ambil perhatian, terutama masa kini negara kita sedang menghadapi masalah ekonomi dan penurunan mata wang, kita perlu ambil perhatian jimat tentang perbelanjaan supaya kita dapat mengawasi perbelanjaan yang sempurna.

Selain daripada itu, di sini saya ingin ambil peluang keemasan ini untuk menyarankan kepada pihak kerajaan terutama Kementerian Kerja Raya kalau boleh menasihatkan pihak PLUS jangan naikkan kadar tol pada tahun depan, kerana ini akan menyebabkan inflasi. Kita harap pihak Kementerian Kerja Raya boleh bawa cadangan kepada Kabinet supaya memanjangkan konsesi kepada PLUS supaya mereka tidak akan menaikkan kadar tol pada 1 Januari 1998.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih. Dengan saranan itu saya sokong Maksud Perbekalan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mersing. Selepas itu kementerian menjawab.

7.45 mlm.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Maksud B.52 - Kementerian Kerja Raya berkaitan dengan projek khas penyelenggaraan.

Saya hanya ada satu perkara yang hendak saya bangkitkan di sini iaitu berkenaan dengan persimpangan Jalan Kluang-Mersing ke FELDA Nita di Mersing. Jalan ini lebih kurang 13 kilometer ke dalam sebelum sampai ke FELDA.

Tuan Pengerusi, untuk makluman, sebelum ini jalan ini memang rosak teruk dan berlubang dan setengah-setengah lubang itu agak besar juga. Jadi, pihak kerajaan melalui JKR telah bersetuju untuk memperbaiki jalan ini dan kerja-kerja memperbaiki

telah pun siap lebih kurang tak sampai setahun yang lalu. Dan kerja-kerja penyelenggaraan ini kalau tidak silap saya dilakukan oleh JKR KEJORA.

Walaupun jalan ini telah diperbaiki, saya merasa sungguh dukacita dengan tahap dan mutu pekerjaan yang dilakukan kerana jalan ini kalau sebelum ini jalan ini berlubang, tetapi sekarang ini sudah jadi bonjol dan bonjol ini jarak di antara satu sama lain agak dekat, bayangkan bonjol yang begitu banyak dan penduduk di kawasan itu terpaksa melalui jalan itu pada jarak lebih kurang 13 kilometer.

Saya tidak pasti kenapa perkara seperti ini boleh terjadi, adakah dia tidak menggunakan roller ataupun dia menggunakan roller tetapi yang kecil, yang tidak cukup berat yang boleh meratakan jalan itu. Jadi, dengan keadaan yang demikian, bukan sahaja saya sebagai Wakil Rakyat yang selalu masuk ke kawasan itu, tetapi terutamanya kepada penduduk kawasan itu yang selalu merungut kepada saya tentang jalan ini.

Saya juga pernah membawa perkara ini ke dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah, tetapi setakat sekarang ini saya lihat tidak ada apa-apa tindakan yang telah diambil dan malah perkara ini juga pernah saya bangkitkan pada persidangan yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan jalan ini sekali lagi kerana jalan ini adalah cukup penting kerana baru-baru ini Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membina satu jalan baru yang menghubungkan dari FELDA Nita ke Mersing dan dengan pembinaan jalan ini kita akan dapat menyelamatkan masa dan tempoh perjalanan kalau dari FELDA Nita ke Mersing sebelum ini kalau kita ikut jalan lama ia akan mengambil masa 45 minit tetapi dengan adanya jalan baru ini dia hanya mengambil masa 20 minit.

Dengan adanya jalan baru ini, saya percaya jalan sekarang ini Jalan Kluang-Mersing yang ada sekarang tidak ramai yang akan menggunakannya, pengguna akan menggunakan jalan baru yang dibina oleh kerajaan melalui FELDA Nita ke Mersing dan dengan itu jalan persimpangan FELDA Nita ke dalam kawasan ini cukup penting.

Jadi, lebih-lebih lagi apabila Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan yang ada bersetuju ataupun memberi penekanan yang lebih kepada Mersing sebagai destinasi pelancongan, lebih-lebih lagi Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju untuk membina satu jalan baru daripada Kota Tinggi melalui Tanjong Leman ke Mersing dan juga ke Endau dan ini sudah tentu dapat menambah atau mempertingkatkan bilangan pelancong yang akan datang ke Mersing.

Tuan Pengerusi, oleh kerana perkara ini telah saya bangkitkan beberapa kali dan tidak ada jalan penyelesaian dan tidak ada tindakan yang telah diambil, saya memohon kepada kerajaan sekali lagi supaya mengambil tindakan dengan menurap jalan ini sekali lagi dan kerja-kerja ini hendaklah dijalankan dengan sempurna.

Saya juga berharap, saya bukanlah bercadang untuk menyalahkan sesiapa, tetapi yang saya harapkan ialah keprihatinan oleh pihak tertentu tentang projek yang disediakan oleh kerajaan untuk faedah rakyat. Kalaulah cara macam ini mutu jalan yang disediakan kepada rakyat, saya rasa kalau tidak dibina pun lebih baik.

Jadi, kalau hendak buat, biarlah dibuat secara betul-betul kerana kalau jalan macam ini yang akan menjadi mangsanya ialah Wakil Rakyat sendiri, kitalah jadi mangsa, kitalah yang jadi maki hamun rakyat kerana seolah-olah kita tidak mengambil berat masalah mereka.

Jadi, ini adalah kali kedua saya bangkitkan perkara ini dan saya berharaplah kita ada Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini mengambil perhatian tentang perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

7.51 mlm.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan, Gelang Patah dan dari Mersing yang telah menimbulkan beberapa perkara dalam perbincangan berhubung dengan anggaran perbelanjaan tambahan JKR.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan menanyakan mengapa JKR masih membenarkan TNB, Jabatan Bekalan Air dan Telekom mengorek lubang dan tidak memperbaikinya dengan sempurna sehingga menyebabkan kematian kepada penunggang-penunggang motosikal. Beliau menyebutkan Jalan Permatang Pauh, Jalan Sungai Dua dan Jalan Sungai Puyu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sebenarnya memang ada dasar kerajaan yang diamalkan oleh Kementerian Kerja Raya bahawa barang siapa mengorek lubang, umpamanya TNB atau Jabatan Bekalan Air ataupun Telekom yang mempunyai kontraktor-kontraktor sendiri yang mengendalikan kerja sendiri, yang mengorek lubang dan tidak menutupnya dengan sempurna.

Dalam perkara ini memang Jabatan Kerja Raya mengenakan supaya mereka menutup semula lubang-lubang atau jalan-jalan yang tidak diperbaiki dengan sempurna. Umpamanya, kontraktor-kontraktor berkenaan adalah kontraktor yang bekerja untuk TNB, mereka memohon melalui TNB kepada JKR untuk mengorek sesebuah lubang untuk menanam kabel dan sebagainya di mana satu tabung amanah telah ditubuhkan oleh TNB atau Jabatan Bekalan Air ataupun Telekom merupakan satu ikatan kepada kontraktor yang bekerja.

Manakala jika sekiranya kontraktor-kontraktor yang mengorek lubang dan tidak menutupnya dengan sempurna, jika ada laporan kita boleh menyarankan kepada TNB untuk mengadakan kerja-kerja penutupan dengan sempurna dan kalau tidak JKR sendiri akan bertindak dengan melantik kontraktor lain untuk menutup dan meminta supaya TNB sendiri membayar kontraktor yang telah dilantik oleh JKR. Ini pernah dibuat. Jadi, itulah keadaannya.

Jadi, saya percaya Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum tentang perkara dan saya berterima kasihlah di atas pemberitahuan ini kerana kita sedia dan sentiasa peka menerima teguran jika ada berhubung perkara yang bersabit dengan tugas ataupun petugasan Jabatan Kerja Raya.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah menyarankan supaya kawalan rapi dijalankan di atas semua pembinaan jalan-jalan raya bagi mengelakkan air bertakung, lubang-lubang dan juga kayu-kayu yang patah perlu diatasi dengan segera. Bagi perkara yang berlaku di sepanjang Jalan Persekutuan, jika ada sebarang laporan, kita memang sentiasa peka tentang perkara ini, tetapi kalau ada perkara seumpamanya berlaku di jalan-jalan PLUS maka tanggungjawab PLUSlah untuk melaksanakan kerja-kerja yang dimaksudkan.

Dan yang kedua, beliau juga telah minta menasihatkan pihak PLUS supaya jangan menaikkan kadar tol dan cadangan supaya tempoh konsesi dipanjangkan bagi mengelakkan supaya tol jangan dinaikkan.

Tuan Pengerusi, soal kadar tol naik setiap tahun adalah merupakan satu ikatan janji konsesi yang telah ditandatangani yang mana kerajaan terpaksa akur dengan perjanjian yang telah dibuat. Kalau ada sebarang kerumitan berhubung dengan kenaikan tol, walaupun kerajaan terikat untuk membenarkan kadar tol dinaikkan tetapi kerajaan berhak untuk menentukan waktu-waktunya atau menangguhkan waktunya yang sesuai bagi mempertimbangkan dan membincangkan bahawa kadar tol yang tersebut jangan dinaikkan pada waktu yang berkenaan, kemudian ditangguhkan dan dibincangkan sehingga masa yang sesuai seperti yang berlaku pada baru-baru ini.

Soal memanjangkan tempoh konsesi juga boleh dipertimbangkan kerana ini pernah berlaku kepada sebuah syarikat konsesi yang mengendalikan tol Jalan Kuching yang mana telah disambung selama tujuh tahun kerana telah diarahkan oleh kerajaan supaya melakukan kerja-kerja tambahan di luar daripada skop kerja konsesi.

Jadi, ini adalah merupakan perkara yang boleh dilakukan jika sekiranya wujud ataupun terdesak ataupun perlu dipertimbangkan bagi mengurangkan beban rakyat yang sentiasa menggunakan jalan tol.

Ahli Yang Berhormat dari Mersing telah menyarankan supaya Jalan Mersing yang baru dibaiki, dibaiki semula kerana beliau berdukacita kerana kualiti jalan yang dibaiki baru-baru ini tidak memuaskan dan minta supaya dibaiki lagi dan begitu juga seterusnya dengan jalan-jalan lain yang dicadangkan oleh kerajaan.

Walaupun saya tidak dapat memberikan jawapan yang terperinci di sini, tetapi oleh kerana ini merupakan satu perkara yang umum, saya akan mengambil perhatian atas perkara yang disebutkan ini agar dapat kita berikan tindakan yang sewajarnya nanti.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka dan sebarang perkara yang telah ditimbulkan, yang tidak mendapat jawapan yang sepenuhnya, kami akan mengambil pertimbangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM35,400,000 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM35,400,000 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.52 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1997.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang .

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997 telah ditimbangan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

Hendaklah disetujui.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa Dewan ini mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997 untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan kesebelas dan duabelas penyata tersebut. Hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia dua ratus enam puluh juta, tujuh ratus dua puluh satu ribu, satu ratus tiga (RM260,721,103) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.